



PARLIMEN KELIMA BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**UITM HOLDINGS SDN.BHD.
DI BAWAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

DR.3 TAHUN 2024



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- | | |
|-------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] | -Pengerusi |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] | -Naib Pengerusi |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi] | |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] | |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah] | |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin] | |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] | |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju] | |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] | |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam] | |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] | |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik] | |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok] | |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] | |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | -Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
INFOGRAFIK	i.
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	1
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG UiTM HOLDINGS SDN. BHD.	3
5. KETERANGAN SAKSI	4
5.1 Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)	4
5.2 Keterangan TKSU (Dasar) KPT	8
5.3 Keterangan KPE UiTM Energy Sdn. Bhd.	9
6. PENEMUAN PAC PARLIMEN	20
6.1 Pencapaian KPI	20
6.2 Sumber Dana Bagi Suntikan Modal Anak Syarikat	21
6.2.1 Tabung Amanah	23
6.3 Isu Suntikan Modal UiTM Holdings Yang Tidak Mendapat Kelulusan Menteri Kewangan	24
6.4 Pelaburan UiTM Holdings	32
6.4.1 Pembayaran Dividen	36
6.5 Wakil KPT dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings	36
6.6 Aktiviti Pelaburan UiTM Holdings Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan	38
6.6.1 Perjanjian Sewa Belum Dimuktamadkan	38
6.6.2 Penggunaan Peralatan Perubatan Utama Tidak Mencapai Sasaran	39
6.7 Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar	42
6.7.1 Pertukaran Syarat Nyata Tanah	42
6.8 Tadbir Urus Korporat	44

PERKARA	MUKA SURAT
6.8.1 Pelantikan Setiausaha Syarikat	44
6.9 Kedudukan Syarikat Subsidiari	46
6.9.1 Syarikat Subsidiari Dorman	46
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	48
8. SYOR PAC PARLIMEN	48
GAMBAR PROSIDING	-
GLOSARI	-
AGENDA MESYUARAT	-
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	-
DOKUMEN PEMBENTANGAN	-



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG UiTM HOLDINGS SDN. BHD. DI BAWAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Saksi :



- ▶ Jabatan Audit Negara
- ▶ Kementerian Pengajian Tinggi
- ▶ Universiti Teknologi Mara
- ▶ UiTM Holdings Sdn. Bhd.

Latar Belakang:



- ▶ **UiTM Holdings Sdn. Bhd.**
 - ✓ Syarikat berhad menurut syer
 - ✓ Ditubuhkan pada 5 jun 2007
 - ✓ Modal berbayar RM259.98 juta
- ▶ **Mandat:** mencipta kekayaan, peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat kepada UiTM.
- ▶ **Aktiviti utama:** pelaburan dalam bidang Tenaga, Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Kreatif.



Penemuan PAC:



- ▶ Pencapaian *Key Performance Indicator*
- ▶ Sumber Dana Bagi Suntikan Modal Anak Syarikat
 - ✓ Tabung Amanah
- ▶ Isu Suntikan Modal UiTM Holdings Berjumlah RM259.98 Juta Tidak Mendapat Kelulusan Menteri Kewangan
- ▶ Pelaburan UiTM Holdings
 - ✓ Pembayaran Dividen
- ▶ Wakil KPT dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings
- ▶ Aktiviti Pelaburan UiTM Holdings Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan
 - ✓ Perjanjian Sewa Belum Dimuktamadkan
 - ✓ Penggunaan Peralatan Perubatan Utama Tidak Mencapai Sasaran
- ▶ Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar
 - ✓ Pertukaran Syarat Nyata Tanah
- ▶ Tadbir Urus Korporat
 - ✓ Pelantikan Setiausaha Syarikat
- ▶ Kedudukan Syarikat Subsidiari
 - ✓ Syarikat Subsidiari Dorman



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG UiTM HOLDINGS SDN. BHD. DI BAWAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Rumusan PAC Parlimen:



- 1 UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UiTM Holdings) dan anak-anak syarikatnya belum mencapai objektif asal dan mandat untuk mencipta kekayaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), mencipta peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat.
- 2 Kegagalan UiTM mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan tidak selaras dengan peruntukan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] dan menyebabkan pengambilalihan UiTM Private Education Sdn. Bhd. (UPESB) dan UiTM Technoventure Sdn. Bhd. (UTVSB) bertentangan dengan akta.
- 3 Suntikan modal berjumlah RM259.98 juta oleh UiTM daripada tahun 2007 hingga 2018 tanpa kelulusan Menteri Kewangan bagi tujuan pemilikan saham dalam UiTM Holdings tidak selaras dengan kehendak Akta 173.
- 4 Projek solar oleh pihak UiTM Holdings jelas memberi manfaat kepada pengoperasian UiTM. Namun pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang masih belum diselesaikan.
- 5 Kegagalan memuktamadkan perjanjian penyewaan baharu antara UiTM dan UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. (UPHSB) mengakibatkan berlaku tunggakan sewaan selama 15 bulan selain menyebabkan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM tidak dapat disenggara dengan baik.

Syor PAC Parlimen:



- 1 UiTM perlu lebih efektif dalam mengawal selia UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya supaya menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan.
- 2 UiTM perlu memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pinjaman dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173.
- 3 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan UiTM hendaklah memastikan bahawa tindakan pembedaan diambil dalam isu suntikan modal berjumlah RM259.98 juta supaya selaras dengan Akta 173.
- 4 Pihak UiTM Holdings hendaklah segera menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang.
- 5 UiTM Holdings perlu membentangkan pelan komprehensif hala tuju pelaburan dan perniagaan termasuk menangani isu tunggakan terhadap penyewaan bangunan selama 15 bulan dan masalah penyenggaraan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM.



**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
BERHUBUNG
UiTM HOLDINGS SDN. BHD.
DI BAWAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

1. PENDAHULUAN

UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UiTM Holdings) ialah syarikat milikan penuh Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) – Pengurusan Syarikat Persekutuan Tahun 2022 yang dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memulakan prosiding mengenai tajuk UiTM Holdings di bawah UiTM yang dikawal selia oleh KPT melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. PM 83 (2) PPMMDR;
- iii. Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301;
- iv. AP (Pindaan 2023) 304 (a); dan

- v. Seksyen 5(3)(d), Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

Prosiding ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan aktiviti syarikat diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta amalan tadbir urus korporat yang baik.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1 Perbincangan menjurus kepada isu berhubung mandat dan objektif UiTM Holdings yang masih belum tercapai dalam melaksanakan peranan sebagai syarikat pegangan pelaburan dalam syarikat subsidiari dan amalan tadbir urus yang kurang memuaskan dengan memanggil pihak berkepentingan seperti berikut:

- a. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN);
- b. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Dasar, KPT;
- c. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM;
- d. Encik Farisan bin Mokhtar, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Kumpulan UiTM Holdings;
- e. Dr. Haezar bin Ismail [KPE (UiTM Energy Sdn. Bhd.)]; dan
- f. Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah [KPE UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. (UPHSB)]

untuk memberi keterangan dan penjelasan mengenai peranan serta penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

PAC Parlimen juga menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE) dan Jabatan Akauntan Negara (JANM), untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2. Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	6 Disember 2023/ 10.00 pagi	Bil. 9/2023	Jabatan Audit Negara: - Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]
2.	6 Disember 2023/ 11.00 pagi	Bil. 2(a)/2023	Kementerian Pendidikan Tinggi: - Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar). Universiti Teknologi Mara: - Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor. UiTM Holdings Sdn. Bhd.: - Encik Farisan bin Mokhtar, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

3.3 PAC Parlimen turut merujuk dokumen-dokumen berikut:

- i. Slaid pembentangan UiTM pada 6 Disember 2023; dan
- ii. Slaid pembentangan JAN pada 6 Disember 2023.

4. LATAR BELAKANG UiTM HOLDINGS SDN. BHD.

4.1 UiTM Holdings adalah sebuah syarikat berhad menurut syer yang ditubuhkan pada 5 Jun 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]. UiTM Holdings merupakan syarikat milikan penuh UiTM yang dikawal selia oleh KPT.

4.2 Mandat UiTM Holdings adalah mencipta kekayaan kepada UiTM, mencipta peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat. Objektif penubuhan syarikat mengikut Perlembagaan Syarikat adalah seperti berikut:

- i. sebagai syarikat pegangan dan membuat pelaburan atau memegang saham, debentur, pinjaman, bon dan sebagainya yang dikeluarkan atau dijamin oleh kerajaan atau pihak lain di dalam dan di luar negara;
- ii. penasihat dan perunding kepada kerajaan dan pihak lain dalam bidang pendidikan; dan
- iii. menjalankan perniagaan am.

4.3 Aktiviti utama UiTM Holdings adalah pelaburan yang memfokus kepada empat (4) bidang perniagaan iaitu Tenaga, Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Kreatif yang dilaksanakan oleh lapan (8) syarikat subsidiarinya yang aktif.

4.4 Lembaga Pengarah UiTM (LPU) bertanggungjawab untuk meluluskan rancangan aktiviti perniagaan UiTM termasuk penubuhan syarikat dan pelaburan dengan kelulusan Menteri Kewangan. Model perniagaan UiTM Holdings berteraskan keuntungan bagi tujuan memberi pulangan kepada UiTM selaku pemegang saham utama yang memberi suntikan modal dan pembiayaan/pinjaman/pendahuluan.

4.5 Sumber dana pelaburan UiTM Holdings terdiri daripada ekuiti berbentuk saham biasa dan saham keutamaan daripada UiTM yang seterusnya dilaburkan semula oleh UiTM Holdings dalam syarikat subsidiari. Setakat 31 Disember 2022, sejumlah RM259.98 juta telah dilaburkan oleh UiTM kepada UiTM Holdings dalam bentuk suntikan modal dan penukaran pinjaman kepada ekuiti.

5. KETERANGAN SAKSI

Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1 Keterangan Ketua Audit Negara (KAN)

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara] dalam Prosiding Bil. 9/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa objektif pengauditan yang telah dilaksanakan oleh JAN adalah seperti berikut:

- i. menilai pencapaian mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings melalui pengurusan aktiviti pelaburan dalam syarikat subsidiari;
- ii. melihat amalan tadbir urus korporat; dan
- iii. melihat kedudukan kewangan syarikat.

Penemuan Audit adalah seperti berikut:

A. Prestasi Aktiviti Pelaburan

- i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
Bagi tempoh 2019 – 2022, UiTM Holdings tidak mencapai kesemua empat (4) bidang fokus yang disasarkan. KPI hanya mencapai antara 32 hingga 46 peratus bagi tempoh yang diaudit.
- ii. Prestasi Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari
 - Penjejasan nilai berjumlah RM64.63 juta yang merangkumi 52 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan.
 - Prestasi kewangan subsidiari dalam bidang perniagaan iaitu bidang penjagaan kesihatan, teknologi dan kreatif dilihat kurang stabil dan mengalami kerugian sebelum cukai bagi tempoh yang telah diaudit. Hanya satu (1) sahaja bidang perniagaan yang dilihat sebagai stabil iaitu pelaburan dalam bidang tenaga.
 - Pulangan dividen atas pelaburan tidak memuaskan kerana hanya empat (4) syarikat subsidiari yang membayar balik dividen kepada UiTM Holdings berjumlah RM30.77 juta iaitu UiTM Document Services Sdn. Bhd., UiTM Private Education, UiTM Technology Centre dan UiTM Solar Power.
- iii. Prestasi Kewangan Kumpulan UiTM Holdings
Prestasi kewangan Kumpulan UiTM Holdings adalah kurang stabil dan merekodkan kerugian sebelum cukai bagi tahun 2019, 2021 dan 2022 serta kerugian terkumpul adalah sebanyak RM111.28 juta setakat 31 Disember 2022.

iv. Pulangan Dividen Tahunan Kepada UiTM

Pulangan dividen oleh UiTM Holdings kepada UiTM belum dapat dinilai memandangkan kedudukan kewangan UiTM Holdings kurang stabil. Sejak penubuhan syarikat subsidiari, hanya RM6.16 juta dividen dibayar bagi tempoh 14 tahun dari tahun 2008 hingga 2022 berbanding suntikan modal oleh UiTM berjumlah RM259.98 juta. Ini berpunca daripada kedudukan kewangan bagi tiga (3) bidang perniagaan yang kurang stabil.

v. Penjimatan Kos Tenaga Elektrik UiTM

Projek Solar Bumbung di enam (6) kampus UiTM iaitu UiTM Dungun, Kuala Pilah, Segamat, Jengka, Permatang Pauh dan Bertam telah berjaya memberi penjimatan kos tenaga elektrik kepada UiTM berjumlah RM530,000 bagi tempoh 2019 hingga 2022.

B. Pengurusan Aktiviti Pelaburan

i. Suntikan Modal Oleh UiTM

Sejumlah RM259.98 juta suntikan modal antara tahun 2009 hingga 2018 tidak mendapat kelulusan Menteri Kewangan di mana proses kelulusan penyaluran modal adalah tidak selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173].

Selain itu perincian penggunaan suntikan modal berjumlah RM176.20 juta tidak dapat ditentukan kerana penyelenggaraan dokumen tidak teratur sebelum tahun 2022.

ii. Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga

- Pertukaran syarat nyata tanah daripada kategori institusi Pendidikan tinggi kepada kategori industri bagi projek UiTM Solar Park di Pahang didapati tidak cekap kerana masih belum diselesaikan dan dikenakan bayaran RM14.69 juta iaitu termasuk cukai tanah dan denda kepada pihak pejabat tanah.
- Berlaku hakisan tanah di projek jana kuasa elektrik solar berskala besar iaitu di UiTM Solar Park I dan II.
- Pemasangan kabel projek UiTM Solar Park II tidak cekap menyebabkan masalah haiwan perosak.

- Kerosakan kabel di tapak UiTM Solar Park I akibat pembinaan projek Rail Hubungan Pantai Timur (ECRL) pada kawasan tersebut dan masih dalam tindakan pembaikan.
- 41 peratus aduan kecacatan pembinaan solar bumbung di tujuh (7) cawangan kampus UiTM belum diselesaikan.
- Pemasangan peralatan solar bumbung tidak teratur kerana risiko keselamatan.

iii. Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan

UiTM Holdings telah membuat pelaburan dalam bidang perniagaan penjagaan kesihatan melalui UiTM Private Specialist Centre (UPSC) yang diuruskan oleh UPHSB, satu syarikat subsidiari UiTM Holdings sebagai inisiatif bersama antara UiTM Holdings dan Fakulti Perubatan UiTM untuk membuka *private wing* di Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) di Sungai Buloh. Secara keseluruhannya, didapati pelaburan dalam bidang perniagaan ini adalah tidak cekap. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Penyediaan perkhidmatan doktor pakar dan penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran disebabkan tiada *coordination policy* dan pelaksanaan antara UiTM dan UiTM Holdings berhubung operasi UPSC.
- Perjanjian sewa bangunan Hospital PPUiTM masih belum ditandatangani dan penyelenggaraan kurang memuaskan.
- Hala tuju strategik hospital iaitu *UiTM Private Healthcare: 10 Years Strategic Plan Blueprint 2018* belum mencapai sasaran kerana tiada koordinasi antara UiTM dan syarikat.

iv. Hala Tuju Strategik Pelaburan

Pelan hala tuju strategik pelaburan telah mendapat kelulusan daripada LPU namun ia masih belum dilaksanakan.

C. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya tadbir urus korporat UiTM Holdings adalah kurang memuaskan. Didapati hanya dua (2) daripada sembilan (9) elemen tadbir urus iaitu KPE kumpulan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diamalkan

sepenuhnya. Bagi tujuh (7) elemen yang tidak diamalkan sepenuhnya adalah seperti berikut:

- Tugas dan tanggungjawab pengerusi bagi lantikan tempoh 2019 hingga 2021 tidak dinyatakan dalam surat pelantikan serta terma dan rujukan lembaga pengarah.
- Tiada wakil MOF dan KPT yang dilantik dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings seperti mana yang telah ditetapkan dalam garis panduan pelaburan untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan surat Jabatan Pendidikan Tinggi bagi tempoh yang diaudit.
- Setiausaha syarikat tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam menasihatkan lembaga pengarah berkaitan dengan tadbir urus syarikat sepanjang tahun 2019 sehingga 2023.
- Pelan perniagaan dan pencapaian KPI tidak dilaporkan, dibentangkan atau dipantau oleh lembaga pengarah.
- Jawatankuasa Audit dan Risiko serta Audit Dalam tidak mengadakan perjumpaan secara berasingan atau bebas tanpa kehadiran pengurusan syarikat.

Status *AG's Dashboard* menunjukkan hanya satu (1) isu yang selesai daripada 17 isu berbangkit iaitu berkaitan dengan pengurusan aktiviti pelesenan hospital swasta. Manakala pelaksanaan bagi 16 isu sedang dalam pemantauan.

Secara keseluruhannya, rumusan Audit adalah seperti berikut:

- i. Mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings untuk mencipta kekayaan kepada UiTM dan peluang pelaburan dilihat masih belum tercapai;
- ii. Amalan tadbir urus korporat juga dilihat kurang memuaskan; dan
- iii. Kedudukan kewangan kumpulan masih kurang stabil.

5.2 Keterangan TKSU (Dasar) KPT

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian (TKSU Dasar, KPT) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa objektif utama penubuhan syarikat oleh universiti awam adalah untuk menjana pendapatan

kepada pihak universiti bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Perkara ini selaras dengan kuasa tambahan yang diperuntukkan dalam Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] Perenggan 4A(1)(f) dan 4A(1)(g) iaitu UiTM boleh menubuhkan syarikat dan membuat tambahan modal pelaburan kepada anak syarikat dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Walau bagaimanapun, perkara ini tidak berlaku dalam kes UiTM. KPT selaku kementerian pengawal bagi UiTM sememangnya memandang serius isu ini. KPT berpandangan bahawa UiTM Holdings merupakan syarikat milikan penuh UiTM perlu beroperasi sebagai entiti berasingan supaya UiTM sebagai sebuah universiti tidak dibebankan dalam apa jua bentuk tanggungan jika syarikat mengalami kerugian ataupun kegagalan. Pada dasarnya, kawalan dan pemantauan KPT dalam aktiviti syarikat adalah terletak pada wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings yang berperanan untuk menyelia dan memantau kemajuan aktiviti syarikat.

5.3 Keterangan KPE UiTM Energy Sdn. Bhd.

Dr. Haezar bin Ismail (KPE UiTM Energy Sdn. Bhd.) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertariikh 6 Disember 2023 memaklumkan terdapat 17 penemuan audit telah dilaporkan dalam LKAN 2022. Daripada jumlah tersebut hanya satu (1) penemuan audit telah selesai dan masih berbaki 16 yang masih dalam tindakan. Penemuan-penemuan tersebut adalah seperti berikut:

A. Penilaian Prestasi

i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- KPI tidak memuaskan (2019-2022), 32%-46%
- Pencapaian KPI Kumpulan UiTM tidak dilapor, dibentang dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Bermula tahun 2021, Pengurusan UiTM Holdings telah membentangkan pencapaian KPI Kewangan (sebahagian daripada KPI yang telah ditetapkan) pada setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah UiTM Holdings untuk pemantauan.

Pengurusan UiTM Holdings akan terus memantau pencapaian syarikat subsidiari melalui kemajuan laporan bulanan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan Laporan Suku Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kepada Ahli Lembaga Pengarah UiTM Holdings.

Kad Skor KPI (*KPI Scorecard*) telah disediakan bagi menilai pencapaian syarikat bagi tahun 2023 yang akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada suku pertama tahun 2024.

ii. Pencapaian Keberhasilan - Pulangan Dividen Tahunan kepada UiTM

UiTM Holdings telah mencatat keuntungan selepas cukai dan baki tunai mencukupi bagi tahun 2010, 2011 dan 2016, namun tiada dividen dibayar kepada UiTM.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Keputusan pembayaran dividen adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat berdasarkan kepada keadaan semasa kewangan dan kestabilan syarikat.

Berdasarkan kedudukan kewangan pada tahun 2010, 2011 dan 2016, Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah membuat keputusan bahawa dividen belum boleh dibayar.

Pelan Hala Tuju Strategik Kumpulan UiTM Holdings telah menyasarkan pulangan dividen kepada UiTM berjumlah RM6.78 juta setiap tahun bermula tahun 2026 (tertakluk kepada tarikh kelulusan).

B. Suntikan Modal Oleh UiTM

- i. Suntikan modal sebanyak RM259.98 juta tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan.
- ii. Perincian penggunaan/perbelanjaan bagi suntikan modal tidak dapat dikemukakan untuk semakan audit memandangkan penyelenggaraan dokumen yang tidak teratur bagi tahun sebelum 2022.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Penubuhan UiTM Holdings telah mendapat kelulusan MOF dalam surat rujukan KK/BKI(S)10/72 Jld.3 (7) bertarikh 18 Januari 2008 yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan surat pemakluman Kelulusan Penubuhan UiTM Holdings dari Jabatan Pendidikan Tinggi kepada Naib Canselor UiTM dalam surat rujukan JPT.S(G)2000/021/05/03 Jld.2 (3) bertarikh 28 Januari 2008. Penubuhan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. KPT bertanggungjawab menyelia aktiviti dan kemajuan UiTM Holdings melalui wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings;
- ii. UiTM Holdings beroperasi sebagai entiti berasingan supaya UiTM sebagai sebuah universiti tidak dibebankan dengan sebarang tanggungan dalam apa jua bentuk jika UiTM Holdings menemui kegagalan;
- iii. UiTM dan UiTM Holdings haruslah mematuhi Garis Panduan Penubuhan Syarikat IPTA serta Garis Panduan Malaysia *Code on Corporate Governance*;
- iv. Modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan;
- v. Kakitangan UiTM Holdings dibiayai oleh syarikat dan terasing dari kakitangan UiTM; dan
- vi. Peraturan penglibatan kakitangan UiTM dalam melaksanakan tugas UiTM Holdings hendaklah diadakan bagi memastikan penglibatan mereka tidak mengganggu tugas asal di UiTM.

UiTM berpandangan tiada keperluan mendapatkan kelulusan MOF bagi suntikan modal kerana dibiayai daripada sumber dalaman selaras dengan ketetapan dalam surat MOF kepada KPT bertarikh 18 Januari 2008.

Berdasarkan surat tersebut, MOF telah meluluskan penubuhan UiTM Holdings dan tertakluk kepada syarat antaranya modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan.

Oleh itu, UiTM mengambil pendekatan tidak merujuk semula kepada MOF bagi suntikan modal seperti ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaburan untuk

IPTA April 2004. Ini adalah selaras dengan pandangan Penasihat Undang-Undang UiTM dalam suratnya dengan rujukan 100-PUU (14/3/42) bertarikh 29 Jun 2020 bertajuk Pandangan Perundangan Mengenai Pemberian Suntikan Modal/ *Islamic Redeemable Preference Shares (RCPS-i)* Kepada Anak Syarikat. Isi kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:

“Pejabat Penasihat Undang-Undang telah dipanjangkan berkenaan pertanyaan tentang isu suntikan modal secara RCPS-i kepada anak syarikat UiTM, serta keperluan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Setelah diteliti, Pejabat ini berpandangan seperti berikut:

- a. Eksesais korporat RCPS-i ini difahamkan adalah melibatkan pengubahan dari pinjaman yang diberikan oleh UiTM kepada UiTM Holdings, kepada saham di dalam UiTM Holdings yang disebutkan sebagai RCPS-i tersebut.
- b. Keseluruhan eksesais korporat RCPS-i tersebut hanya menggunakan dana dan perbelanjaan dari sumber dalaman UiTM sahaja.
- c. Kelulusan MOF berkaitan UiTM Holdings ini pada asalnya adalah seperti pada surat MOF yang bertarikh 18 Januari 2008, yang mana pada ketika kelulusan diberikan untuk penubuhan UiTM Holdings ini, pihak MOF telah *inter alia* menetapkan supaya modal pembiayaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai dari sumber Kerajaan.
- d. Selaras dengan kelulusan oleh MOF tersebut, segala aktiviti dan eksesais korporat bagi UiTM Holdings ini adalah tidak terhalang untuk diadakan selagi mana sumber Kerajaan tidak digunakan.
- e. Oleh yang demikian, Pejabat ini berpandangan bahawa tiada keperluan untuk kelulusan MOF yang berasingan terhadap langkah eksesais korporat RCPS-i ini, selagi mana ianya menggunakan sumber/dana dalaman UiTM, dan ini juga adalah selaras dengan maksud dan semangat skop kelulusan MOF tersebut.
- f. Hanya sekiranya dana dan perbelanjaan UiTM Holdings ini menggunakan sumber dari Kerajaan sahajalah baru keperluan untuk kelulusan MOF yang berasingan adalah diperlukan.”

C. Aktiviti Pelaburan Dalam Perniagaan Tenaga

i. Pertukaran Syarat Nyata Tanah

Pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri masih belum diperoleh serta denda dan cukai tanah dikenakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan berjumlah RM14.69 juta (UiTM Solar Park I).

Maklumbalas UiTM Holdings:

Permohonan awal dalam proses penukaran status tanah daripada insitituti kepada industri telah dibuat oleh pihak UiTM. Solusi yang terbaik ialah untuk mengekalkan status tanah ini sebagai status Institusi untuk kebaikan UiTM sebagai pemacu penyelidikan dan pembangunan tenaga boleh diperbaharui. Dengan melaksanakan perkara ini pihak UiTM Holdings akan dikecualikan daripada pembayaran penalti penukaran status tanah tersebut.

ii. Hakisan Tanah di Kawasan Projek UiTM Solar Park I di Gambang, Pahang

Hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik solar berskala besar.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Bagi pemulihan hakisan (*erosion*) kecil dan pembaikan longkang, kontraktor yang dilantik telah melaksanakan sebahagian kerja-kerja membaik pulih hakisan ini sebelum penamatan kontrak pada Oktober 2023.

Tindakan seterusnya, pihak UiTM Energy & Facilities Sdn. Bhd. (UEFSB) akan melantik kontraktor baru yang dijangkakan pada awal tahun hadapan memandangkan musim tengkujuh telah pun bermula pada November 2023 mengakibatkan kerja-kerja baik pulih tidak dapat dijalankan pada Disember 2023.

Bagi cadangan pemulihan hakisan tanah di tebing sungai dan perlindungan tebing sungai daripada kemerosotan di Blok 5, kerja-kerja pemulihan hakisan tanah di tebing Sungai Blok 5 ditangguhkan atas kekangan bajet tahunan. Kerja-kerja pemulihan ini dijangkakan akan bermula pada awal tahun hadapan setelah musim tengkujuh berlalu melalui bajet 2024.

iii. Hakisan Tanah di Kawasan Projek UiTM Solar Park II di Pasir Gudang, Johor

Hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik solar berskala besar.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Pihak kontraktor telah melaksanakan 95 peratus kerja-kerja pemulihan dan penambahbaikan terhadap hakisan tanah di UiTM Solar Park II dan selesai pada bulan Julai 2023.

- Solusi jangka masa pendek – *earth drainage* telah dijalankan.
- Solusi jangka masa panjang - *permanent drainage system* memerlukan modal kewangan yang tinggi.

iv. Pemasangan Kabel

- Pemasangan conduit kabel yang tidak sesuai (UiTM Solar Park II).
- Kerosakan kabel akibat tikus perosak (UiTM Solar Park II).

Maklumbalas UiTM Holdings:

Kerja-kerja berkenaan pembasmian haiwan perosak akan bermula pada 20 November 2023 memandangkan Pasukan Teknikal dan Bukan Teknikal (TNT) mula bertugas pada 15 November 2023. Kerja-kerja ini juga dibantu oleh Pasukan Operasi dan Penyenggaraan (O&M). UiTM Holdings juga dalam proses pembelian kabel anti roden (*anti-rodent*). Kabel ini akan ditukar secara berkala mengikut jumlah kerosakan kabel. Antara skop kerja oleh pasukan TNT adalah pencucian panel dan juga penaburan racun tikus bagi membasmi kehadiran haiwan perosak. Kerja-kerja ini adalah dalam penjadualan bagi setahun seperti yang tertera dalam kontrak.

v. Jaminan Perlindungan Projek

Kerosakan Kabel *overcurrent trigger at a ring 1A* pada 8 Ogos 2022 melibatkan kabel di kawasan pembinaan Projek ECRL di UiTM Solar Park I.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Kerja-kerja pembetulan (*rectification*) kabel bawah tanah telah dijalankan dan siap sepenuhnya pada 12 Oktober 2023. Laporan Pengujian dan Laporan Bergambar (*Test Report & Photo Report*) telah dikeluarkan pada

19 Oktober 2023. Perkara ini telah dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan UiTM Holdings pada 16 Oktober 2023.

vi. Aduan Kecacatan Pembinaan Projek

Sebanyak 41 peratus aduan kecacatan pembinaan solar bumbung masih belum diselesaikan.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Kelulusan pembayaran tertunggak antara UEFSB dan EPCC-Atlantic Blue telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah UEFSB. Kerja-kerja pembedulan akan dilakukan. Kecacatan (*defect*) pembinaan solar masih berbaki 21 aduan daripada 100 aduan kecacatan pembinaan solar bumbung dalam proses kerja-kerja pembedulan.

Surat tawaran kepada kontraktor bagi pemasangan *Fault Current Limiting Reactor* (FCLR) telah dikeluarkan pada 29 Ogos 2023 dan kerja telah bermula serta dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2024.

vii. Perlindungan dan Keselamatan Peralatan Projek Solar Bumbung

- Sebahagian ruangan tempat letak kenderaan bagi Zon 1 telah mengalami kerosakan akibat dilanggar oleh lori yang menurunkan muatan.
- Pemasangan alat penyongsang (*inverter*) di kawasan ruang tempat letak kenderaan tidak teratur kerana kabel yang bersambung dengan *inverter* terdedah tanpa sebarang perlindungan.
- *Protection Relay* tidak dikalibrasi dan telah tamat tempoh pada bulan November 2022.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Kerja pembaikan bagi bumbung yang rosak di UiTM Kampus Kuala Pilah telah selesai dijalankan pada 2 Oktober 2023 dan masih menunggu bayaran daripada pihak insurans untuk kerja pembaikan tersebut.

Berdasarkan standard industri ketika ini [rujukan *Malaysian Photovoltaic Industry Association* (MPIA)] tidak ada sebarang keperluan untuk

pemasangan alat pelindung *inverter* dan juga kamera litar tertutup untuk sistem solar berbumbung yang terdedah kepada akses awam.

Protection Relay telah selesai dikalibrasi untuk tujuh (7) kampus.

D. Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Penjagaan Kesihatan

i. Keperluan Doktor Pakar

Perkhidmatan doktor pakar tidak mencapai sasaran.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Kebergantungan UPHSB terhadap penyediaan perkhidmatan doktor pakar dari Fakulti Perubatan UiTM adalah amat tinggi, namun kekangan yang dialami oleh pihak UPHSB berikutan jumlah masa perkhidmatan yang dibenarkan bagi setiap anggota Fakulti Perubatan adalah terbatas di mana ianya tertakluk kepada polisi fakulti tersebut.

Setelah diteliti oleh ketiga-tiga pihak, semua pihak bersetuju perkara ini perlu diperhalusi dengan memperkemaskan koordinasi di antara ketiga-tiga pihak.

Sehubungan dengan itu, UiTM menekankan keperluan UiTM Holdings untuk melantik Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital UiTM dalam komposisi Lembaga Pengarah UPHSB bagi meningkatkan komunikasi dengan UiTM untuk dijadikan platform yang lebih utuh bagi koordinasi yang berkesan.

UiTM Holdings dalam proses melaksanakan pelantikan barisan Lembaga Pengarah UPHSB yang baharu di mana terdapatnya penambahan jawatan Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital UiTM ke dalam komposisi Lembaga Pengarah UPHSB.

ii. Penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran

Tiga (3) alat perubatan yang telah disenaraikan adalah *ophthalmology equipment for cataract surgery*, *2D mammography system* dan juga *robotic surgery*.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Penggunaan peralatan perubatan tidak mencapai sasaran berikutan pegawai pakar bertanggungjawab terhadap peralatan tersebut telah meletakkan jawatan pada 2020. Pegawai pakar gantian hanya dapat dilantik pada Oktober 2023.

Dijangka kadar penggunaan peralatan tersebut akan meningkat dan seterusnya mencapai sasaran yang ditetapkan.

Bagi mengelakkan situasi yang sama berulang, pihak UPHSB telah menetapkan syarat kontrak perkhidmatan di mana doktor pakar yang memohon untuk pembelian sebarang peralatan yang spesifik perlu berkhidmat sehingga selesai tempoh sasaran pulangan pelaburan bagi peralatan perubatan tersebut.

iii. **Sewaan dan Bangunan Hospital**

Sewaan dan penyenggaraan bangunan hospital tidak cekap.

Maklumbalas UiTM Holdings:

- Perjanjian sewaan baharu bangunan PPUiTM:
Proses rundingan masih dijalankan memandangkan pihak UPHSB sedang memohon pengurangan kadar sewaan yang telah dicadangkan oleh pihak UiTM. UPHSB masih menunggu perjanjian baharu yang dimuktamadkan dari pihak UiTM.
- Masalah siling dan dinding berkulat:
Kerja-kerja pembaikan termasuk penukaran penapis HEPA dan pembersihan pada 'ducting' dan 'AHU' akan dilaksanakan oleh bakal kontraktor yang akan dilantik oleh UiTM Sungai Buloh. Dijangkakan pihak kontraktor yang bakal dilantik akan memulakan kerja di tapak pada bulan Disember 2023. Kerja-kerja pembaikan ini dijangka akan mengambil masa empat (4) bulan dari tarikh mula kemasukan kontraktor di tapak.

iv. **Pelaksanaan Hala Tuju UiTM Private Specialist Centre (UPSC)**

Pelan hala tuju UPSC masih belum mencapai sasaran.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Pengembangan syarikat untuk beroperasi seterusnya bagi menjana pendapatan yang disasarkan perlu seiring dengan pelan asal yang telah diluluskan oleh LPU pada 2018.

Penangguhan permulaan pelaksanaan *UiTM Private Healthcare 10 years Strategic Plan Blueprint 2018*, yang sepatutnya dilaksanakan pada 2019 adalah disebabkan oleh kelewatan pembinaan bangunan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), Puncak Alam.

Pada tahun 2020 hingga 2021, kerja-kerja akhir pembinaan HASA masih tertangguh disebabkan oleh pandemik Covid-19.

Pada 2022, pihak UPHSB melalui UiTM Holdings telah membentangkan semula pelan pembangunan melalui *Way Forward Plan 2022* dengan mengambil kira perubahan dalam "*Schedule of Accommodation*", kos pelaksanaan dan lain-lain aspek komersial.

E. Hala Tuju Strategik Pelaburan

- i. Penyediaan pelan hala tuju adalah teratur. Namun, masih dalam proses kelulusan LPU.

Maklumbalas UiTM Holdings:

Pelan hala tuju UiTM Holdings akan dibawa ke mesyuarat LPU yang akan datang untuk perbincangan dan kelulusan.

Merujuk kepada keputusan LPU supaya UiTM Holdings menutup empat (4) syarikat subsidiarinya, pihak pengurusan akan bekerjasama dengan perunding cukai berkenaan penjimatan cukai melalui strategi menggunakan kerugian untuk mendapatkan faedah cukai kepada Kumpulan UiTM Holdings tanpa kos. Perkara ini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah UiTM Holdings, Majlis Eksekutif Universiti dan LPU untuk

kelulusan. Senarai syarikat-syarikat dormant yang diluluskan untuk ditutup adalah seperti berikut:

- AKARI Software Asia Pacific Sdn. Bhd.
- UiTM Hospitality Management Services Sdn. Bhd.
- Advertising Lab Sdn. Bhd.
- Section One Sdn. Bhd.

Proses penutupan tersebut dijangka dimuktamadkan pada suku kedua tahun 2024.

ii. Tadbir Urus Korporat

Tujuh (7) daripada sembilan (9) elemen tidak diamalkan sepenuhnya iaitu:

- Pengerusi
- Lembaga Pengarah
- Setiausaha Syarikat
- Petunjuk Prestasi Utama
- Jawatankuasa Audit & Risiko
- Audit Dalam
- Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

Maklumbalas UiTM Holdings:

- Penambahbaikan Terma dan Rujukan:
Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah mula bersidang dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah UiTM Holdings pada 19 Julai 2023 dan telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan dan Pencalonan, dan Jawatankuasa Pelaburan berkuat kuasa serta merta. Dengan kewujudan Jawatankuasa Audit, pembentangan draf Piagam Lembaga Pengarah akan dapat dibincangkan segera dalam tempoh terdekat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM Holdings akan datang.

Jawatankuasa-Jawatankuasa telah bermesyuarat pada tarikh seperti di bawah:

Mesyuarat Ke-52 Jawatankuasa Audit dan Risiko (1/2023)	9 September 2023
Mesyuarat Ke-19 Jawatankuasa Pelaburan (1/2023)	12 September 2023
Mesyuarat Ke-28 Jawatankuasa Penamaan dan Pencalonan (1/2023)	23 Ogos 2023

- Pelantikan Setiausaha Syarikat:

Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah mula bersidang dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah UiTM Holdings pada 19 Julai 2023. Antara agenda khas yang dibentangkan dan diluluskan adalah pelantikan Setiausaha Syarikat Bersama baharu di bawah UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya.

Pelantikan Penolong Pengurus Sekretariat di bawah UiTM Holdings merangkap Setiausaha Syarikat Bersama adalah sebagai suatu langkah jangka masa panjang bagi pengurangan kos yang dilaksanakan oleh UiTM Holdings, di samping memastikan segala urusan dokumentasi dan sekretariat adalah lebih pantas dan selamat.

Pelantikan Setiausaha Syarikat Bersama dalam UiTM Holdings Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya berkuat kuasa pada 19 Julai 2023 telah disempurnakan dan telah didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

6. PENEMUAN PAC PARLIMEN

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

6.1 Pencapaian KPI

Pencapaian KPI Kumpulan UiTM Holdings tidak dilaporkan, dibentang dan dipantau oleh Lembaga Pengarah. Bagi tempoh 2019 hingga 2022, UiTM Holdings tidak mencapai kesemua empat (4) bidang fokus yang disasarkan. UiTM Holdings hanya mencapai KPI antara 32 peratus hingga 46 peratus sahaja.

Penjelasan Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings

Encik Farisan bin Mokhtar (Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa pembentangan kedudukan kewangan syarikat dan anak syarikat dibentangkan kepada lembaga pengarah setiap kali mesyuarat lembaga pengarah dijalankan iaitu sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun. UiTM juga dimaklumkan perkembangan setiap syarikat subsidiari dalam UiTM Holdings.

“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ini soalan yang pertama. Rujuk kepada slaid nombor tiga. Apabila pencapaian KPI kewangan dibentangkan oleh UiTM Holdings, adakah pembentangan itu termasuk pencapaian kewangan bagi setiap subsidiari dalam UiTM Holdings itu sendiri? Dalam pembentangan KPI itu.

...

***Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]:** Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Benar, pembentangan kedudukan kewangan syarikat dan anak syarikat dibentangkan kepada lembaga pengarah setiap kali mesyuarat lembaga pengarah dijalankan. Sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun.*

***Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Termasuk semua subsidiari?*

***Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]:** Termasuk semua subsidiari.*

***Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Maknanya UiTM pun tahu perkembangan setiap subsidiari dalam UiTM Holdings?*

***Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]:** Betul.”*

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.2 Sumber Dana Bagi Suntikan Modal Anak Syarikat

Suntikan modal kepada UiTM Holdings adalah dari sumber dalaman UiTM iaitu Tabung Amanah Khas, Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Pendapatan.

i. **Penjelasan Naib Canselor UiTM**

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (Naib Canselor UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa berdasarkan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara, setiap universiti perlu menjana sumber pendapatan sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan secara langsung. Dana yang diperolehi daripada pelbagai aktiviti pelaburan dan perniagaan diakaunkan dalam Tabung Amanah.

“Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin [Naib Canselor UiTM]: Saya boleh tambah sikit jawapan itu. Mengikut Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara, memang setiap universiti telah diminta untuk membuat penjanaaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan secara langsung.

So, KPI tersebut memang jelas telah digariskan dan aktiviti-aktiviti penjanaaan pelbagai bentuk memang telah berlaku dalam UiTM jadi di situ pengumpulan itu berlaku dalam bentuk-bentuk Tabung Amanah dalaman...”

[Muka surat 17, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

ii. **Penjelasan Bendahari UiTM**

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed (Bendahari UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa suntikan modal berjumlah RM259.98 juta untuk UiTM Holdings adalah daripada Tabung Amanah UiTM yang diperolehi daripada sumber dalaman UiTM seperti simpanan, hasil-hasil yang dijana oleh pihak UiTM melalui seminar/ program atau duit hibah terkumpul.

“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Soalan yang ketiga slaid nombor lapan ataupun tujuh, lapan itu. Daripada pandangan UiTM apabila UiTM memutuskan untuk inject kepada UiTM Holdings dalam dana dalaman, sumber RM259.98 juta itu UiTM ambil daripada dana mana dalam UiTM yang disalurkan kepada UiTM Holdings?

...

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: Assalamualaikum. Saya Wan Hasmadi, Bendahari UiTM. Okey, untuk sumber dalaman

yang kita keluarkan bagi tujuan modal ataupun suntikan modal kepada pihak anak syarikat, ia adalah daripada sumber simpanan ataupun hasil daripada yang lama-lama, daripada seminar ataupun daripada duit hibah yang diperoleh daripada yang di kumpul sebelum ini.

Itulah duit yang kita dah terkumpul daripada hasil-hasil yang dijana oleh pihak UiTM melalui seminar ataupun program-program kita buat dan duit itu apabila dalam satu tempoh yang lama itu, itulah yang kita bagikan sebagai salah satu suntikan modal kepada anak syarikat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Jadi dalam sistem perakaunan UiTM, sumber itu diklasifikasikan dalam sektor apa?*

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: *Kita letakkan di bawah Tabung Amanah kami.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Maknanya suntikan itu daripada Tabung Amanah UiTM?*

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: *Yes.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Okey. Tabung Amanah itu diperoleh daripada aktiviti-aktiviti UiTM yang dapat menjana pendapatan untuk UiTM.*

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: *Yes, yes.”*

[Muka surat 16 – 17, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.2.1 Tabung Amanah

Pada tahun 2017, baki Tabung Amanah UiTM adalah RM1.2 bilion. Sebanyak 21 peratus daripada jumlah tersebut telah disalurkan sebagai suntikan modal kepada UiTM Holdings.

Penjelasan Bendahari UiTM

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed (Bendahari UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa Tabung Amanah UiTM pada

tahun 2017 berjumlah RM1.2 bilion. UiTM telah menggunakan 21 peratus daripada jumlah Tabung Amanah berkenaan untuk disalurkan sebagai suntikan modal kepada UiTM Holdings.

Daripada jumlah suntikan modal sebanyak RM259.98 juta, kira-kira sejumlah RM124 juta adalah merupakan *ordinary shares* dan RM135 juta merupakan RCPS-i yang boleh ditebus balik sekiranya syarikat berkemampuan. RCPS-i tersebut akan membolehkan syarikat membayar dividen sebanyak lima (5) peratus setahun bermula pada tahun 2026 kepada UiTM.

“Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: Okey. Untuk makluman YB, semasa kita buat pelaburan, Tabung Amanah UiTM pada masa itu berjumlah RM1.2 bilion. So, kita gunakan dalam 21 peratus daripada jumlah itu untuk kita salurkan kepada pihak anak syarikatlah. Namun untuk makluman, daripada jumlah RM259 juta yang berada dengan UiTM Holdings itu, RM124 juta adalah merupakan ordinary shares dan 135 merupakan RCPS-i yang boleh ditebus balik sekiranya syarikat nanti berkemampuan. Dalam masa yang sama juga RCPS-i itu akan membolehkan syarikat membayar dividen sebanyak lima peratus setahun bermula pada tahun 2026 seperti apa yang dinyatakan oleh pihak syarikatlah.”

[Muka surat 33, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi, total adalah RM1.2 bilion semua?”

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: Kalau ikut ya, total dalam untuk masa 2017 itu, RM1.2 bilion.”

[Muka surat 35, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.3 Isu Suntikan Modal UiTM Holdings Yang Tidak Mendapat Kelulusan Menteri Kewangan

Penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dalam surat rujukan KK/BKI(S)10/72 Jld.3 (7) bertarikh 18 Januari 2008. Berdasarkan surat tersebut, MOF telah meluluskan penubuhan UiTM Holdings dan tertakluk kepada syarat antaranya modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan. Oleh itu, UiTM telah mengambil pendekatan tidak merujuk semula

kepada MOF bagi suntikan modal sebanyak RM259.98 juta seperti yang ditetapkan dalam garis Panduan Pelaburan untuk IPTA April 2024.

Justeru itu, sejumlah RM259.98 juta suntikan modal tersebut tidak mendapat kelulusan Menteri Kewangan di mana proses kelulusan penyaluran modal adalah tidak selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173].

i. **Penjelasan Naib Canselor UiTM**

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (Naib Canselor UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan penakrifan mengenai surat rujukan KK/BKI(S)10/72 Jld.3 (7) bertarikh 18 Januari 2008 telah dibuat oleh dua (2) orang Penasihat Undang-undang (PUU) UiTM yang dilantik. Ulasan yang diberikan oleh kedua-dua PUU terhadap isu tersebut adalah konsisten.

UiTM akur dan bersetuju dengan penafsiran yang diberikan oleh Bahagian Undang-undang MOF dan sebagai langkah penambahbaikan di masa hadapan, Peraturan Pengendalian Anak-anak Syarikat Universiti 2004 akan disemak semula bagi memastikan tatacara kelola anak syarikat dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, tadbir urus korporat yang baik perlu dilaksanakan termasuk melantik individu-individu yang berkelayakan dan berpengalaman untuk mentadbir anak syarikat UiTM supaya teratur dan seterusnya dapat menjana pendapatan kepada universiti.

“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Yang keduanya, tadi ada dinyatakan bahawa PUU UiTM ada membuat— menyatakan respons terhadap perkara yang dibangkitkan itu sebenarnya adalah sebagaimana circular yang bertarikh pada tahun 2008. Ia maksudnya pada hemat PUU UiTM itu adalah tidak menyalahilah. Maksudnya, according to— sebab itu di landasan yang betul. Ada tak merujuk kepada pihak PUU KPT berkenaan dengan perkara ini? Ada tak dirujuk kepada PUU KPT berkenaan perkara ini?

...

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib [Naib Canselor UiTM]: Yang Berhormat Datuk Wira, untuk di peringkat pengurusan universiti, sebagai sebuah badan berkanun, we stand-guided by our experts. Untuk makluman Datuk Wira juga, proses semakan itu

berlaku berkali-kali. Sebenarnya dua daripada PUU kami yang dilantik memberi ulasan terhadap isu tersebut dan ulasan itu konsisten kerana surat 2008 itu agak jelas dari segi pentakrifannya. Maknanya, no quiet room for interpretation. It is very clear.

Cumanya, yang mungkin tidak berapa jelas adalah tadilah soalan yang ditanya YB tadi berkaitan dengan sumber dalaman itu mana puncanya. Okey. Maknanya, to make it sure, it is not the government fund dan pihak kami memang sangat meneliti perkara tersebut. Sebagai pihak pengurusan UiTM yang baharu, saya juga ingin kaedah accounting yang kami amalkan juga jelas memisahkan antara sumber itu dari segi penggunaannya. So that we are clear when we are reporting back to the ministry and what we have to fully report back to our own board, daripada segi tata cara kelola...”

[Muka surat 20, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

“Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Okey, terima kasih YB Pengerusi. Saya melihat sebenarnya isu ini bukan isu yang kecil sebab kalaulah kata tindakan yang diambil itu tidak– Bukan sekadar tidak teratur ya tetapi ultravirus akta tersebut. Bila ultravirus itu, mungkin ada impak dia kepada keesahan tindakan yang diambil. Tapi saya pun tak boleh nak fault UiTM sebab ada dua pandangan undang-undang yang telah diberikan yang mengatakan bahawa ini tidak perlu kelulusan dan sebagainya.*

Kita dah melihat sebenarnya ada– Seperti ada satu percanggahan tafsiran di antara pihak Penasihat Undang-Undang UiTM dan juga pihak PUU MOF. Jadi, moving forward, sekarang ini kita ada satu situasi yang mana ada dua percanggahan berkenaan dengan tafsiran ini. Adakah sekarang ini UiTM akur atau setuju dengan tafsiran undang-undang yang dibuat oleh PUU MOF ataupun masih mengambil pendirian bahawa tafsiran yang sebenar adalah tafsiran yang diberikan oleh Penasihat Undang-Undang UiTM yang saya percaya masih berpendirian bahawa tidak perlu mendapatkan kelulusan tersebut. Mungkin pihak Naib Canselor, Datuk Dr. Shahrin.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin [Naib Canselor UiTM]: *Terima kasih YB. I was a Vice-Chancellor for a different university which follow fully that requirement. So, issues on interpretation is a serious issue. Sebagai Vice Chancellor sebuah universiti, I stand guided by the professionals of the field. So, if the interpretation is as such, we stand guided pula by the higher authority. By virtue of this report has been reported to this forum, we know the way forward is actually to follow through dan kita memang nak move forward. So, that’s why seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Dr. Haji Megat tadi, with the new guidelines, in fact at my level, saya sudah mengarahkan untuk Peraturan Pengendalian Anak-anak Syarikat Universiti berdasarkan yang 2004 itu pun*

dan yang terbaharu untuk dibina dalam UiTM untuk memastikan tatacara kelola anak syarikat dan di bawahnya mematuhi sepenuhnya. Juga, going beyond that, kita juga ada keperluan sebagai syarikat yang berdaftar. Good corporate governance has to be put in place.

Maksudnya, walaupun lantikan Lembaga adalah di peringkat yang lebih tinggi, kami berpandangan- memberi pandangan supaya people of proper credentials, yang berpengalaman dalam menjalankan syarikat seharusnya dilantik bagi membantu UiTM memastikan anak syarikatnya teratur dan juga boleh membantu pihak universiti dalam penjanaan dana.

To cut short YB jawapan saya if that is the interpretation, that comes to us we are fully complying with whatever requirement is in moving forward, YB Datuk Wira.”

[Muka surat 24 - 25, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

ii. **Penjelasan PUU UiTM**

Prof. Dr. Haidar Dzhiyauddin (PUU UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa berdasarkan surat yang diterima daripada MOF mengenai penubuhan UiTM Holdings, PUU berpandangan surat tersebut secara jelas menyatakan bahawa MOF bersetuju meluluskan penubuhan UiTM Holdings tertakluk kepada syarat bahawa modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai dari sumber kerajaan.

PUU melihat akta-akta yang terpakai kepada UiTM berdasarkan kepada kuasa-kuasa untuk pinjam dan juga meminjam pada ketika itu ialah Akta UiTM sendiri dan juga Akta Badan-badan Berkanun (Kuasa Meminjam). Kedua-dua akta ini ada menyebut mengenai perlunya kebenaran ataupun kelulusan daripada Menteri Kewangan. Memandangkan peruntukan yang ada dalam akta itu bersifat am maka tafsiran surat yang telah diterima tersebut adalah UiTM boleh membiayai apa-apa aktiviti yang melibatkan UiTM Holdings Sdn. Bhd. selagi UiTM tidak menggunakan dana daripada sumber kerajaan. Ini bermakna UiTM tidak terikat dengan perkara yang memerlukan kelulusan daripada Menteri Kewangan.

“Prof. Dr. Haidar Dzhiyauddin [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih YB. Untuk perkara yang melibatkan ketidakpatuhan kerana tidak mendapat kebenaran daripada

Menteri Kewangan melalui MOF, seperti yang telah sedia maklum, kita berdasarkan kepada surat yang kita terima daripada MOF mengenai penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd. dan kita melihat frasa yang ada di dalam surat tersebut yang secara jelas menyatakan bahawa sekiranya tidak mendapat dana daripada ataupun penggunaannya itu bukan daripada dana sumber kerajaan.

Pada ketika itu, kita melihat akta-akta yang terpakai kepada UiTM yang berdasarkan kepada kuasa-kuasa untuk pinjam dan juga meminjam. Kita mendapati akta yang jelas terpakai kepada UiTM pada ketika itu iaitu Akta UiTM itu sendiri dan juga Akta Badan-badan Berkanun (Kuasa Meminjam). Jadi berdasarkan kepada kedua-dua peruntukan yang berkaitan dengan kuasa UiTM untuk meminjam, dalam kedua-dua akta ini memang ada menyebut tentang perlu kebenaran ataupun approval daripada Menteri Kewangan MOF. Tetapi memandangkan peruntukan yang ada di dalam akta itu bersifat general provision, jadi apabila kita mendapat surat yang telah pun dirujuk pada 2008 tersebut yang secara detail-nya dan jelas ayat yang digunakan itu.

Jadi, tafsiran kami pada ketika itu, oleh sebab ini adalah merupakan perkara detil, jadi kita berpandangan bahawa selagi UiTM tidak menggunakan dana direct daripada sumber kerajaan, bermakna UiTM boleh untuk membiayai apa-apa aktiviti yang melibatkan UiTM Holdings Sdn. Bhd. Jadi sebab itulah kita berpandangan PUU sebelum dan juga PUU terkini, berpandangan yang konsisten, sama, berdasarkan kepada peruntukan ayat yang ada di dalam surat yang kita terima 2008 tersebut berkaitan dengan penubuhan UiTM Holdings, kita berdasarkan kepada bukan sumber daripada kerajaan.

Jadi oleh sebab aktiviti-aktiviti UiTM Holdings yang melibatkan UiTM seperti yang telah pun dijelaskan oleh Tuan Bendahari tadi adalah dana dalaman, jadi kita berpandangan UiTM tidak terikat dengan perkara yang memerlukan kepada prior approval daripada Menteri Kewangan melalui MOF. Terima kasih.”

[Muka surat 20 - 21, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

iii. **Pandangan Ex-Officio AGC**

Puan Rahayu binti Ab Talib (Ex-Officio Jabatan Peguam Negara) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan secara amnya, peruntukan akta memang telah jelas menunjukkan bahawa sebarang urusan kewangan perlu mendapatkan kebenaran daripada MOF.

“Rahayu binti Ab Talib [Jabatan Peguam Negara]: YB, berhubung dengan isu ini, saya rasa mungkin kita boleh— Sebab ianya melibatkan perkara MOF. Mungkin ada rujukan telah dibuat dengan PUU MOF berhubung dengan perkara ini. Saya tak sure sama ada pihak kementerian ataupun pihak UiTM sendiri ada— KPT sendiri pun ada merujuk kepada MOF untuk mendapatkan pandangan undang-undang. Mungkin kita boleh dapatkan penjelasan berkenaan dengan perkara ini, YB. Tapi secara amnya, peruntukan akta memang telah jelaslah menunjukkan bahawa apa sebarang kewangan tersebut perlu mendapatkan kebenaran daripada MOF.”

[Muka surat 21 - 22, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

iv. Penjelasan MOF

Encik Yap Kok Wooi [Ketua Penolong Setiausaha [Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM)] dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa Bahagian Undang-Undang, MOF berpandangan bahawa ulasan yang dikemukakan oleh PUU UiTM adalah tidak selaras dengan hasrat penggubalan seksyen 4A sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat dan huraian kepada Rang Undang-Undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1996. Ini adalah kerana kedua-dua dokumen tersebut tidak menyatakan bahawa kelulusan Menteri Kewangan bagi maksud perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173 hanya perlu diperoleh jika berlaku peralihan keluar dana kepada mana-mana syarikat atau badan luar dan jika pelaburan yang dibuat berisiko tinggi. Seksyen 4A juga tidak memperuntukkan sebarang pengecualian daripada memperoleh kelulusan Menteri Kewangan bagi apa-apa kuasa tambahan yang dilaksanakan oleh universiti.

Oleh itu, Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa walaupun pelaburan yang dibuat tidak menyebabkan peraliran keluar dana kepada mana-mana syarikat atau badan luar dan tidak berisiko tinggi, pelaburan sedemikian tidak dikecualikan daripada kelulusan Menteri Kewangan menurut perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173.

Bahagian Undang-Undang selanjutnya berpandangan bahawa Surat MOF bertarikh 18 Januari 2008, ketika penubuhan UiTM Holdings diluluskan oleh MOF menyatakan bahawa kelulusan permohonan UiTM untuk menubuhkan UiTM

Holdings di bawah perenggan 4A dalam kandungan 1B, Akta 173 hendaklah tertakluk kepada syarat. Antaranya adalah modal pusingan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai daripada sumber kerajaan.

Perkara ini tidak boleh dianggap sebagai mengecualikan keperluan untuk mendapatkan kelulusan yang berasingan daripada MOF terhadap langkah pengambilalihan 100 peratus saham kedua-dua anak syarikat UiTM Private Education Sdn. Bhd. (UPESB) dan UiTM Technoventure Sdn. Bhd. (UTVSB) kerana pengambilalihan tersebut hanya menggunakan dana dalaman UiTM. Ini adalah kerana surat tersebut adalah merupakan syarat kelulusan terhadap penubuhan UiTM Holdings menurut perenggan 4A dalam kandungan 1B sahaja.

Syarat kelulusan dalam surat tersebut dan tindakan UiTM mengambil alih syarikat UPESB dan UTVSB daripada UiTM Holdings melalui pemilikan saham yang menggunakan sumber dalaman UiTM serta membuat tambahan modal pelaburan adalah dua perkara yang berbeza. Pengambilalihan syarikat UPESB dan UTVSB daripada UiTM Holdings oleh UiTM hendaklah tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan selaras dengan kehendak undang-undang menurut perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173.

Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa bahasa yang digunakan dalam perenggan 4A, dalam kandungan 1F dan G tersebut adalah jelas dan tidak meragukan. Oleh itu, kedua-dua peruntukan tersebut perlu diberi kesan sewajarnya.

Kesimpulannya, tindakan yang diambil oleh UiTM berdasarkan kelulusan di peringkat LPU sahaja tanpa mendapat kelulusan Menteri Kewangan adalah tidak teratur kerana ia bertentangan dengan kehendak perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173.

***“Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]:** Izinkan saya baca ya. Okey, kejap, kejap. Okey, Bahagian Undang-Undang Kementerian Kewangan berpandangan bahawa surat– Kejap. Okey, dekat sini. [Merujuk kepada sebuah komputer riba] Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa pandangan yang dikemukakan oleh Penasihat Undang-Undang UiTM adalah tidak selaras dengan hasrat penggubalan seksyen 4A sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat dan huraian kepada Rang Undang-Undang Institut Teknologi*

Mara (Pindaan) 1996. Ini adalah kerana kedua-dua dokumen tersebut tidak menyatakan bahawa kelulusan Menteri Kewangan bagi maksud perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173 hanya di perlu diperolehi jika berlaku peralihan keluar dana kepada mana-mana syarikat atau badan luar dan jika pelaburan yang dibuat berisiko tinggi. Okey, next one. Seksyen 4A juga tidak memperuntukkan sebarang pengecualian daripada memperoleh kelulusan Menteri Kewangan bagi apa-apa kuasa tambahan yang dilaksanakan oleh universiti.

Oleh itu, Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa walaupun pelaburan yang dibuat tidak menyebabkan peraliran keluar dana kepada mana-mana syarikat atau badan luar dan tidak berisiko tinggi, pelaburan sedemikian tidak dikecualikan daripada kelulusan Menteri Kewangan menurut perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173. The next one, Bahagian Undang-Undang selanjutnya berpandangan bahawa Surat Kementerian Kewangan bertarikh 18 Januari 2008, ketika penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd. diluluskan oleh Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa kelulusan permohonan UiTM untuk menubuhkan UiTM Holdings Sdn. Bhd. di bawah perenggan 4A dalam kandungan 1B, Akta 173 hendaklah tertakluk kepada syarat.

Antaranya, modal pusingan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings Sdn. Bhd. tidak dibiayai daripada sumber kerajaan. Tidak boleh dianggap sebagai mengecualikan keperluan untuk mendapatkan kelulusan yang berasingan daripada Kementerian Kewangan terhadap langkah pengambilalihan 100 peratus saham kedua-dua anak syarikat UPESB dan UTVSB kerana pengambilalihan tersebut hanya menggunakan dana dalaman UiTM. Ini adalah kerana surat tersebut adalah merupakan syarat kelulusan terhadap penubuhan UHSB menurut perenggan 4A dalam kandungan 1B sahaja. Okey, next one. Syarat kelulusan dalam surat tersebut dan tindakan UiTM mengambil alih syarikat UPESB dan UTVSB daripada UHSB melalui pemilikan saham yang menggunakan sumber dalaman UiTM serta membuat tambahan modal pelaburan adalah dua perkara yang berbeza. Pengambilalihan syarikat UPESB dan UTVSB daripada UiTM Holdings Sdn. Bhd. oleh UiTM hendaklah tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan selaras dengan kehendak undang-undang menurut perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173.

Jadi- Lagi satu. Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa bahasa yang digunakan dalam perenggan 4A, dalam kandungan 1F dan G tersebut adalah jelas dan tidak meragukan. Oleh itu, kedua-dua peruntukan tersebut perlu diberi kesan sewajarnya. Dalam Inggeris, when the language used in the statute is clear, effect must be given to it berdasarkan prinsip tafsiran undang-undang yang literal. Dalam hal ini, bahagian ini juga telah melihat prinsip tafsiran undang-undang yang literal yang telah

diputuskan oleh– A few cases here, it's from Mahkamah Persekutuan dalam kes Metramac Corporation Sdn. Bhd. versus Fawziah Holdings Sdn. Bhd. Banyak isu kita simpan tapi panjang lebarlah dekat sini.

...

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: *Mungkin saya boleh tambah ayat terakhir ini. Tindakan yang diambil oleh UiTM berdasarkan kelulusan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti, which is LPU sahaja tanpa mendapat kelulusan Menteri Kewangan adalah tidak teratur kerana ia bertentangan dengan kehendak perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173. Kesimpulannya. Terima kasih.”*

[Muka surat 22 - 24, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.4 Pelaburan UiTM Holdings

UiTM Holdings ditubuhkan bertujuan menjana pendapatan kepada UiTM untuk mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Walau bagaimanapun pelaburan yang dibuat UiTM Holdings telah menyebabkan kerugian.

i. Penjelasan Naib Canselor UiTM

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (Naib Canselor UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa UiTM tidak berpuashati dengan kerugian pelaburan oleh UiTM Holdings. Ini kerana penubuhan UiTM Holdings adalah bagi tujuan penjanaan pendapatan dalam membantu mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Beberapa elemen urus tadbir terbaik (*good governance*) telah dan sedang dilaksanakan di kedua-dua peringkat iaitu di peringkat universiti dan UiTM Holdings seperti Jawatankuasa Tetap Pelaburan. Jawatankuasa Tetap Pelaburan berfungsi untuk melaksanakan analisa risiko sebelum mendapat kelulusan daripada pihak universiti.

UiTM juga mengenal pasti beberapa elemen utama bagi tujuan semak dan imbang yang telah dilaksanakan di peringkat pengurusan universiti seperti Jawatankuasa Risiko di peringkat pentadbiran yang akan melapor terus kepada Jawatankuasa Risiko di peringkat lembaga. Unit Integriti di peringkat pengurusan juga akan

bertanggungjawab secara langsung kepada pihak lembaga bagi tujuan semak dan imbang.

“Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib [Naib Canselor UiTM]: Terima kasih Dato’ TKSU. YB, di pihak universiti sememangnya kita tidak berpuas hati kerana memang tujuan penubuhan holdings seperti mana yang disebut oleh Yang Berbahagia Dato’ Megat tadi adalah bagi tujuan penjanaaan pendapatan, membantu mengurangkan kebergantungan pihak universiti pada pihak kerajaan.

Pengurusan semasa, kita bergerak maju, step forward. Beberapa elemen urus tadbir terbaik (good governance) telah dan sedang kita lakukan di kedua-dua peringkat, di peringkat holdings dan di peringkat universiti sendiri. Contohnya yang juga telah dilaporkan di peringkat holdings tadi, Jawatankuasa Tetap Pelaburan juga akan dikuatkuasakan di peringkat universiti sendiri. Bermakna, sebarang bentuk pelaburan mesti melalui jawatankuasa tersebut untuk melalui analisa risikonya dan juga modal perniagaan yang meyakinkan. Barulah maknanya pihak universiti akan membuat keputusan in favor or apa sahaja projek baharu yang dibangunkan.

Saya ambil contoh antara tindakan yang sedang kami ambil. Sebelum ini anak-anak syarikat ataupun spin-off company yang dibina ataupun yang dikeluarkan daripada usaha-usaha penyelidikan, amalan sebelum ini tidak melalui proses saringan tersebut. Hanya berlaku di peringkat Senat tetapi keputusan Senat kita yang terbaharu bahawa kita memastikan walaupun dari segi viability academic dan juga produknya sangat bagus. Kita masih lakukan dalam proses pelaburan yang mana ada pakarnya di dalamnya bagi tujuan kelulusan di peringkat lembaga sebelum kita proceed untuk kaedah itu. Kita juga membuat keputusan bagi meminimumkan risiko kepada universiti itu sendiri sebarang bentuk engagement kepada pihak luar akan dibuat melalui UiTM Holdings kerana ada juga usaha-usaha yang dilakukan tidak melalui UiTM Holdings.

Jadi, apa yang ingin saya tegaskan di sini, kita juga mengenal pasti beberapa elemen utama bagi tujuan semak dan imbang juga telah kita lakukan di peringkat pengurusan universiti. Sebagai contohnya, Jawatankuasa Risiko di peringkat pentadbiran akan melapor terus kepada Jawatankuasa Risiko di peringkat lembaga. Unit Integriti di peringkat pengurusan juga akan bertanggungjawab langsung kepada pihak lembaga bagi tujuan semak dan imbang.

Untuk makluman YB Datuk Wira, UiTM kita memang unik, dari segi aktanya berbeza sedikit dengan universiti awam yang lain. Maka, pihak pengurusan yang baharu akan

menggunakan kaedah peruntukan sedia ada dalam akta kami. Contohnya di bawah akta kami, kita hanya boleh mengadakan kaedah tidak statut seperti mana yang ada di universiti-universiti lain. Pihak pengurusan telah membuat komitmen untuk menyediakan kaedah-kaedah kawal untuk limits of authority, penurunan kuasa, responsibility and accountability untuk pegawai-pegawai tertentu supaya proses semak dan imbang itu berlaku di setiap peringkat pengurusan.

Bagi memastikan apa sahaja tindakan yang kita buat, universiti adalah cost conscious dan prioriti kita adalah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada stakeholder kami iaitu pelajar dan juga komuniti yang berada di sekitar UiTM. Jadi itu mungkin jawapan sedikit daripada saya YB. Terima kasih.”

[Muka surat 18 - 19, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

ii. **Penjelasan Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings**

Encik Farisan bin Mokhtar (Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa UiTM Holdings dikawal selia oleh UiTM dan KPT. Sememangnya keadaan kedudukan kewangan dan pulangan kepada UiTM Holdings masih belum mencapai mandat penubuhannya. Pihak pengurusan UiTM Holdings telah menyediakan Pelan Hala Tuju Strategik yang dibentangkan dalam Mesyuarat LPU dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

*“**Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]:** Yang Berhormat, untuk pihak UiTM Holdings, kami stand-guided dengan UiTM dan juga KPT. Memang keadaan kedudukan kewangan dan pulangan kepada UiTM belum mencapai mandat penubuhannya lagi. Pihak pengurusan UiTM Holdings telah menyediakan strategic roadmap yang juga telah dikongsi dengan Jabatan Audit Negara. Kami agak optimistik dalam perancangan dan pelaksanaan strategic roadmap berikut. Kalau Yang Berhormat boleh semak di slaid akhir, kalau saya boleh rujuk ke slaid 20, memang kami akan bentangkan strategic roadmap ini ke Mesyuarat LPU dan insya-Allah akan dilaksanakan secepat yang mungkin.”*

[Muka surat 19, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

iii. **Penjelasan TKSU Dasar KPT**

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian (TKSU Dasar, KPT) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa KPT telah merujuk MOF melalui surat bertarikh 20 April 2022 untuk memaklumkan mengenai ketidakselarasan dari segi arahan yang telah diambil oleh pihak UiTM.

Tindakan pembedahan telah dibuat dengan mewujudkan Jawatankuasa Pelaburan dan Pinjaman di peringkat KPT yang ditubuhkan pada 1 Oktober 2022. Segala bentuk permohonan daripada universiti dan anak syarikat perlu mendapatkan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi dan seterusnya dikemukakan kepada MOF.

“Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [TKSU Dasar, KPT]: ... Jadi sememangnya tindakan pembedahan telah dibuat sebelum itu sebab berdasarkan daripada interpretation yang saya dah sebut tadi itu yang kita nampak ada berlaku ketidakselarasan dari segi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Kita telah merujuk juga kepada pihak Kementerian Kewangan dalam hal ini dengan surat yang kita telah utuskan kepada mereka bertarikh 20 April 2022.

Jadi di situ pihak Kementerian Kewangan telah memaklumkan kepada kami tentang ketidakselarasan dari segi bentuk arahan yang telah diambil oleh pihak UiTM. Tindakan pembedahan di pihak kementerian telah dibuat dengan kita mewujudkan seperti Jawatankuasa Pelaburan dan Pinjaman Peringkat KPT yang ditubuhkan pada 1 Oktober 2022.

Di situ, segala bentuk permohonan daripada pihak universiti, holdings masing-masing perlu mendapatkan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan seterusnya dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan. Jadi itu tindakan yang telah kita ambil yang mana memang— untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat tadi, memang kita tidak puas hati. That's why kita buat this kind of intervention...”

[Muka surat 17 - 18, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.4.1 Pembayaran Dividen

UiTM Holdings telah mencatatkan keuntungan selepas cukai dan baki tunai yang mencukupi bagi tiga (3) tahun iaitu tahun 2010, 2011 dan 2016. Namun, tiada dividen dibayar kepada UiTM.

Penjelasan Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings

Encik Farisan bin Mokhtar (Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa pembayaran dividen bagi tahun 2010, 2011 dan 2016 adalah berdasarkan kepada resolusi Lembaga Pengarah yang memutuskan bahawa belum tiba masa untuk pembayaran dividen dibuat.

“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Mengapa tiga tahun yang sepatutnya membayar dividen kepada UiTM tetapi tidak bayar?”

“Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Yang Berhormat, merujuk kepada soalan Yang Berhormat fasal dividen itu, ia berlaku pada tahun 2010, 2011 dan 2016. Pihak UiTM Holdings pada ketika ini pihak pengurusannya, we join the board, we join the team pada ketika 2021.

So, kami minta maaf pada 2010, 2011 dan 2016 kami tidak ada jawapan yang khusus kenapa dividen tidak dibayar. Akan tetapi kalau kita merujuk kepada resolusi Lembaga Pengarah pada ketika itu they concluded that is not time for dividend to be paid yet. Reasoning being it's a bit unknown to us at the current management today.”

[Muka surat 36 - 37, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.5 Wakil KPT dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings

Sebelum tahun 2022, tiada wakil KPT dilantik dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings. Namun terdapat wakil KPT dalam LPU.

Penjelasan TKSU KPT

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian (TKSU Dasar, KPT) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa sebelum ini wakil KPT tiada dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings kerana KPT berpandangan penglibatan pegawai kementerian dalam perniagaan akan memerlukan komitmen yang

tinggi. Selain itu, setiap cadangan di peringkat UiTM Holdings sebelum tahun 2022 akan dibawa di peringkat LPU untuk kelulusan. Oleh yang demikian adalah memadai dengan adanya wakil KPT dalam LPU sahaja.

Walau bagaimanapun, setelah melihat kepada permasalahan yang timbul, maka KPT telah mengambil tindakan segera untuk mengubah kedudukan tersebut dengan menubuhkan Unit Pelaburan pada tahun 2021 di KPT yang mana pada tahun 2022 Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh TKSU Pengurusan Pembangunan telah bersetuju untuk melantik wakil KPT di dalam UiTM Holdings pada tahun 2023. Wakil MOF hanya ditempatkan dalam LPU sahaja dan tidak dalam UiTM Holdings.

*“**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Soalan saya tentang wakil KPT tidak dimasukkan ke dalam holdings, kenapa?”*

***Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [TKSU Dasar, KPT]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi kenapa kita tidak ada di dalam holdings adalah sebab kita dah ada wakil di dalam LPU itu sendiri. Jadi kita tidak mahu pegawai kita dalam business holdings sebab itu memerlukan lagi tenaga, masa mereka untuk meluangkan di dalam holdings pula.*

Jadi pada waktu itu sebab setiap proposal di peringkat holdings akan dibawa di peringkat LPU untuk kelulusan. Jadi wakil kita sudah memadai di situ. Akan tetapi memandangkan bila kita lihat ada masalah timbul makanya itu yang kita telah mengambil tindakan pantas untuk kita merubah kedudukan tersebut dengan menubuhkan Unit Pelaburan pada tahun 2021 di KPT yang mana pada tahun 2022 jawatankuasa yang saya sebut tadi, Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh TKSU Pengurusan Pembangunan telah bersetuju untuk kita melantik wakil KPT di dalam holdings pada tahun 2023.

So, just very recently. Jadi itu yang – sebab kita merasakan setiap proposal yang dibawa oleh holdings akan dibincangkan di peringkat LPU universiti sendiri. Jadi itu yang kita gunakan platform di situ. Akan tetapi memandangkan perkara ini telah menjadi agak serius jadi itu yang kita punya intervention kita itu melantik seorang wakil kita di situ. Akan tetapi untuk wakil MOF tidak ada di dalam holdings, dia hanya ada di dalam LPU sahaja. Itu jawapannya.”

[Muka surat 36, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.6 Aktiviti Pelaburan UiTM Holdings Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan

UiTM Holdings telah membuat pelaburan dalam bidang perniagaan penjagaan kesihatan melalui UPHSB. Ini adalah sebagai inisiatif bersama antara UiTM Holdings dan Fakulti Perubatan UiTM untuk membuka *private wing* di PPUiTM di Sungai Buloh.

6.6.1 Perjanjian Sewa Belum Dimuktamadkan

i. Penjelasan Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings

Encik Farisan bin Mokhtar (Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa UPHSB ditubuhkan sebagai *private wing* di hospital awam. Pada ketika itu, hospital awam UiTM beroperasi di bangunan CTC (*Clinical Training Center*) di Sungai Buloh. Kini UPHSB beroperasi dengan mempunyai 30 katil sahaja dan jumlah ini adalah tidak mencukupi. Isu perjanjian sewa timbul oleh kerana hospital awam telah berpindah ke Puncak Alam iaitu HASA dan UPHSB bercadang untuk menambah bilangan katil untuk menjadi lebih optimum daripada segi operasi.

“Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: Yang Berhormat, izinkan saya untuk beri pencerahan tentang perniagaan healthcare. Seperti mana yang dimaklumkan sebelum tadi, UiTM Private Healthcare ditubuhkan agak lama sebelum ini. Ia bermula sebagai private wing di public hospital. Pada ketika itu, public hospital UiTM beroperasi daripada CTC Building (Clinical Training Center) di Sungai Buloh.

Tetapi pada hari ini, public hospital telah berpindah ke Puncak Alam, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA). So, that’s a new public hospital. So, that is where perjanjian sewa came into place. At the moment, UPHC is operating on 30 katil. Daripada segi economy of scale itu memang tidak mencukupi, tidak optimum. So, we cannot operate on 30 beds. So, that is where we were hendak sewa sebuah ruang yang baru untuk kami tambah katil untuk jadi lebih optimum daripada segi operasi. That is the business model at the moment sekarang.”

[Muka surat 28 - 29, Laporan Prosiding Bil 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

ii. **Penjelasan KPE UPHSB**

Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah (KPE UPHSB) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 memaklumkan bahawa lawatan pengukuran semula bangunan di Sungai Buloh telah dilaksanakan dan perjanjian sewaan dijangka akan ditandatangani pada pertengahan Disember 2023.

“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Soalan saya tadi, UPHSB masih menunggu perjanjian baharu yang dimuktamadkan daripada pihak UiTM. Maknanya, UiTM yang akan buat keputusan ini, bukan? Supaya perjanjian ini boleh dijalankan. Soalannya, bila UiTM nak bagi jawapan ini, putuskan?”

...

***Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]:** Assalamualaikum dan selamat pagi. Saya Wan Nazifah daripada UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. So, status terkini berkaitan dengan perjanjian sewaan bangunan di Sungai Buloh adalah lawatan pengukuran semula telah dijalankan dan makluman yang kita dapat yang terkini adalah di dalam masa – di dalam pertengahan, sebelum pertengahan Disember kita akan mendapat perjanjian sewaan baharu untuk ditandatangani oleh kedua-kedua pihak lah, YB.”*

[Muka surat 28, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.6.2 Penggunaan Peralatan Perubatan Utama Tidak Mencapai Sasaran

Penjelasan Naib Canselor UiTM

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (Naib Canselor UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa menjadi amalan di hospital universiti untuk mencari pakar yang terbaik dan memerlukan peralatan yang khusus. Berdasarkan isu yang dibangkitkan oleh JAN, pakar yang dilantik telah meletakkan jawatan dan menamatkan kontrak. Justeru, langkah penambahbaikan yang diambil adalah mana-mana pakar yang memohon peralatan yang khusus perlu berkhidmat dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak bagi mendapatkan pulangan terhadap pelaburan tersebut.

Program mentor mentee telah diwujudkan bagi memastikan kesinambungan penggunaan peralatan khusus sekiranya pakar berkenaan meletak jawatan, bertujuan melatih pegawai perubatan untuk menggunakan peralatan khusus tersebut.

“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Mungkin saya bermula dengan satu soalan yang simple saja berkenaan peralatan di specialist center kerana nampaknya alasan berkenaan penggunaan yang kurang di hospital tersebut, peralatan yang diperoleh itu kerana doktor pakar itu letak jawatan.

Jadi tiada orang yang boleh operate semua peralatan tersebut. Jadi boleh saya tahu, kenapa selama hampir tiga tahun selepas doktor itu letak jawatan, kekosongan itu tidak diisi? Adakah itu sebab memang tidak ramai calon dalam pasaran domestik untuk mengisi kekosongan itu ataupun tidak mengiklankan kekosongan tersebut?

...

***Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin [Naib Canselor UiTM]:** Terima kasih Dato' TKSU. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Wong.*

Ringkasnya amalan yang kita buat di hospital universiti sememangnya kita mencari talent yang terbaik. Untuk makluman juga untuk bidang-bidang pengkhususan, specialist area it is very-very competitive. So, dan of course, bila kita mendapat pakar tertentu mereka memerlukan peralatan khusus seperti mana yang dalam penemuan ini dan berbetulan pada waktu itu beliau mendapat tawaran lain dan meninggalkan perkhidmatan.

This is actually an ongoing process YB, memang masih berlaku dan we are trying to do this as best as we can. Apa yang berlaku tempoh hari itu juga kalau di perhati tempohnya adalah dalam keadaan berlakunya juga COVID-19. Saya tidak menggunakan itu sebagai alasan tetapi apa yang kami buat di peringkat pengurusan universiti adalah untuk bergerak ke hadapan, to move forward.

Itu antara syornya sekiranya mana-mana pakar memohon peralatan yang sangat khusus dengan kepakaran dia maka kita memohon paling tidak tempoh kontrak yang dia dilantik itu kita akan mendapat pulangan balik dari segi pelaburan yang kita lakukan bagi tujuan perkhidmatan tersebut.

Itu tindakan yang kita lakukan sekarang bagi memastikan kita boleh juga menarik pakar untuk berkhidmat dengan universiti kerana juga menyediakan perkhidmatan peralatan yang mereka

perlu kerana sebab kita memastikan the next step itu adalah untuk memastikan pulangan dapat dikembalikan. Itu jawapan kami daripada universiti, ...”

[Muka surat 14 - 15 Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ... Keduanya berkenaan dengan healthcare ini juga, tadi Datuk VC ada sebut tentang doktor pakar. Jadi, kalau berdasarkan kepada apa yang disebut oleh Datuk VC, one – single equipment, single expert which pada saya agak berisiko tinggi sebab anything can happen. Ia bukan saja berdasarkan kepada kontrak, dia guna equipment, acquire equipment dan dia kena masa tertentu yang mencukupi untuk dia berkhidmat dengan equipment tersebut because anything can happen. Kontrak dengan equipment, yes tetapi kontrak daripada Allah SWT kita tidak tahu, umur ini setahun pakai sudah – jadi, apa langkah-langkah untuk memastikan bahawa equipment yang digunakan itu ataupun yang di-procure itu boleh digunakan sepenuhnya kalau anything happen to doktor pakar itu ya?...

...

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: ... Keduanya, berkaitan tentang pakar tadi. YB, I can assure you. We have also gone to a private hospital. YB, I don’t want to undermine, but memang kadang-kadang pakarnya itulah seorang in some discipline, sad to say. Okay. But, I am not using that as an excuse. Pendekatan yang kami buat di pengurusan universiti sekarang adalah memastikan program mentor mentee daripada pakar kepada peringkat bawah and minta maaf juga saya gunakan ayat ini, dapatan kami juga memang sebelum ini agak silo. Jadi, pendekatan moving forward juga YB Datuk Wira, dalam pendidikan we are talking about transversal. Expertise in one area, you can move into multiple disciplines. Yang itu yang sedang kami galakkan dan untuk memastikan seorang pakar, seorang sifu, bawahnya ada disciple dia supaya kehilangan seorang tadi ada yang lain akan boleh menggantikan. Bukan seorang tetapi beberapa orang. So, that is now been structured.

Saya sudah engaged dengan Majlis Profesor Universiti. Dalam tempoh sebulan ini YB, sempat juga jumpa semua. Saya kata, the role is actually to mentor and sad to say, amalannya bila saya tanya, “Okey Prof, berapa ramai orang yang telah Prof mentor?”, dan jawapannya adalah “Datuk I am sorry, I failed on that part”. So maknanya, budaya itulah yang insya-Allah, akan kami ketengahkan. I am not saying that the prior management has not able to do it tetapi my respons YB, adalah the sheer scale of UiTM need a totally different model of governance and moving forward. ...”

[Muka surat 30 -33, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.7 Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar

Projek jana kuasa elektrik solar berskala besar terdiri daripada UiTM Solar Park I di Gambang, Pahang yang dibangunkan oleh UiTM Solar Power dan UiTM Solar Park II di Pasir Gudang, Johor yang dibangunkan oleh UiTM Solar Power Dua. Perjanjian Pembelian Kuasa telah ditandatangani bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi kedua-dua projek untuk tempoh 21 tahun dan kedua-dua projek telah siap dan beroperasi sepenuhnya.

6.7.1 Pertukaran Syarat Nyata Tanah

i. Penjelasan Naib Canselor UiTM

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin (Naib Canselor UiTM) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa bagi isu pertukaran syarat nyata tanah, pihak Universiti akan memohon supaya status tanah tersebut dikembalikan sebagai status tapak institusi. Ini kerana kesemua projek yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk penyelidikan dan melatih pelajar menghadapi situasi sebenar di lapangan sekaligus mampu menjana pendapatan.

“Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya ada soalan. Kita balik semula kepada page nombor 12 iaitu berkenaan dengan projek tenaga solar di Kuantan, Pahang itu. Berkenaan dengan surat penyata tanah yang dipohon oleh syarikat kepada pejabat daerah di Kuantan. Difahami situ jumlah denda dan cukai adalah RM14.69 juta. Jadi pihak UiTM saya nampak masih tak tahu lagi apakah hala tuju sama ada menukar kepada status industri ataupun mengekalkan sebagai tanah institusi Pendidikan tinggi.

Sebab kalau kita nampak cukai dan denda itu RM14.69 juta itu, itu jumlah yang banyak. Sekiranya projek tenaga solar ini kena bayar cukai tiap-tiap tahun saya rasa tidak ada untung lagi yang tinggal. Itu di Pahang. Macam mana keadaan di Johor pula? Adakah menghadapi cukai tanah yang tinggi? Sebab saya bimbang pulangan daripada investment tenaga solar ini akan dimakan oleh cukai tanah ini.

Saya tahu di Pahang mahal sebab tanah di jabatan kementerian saya dulu. Jadi apakah hala tuju sekarang sama ada tukar kepada status industri ataupun kekalkan sebagai

tanah pusat Pendidikan tinggi. Apakah keuntungan, faedah, benefit kedua-dua option sini. Sekian, terima kasih.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]:
Terima kasih YB. Pendekatan yang dibuat oleh pengurusan sekarang di peringkat universiti mahupun di holdings adalah kita akan mengembalikan, memohon menukarkan status itu kepada status tapak institusi kerana pendekatan yang diambil sebelum ini sebenarnya adalah semua projek-projek berbalik tadi concern daripada YB berkenaan dengan *academic should not be doing business* tetapi kita perlu melatih anak-anak murid kami supaya mereka berada dalam keadaan sebenar.

So, all our investment including the hospital, hospital pun dari segi konsepnya adalah hospital teaching hospital. Maknanya students are there so semua projek yang kita akan laksanakan maknanya dua prongs.

Pertamanya adalah untuk penajaan tetapi pada saya yang terlebih penting adalah dia adalah tapak latihan, it is an open lab for our students, for our researcher to work on the real project. Itu sepatutnya matlamat sebenar bukannya matlamat utamanya penajaan pendapatan. Okey.

Bertitik daripada pendekatan itu yang kami telah berbincang di pihak universiti dan holdings maka kami akan melihat pada semua projek kerana saya melihat juga semakin terdahulu niatnya seolah-olah macam nak jual tanah. That should not be the approach, okey? We are a university. Our first task is to teach and educate membangunkan bakat. So, seharusnya apa juga engagement perniagaan adalah bagi tujuan lapangan melatih pelajar dan penyelidik kami sebagai research lab bagi tujuan penyelidikan yang kembali balik kepada dunia penyelidikan. Jadi itu jawapan ringkas saya sebenarnya YB. It is going to back to tanah institusi.”

[Muka surat 37 - 38, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

ii. **Penjelasan KPE UiTM Energy Sdn. Bhd.**

Dr. Haezar bin Ismail (KPE UiTM Energy Sdn. Bhd.) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa UiTM Holdings menarik balik permohonan status komersial. Oleh sebab itu, tiada pembayaran penalti dan cukai akan dibayar mengikut status institusi.

“Dr. Haezar bin Ismail [UiTM Holdings]: YB kalau izinkan saya tambah sikit berkaitan dengan PTG Kuantan ini kita dah ada beberapa sesi perbincangan. Penyelesaiannya adalah untuk kita menarik balik permohonan status komersial yang mana pengubahan daripada status institusi kepada status komersial itu yang membawa kepada nilai penalti yang disebutkan itu. Jadi apabila kita tarik balik kita tidak convert maka tidak ada penalti itu dan kita terpaksa bayar cukai mengikut status institusi.”

Argument kita adalah seperti mana yang Datuk VC maklumkan tadi ini adalah working lab which coincidentally generates income to the university.”

[Muka surat 38, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.8 Tadbir Urus Korporat

UiTM Holdings telah melaksanakan amalan terbaik tadbir urus korporat sepenuhnya bagi dua (2) daripada sembilan (9) elemen yang dinilai iaitu KPE Kumpulan dan Prosedur Operasi Standard. Tujuh (7) elemen lagi masih belum diamalkan sepenuhnya.

6.8.1 Pelantikan Setiausaha Syarikat

Penjelasan Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings

Encik Farisan bin Mokhtar (Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan bahawa pelantikan setiausaha syarikat dibuat oleh Lembaga Pengarah UiTM Holdings. Setiausaha syarikat terdahulu adalah merupakan setiausaha syarikat firma luar dan hanya memegang jawatan setiausaha syarikat sahaja termasuk anak-anak syarikat. Bagaimanapun pada 2023, inisiatif telah diambil iaitu dengan melantik setiausaha syarikat dalam kalangan pekerja UiTM Holdings sebagai *joint company secretary* bagi tujuan penjimatan kos. Selain itu, pada tahun 2019 terdapat pertukaran setiausaha syarikat sebanyak tiga (3) kali.

“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya soalan berkenaan pelantikan setiausaha syarikat. Jadi saya ingin tahu bahawa sebelum pelantikan terkini ini, setiausaha syarikat dulu memang hanya memegang jawatan setiausaha syarikat sahaja ataupun ada jawatan lain dalam UiTM Holdings?”

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: YB, untuk menjawab soalan YB sebelum lantikan setiausaha syarikat yang pada 19 Julai ini, setiausaha syarikat adalah firma luar yang dilantik dan berfungsi sebagai corporate secretary. Akan tetapi pada 2023 kami mengambil inisiatif untuk melantik setiausaha syarikat daripada kalangan pekerja kami. So, we recruited a certified and qualified company secretary to be on board with us as employee and kita lantik dia sebagai at the moment sebagai joint company secretary.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi pada tahun 2019, ada pertukaran tiga kali. Jadi maksudnya tukar tiga syarikat?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul YB, betul.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi tidak ada rekod pembayaran yang dibuat ketika itu juga?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Rekod pembayaran sebab as a secretarial fee ada YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, tapi semua pelantikan itu dibuat oleh Lembaga Pengarah UiTM Holdings. Betul?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Betul YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi bagaimana dengan yang selepas itu, yang dilantik punya setiausaha syarikat? Kenapa pembayaran perkhidmatan mereka tinggi sangat? Adakah itu kerana mereka bukan sahaja untuk UiTM Holdings tetapi untuk memberikan perkhidmatan kepada semua anak syarikat?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Betul YB. Sebelum lantikan our own employee, syarikat yang dilantik adalah syarikat Prudence. Mereka menjadi company secretary untuk semua anak syarikat UiTM Holdings termasuk dormant companies. So, bila kita lantik our own staff, we reduce the cost.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: How much you reduce?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: A lot YB. On the monthly basis, the corporate companies secretaries charging us RM20,000 a month for I think about 14 companies altogether. With the employee, we pay her RM3,500 to RM4,000 a month, as an employee.”

[Muka surat 38 - 39, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

6.9 Kedudukan Syarikat Subsidiari

Status syarikat subsidiari yang dormant bagi tempoh 2019 hingga 2022 menyebabkan ketidakupayaan bayaran balik baki pendahuluan seterusnya mengurangkan nilai aset UiTM Holdings.

6.9.1 Syarikat Subsidiari Dorman

Syarikat menjadi dormant apabila tidak mempunyai sebarang operasi atau aktiviti dan tiada transaksi perakaunan dalam satu (1) tahun perakaunan.

Penjelasan Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings

Encik Farisan bin Mokhtar (Pemangku KPE Kumpulan, UiTM Holdings) dalam Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023 menjelaskan UiTM Hospitality Management Sdn. Bhd. adalah syarikat yang menjalankan operasi pengurusan Intekma Resort sebelum ini. Bagaimanapun apabila bangunan Intekma Resort telah diserahkan kembali kepada UiTM sebagai pemilik, UiTM Hospitality Management Sdn. Bhd. telah menjadi syarikat dormant dan tidak mempunyai apa-apa aktiviti melainkan perbelanjaan operasi. Oleh yang demikian, LPU mengambil keputusan untuk menutup syarikat-syarikat dormant. UiTM Holdings telah menjalankan *due diligence* berkaitan dengan *tax benefit* dan telah dibentangkan kepada LPU dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings.

UiTM Holdings telah mencadangkan syarikat-syarikat yang dormant untuk ditutup. Bagaimanapun terdapat syarikat-syarikat yang telah dilaporkan kepada SPRM dan dinasihatkan supaya syarikat tersebut tidak ditutup bagi tujuan siasatan.

“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Berkenaan dengan syarikat yang dormant, yang akan ditutup, empat syarikat yang disebutkan. Salah satunya ialah UiTM Hospitality Management Services. So, saya nak tahu business apa yang dijalankan? Adakah dia melibatkan hotel UiTM ataupun yang lain-lain? Kalau yang lain, apakah kedudukan hotel UiTM itu kerana ia pun adalah merupakan bidang hospitaliti juga...”


Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: *Yang Berhormat, specifically to UiTM Hospitality Management Sdn Bhd, syarikat ini adalah syarikat yang management company untuk Intekma Resort suatu ketika dahulu. Memang betul UiTM Holdings yang menjalankan operasi pengurusan Intekma Resort pada ketika itu tapi bila bangunan Intekma Resort itu diserahkan kembali kepada UiTM sebagai pemilik, UiTM Hospitality Management menjadi syarikat dorman dan tidak ada lagi aktiviti di situ melainkan operating expenses yang kecil-kecil lah.*

Oleh sebab itu, Lembaga Pengarah UiTM mengambil keputusan untuk menutup syarikat-syarikat ini. Di pihak UiTM Holdings, kami menjalankan satu diligence daripada segi tax benefit yang kita boleh pakai. Perkara itu telah dibentangkan di LPU dan kami akan— dibentangkan di holdings board. Kemudian kami akan execute the necessary action selepas itu...”

[Muka surat 42 - 43, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]

“Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: *We actually suggested most of the dormant company to be closed down sebab atas faktor expenses. Kami nak mengurangkan perbelanjaan untuk syarikat-syarikat dorman. Walaupun tak ada aktiviti tapi kami still kena incurred, macam saya bagi contoh tadi, yuran untuk company secretary, yuran untuk audit dan sebagainya. Sebab syarikat itu pun tidak mempunyai aktiviti. Itu cadangan asal yang dibentangkan. Tapi dalam syarikat- dalam syarikat-syarikat yang dicadangkan itu, ada terdapat syarikat-syarikat yang telah dilaporkan kepada SPRM dan dinasihatkan untuk biarkan syarikat itu as on as is basis. Sekiranya berlaku siasatan yang lebih lanjut daripada pihak berkuasa.”*

[Muka surat 43 - 44, Laporan Prosiding Bil. 9 (a)/2023 bertarikh 6 Disember 2023]



**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 7.1 UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UiTM Holdings) dan anak-anak syarikatnya belum mencapai objektif asal dan mandat untuk mencipta kekayaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), mencipta peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat.
- 7.2 Kegagalan UiTM mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan tidak selaras dengan peruntukan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] dan menyebabkan pengambilalihan UiTM Private Education Sdn. Bhd. (UPESB) dan UiTM Technoventure Sdn. Bhd. (UTVSB) bertentangan dengan akta.
- 7.3 Suntikan modal berjumlah RM259.98 juta oleh UiTM daripada tahun 2007 hingga 2018 tanpa kelulusan Menteri Kewangan bagi tujuan pemilikan saham dalam UiTM Holdings tidak selaras dengan kehendak Akta 173.
- 7.4 Projek solar oleh pihak UiTM Holdings jelas memberi manfaat kepada pengoperasian UiTM. Namun pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang masih belum diselesaikan.
- 7.5 Kegagalan memuktamadkan perjanjian penyewaan baharu antara UiTM dan UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. (UPHSB) mengakibatkan berlaku tunggakan sewaan selama 15 bulan selain menyebabkan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM tidak dapat disenggara dengan baik.


8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara berikut:


- 8.1 UiTM perlu lebih efektif dalam mengawal selia UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya supaya menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan.

- 8.2 UiTM perlu memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pinjaman dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173.
- 8.3 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan UiTM hendaklah memastikan bahawa tindakan pembetulan diambil dalam isu suntikan modal berjumlah RM259.98 juta supaya selaras dengan Akta 173.
- 8.4 Pihak UiTM Holdings hendaklah segera menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang.
- 8.5 UiTM Holdings perlu membentangkan pelan komprehensif hala tuju pelaburan dan perniagaan termasuk menangani isu tunggakan terhadap penyewaan bangunan selama 15 bulan dan masalah penyenggaraan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN



GAMBAR PROSIDING





PARLIMEN MALAYSIA

PENGURUSAN AKTIVITI PELABURAN

MALAYSIA MADANI	
Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga	Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan
<p>Suntikan Modal Oleh UiTM</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM259.96 juta suntikan modal tidak dikemukakan untuk kegunaan Menteri Kewangan yang tidak selaras dengan Akta 173 	<ul style="list-style-type: none"> • Pertukaran syarat bajet tanah kepada kategori industri belum diselesaikan dan dikenakan cukai tanah dan denda RM14.69 juta UiTM Solar Park I • Hakisan tanah di UiTM Solar Park I dan UiTM Solar Park II • Pemasangan kabel projek UiTM Solar Park II tidak cukup menyebabkan masalah halangan persekitaran • Kerja pembaikan kerosakan kabel akibat projek EGRL masih dalam trisakan • 47% aduan kecacatan pembinaan solar bumbung belum diselesaikan • Pemasangan peralatan solar bumbung tidak teratur kerana risiko keselamatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan perkhidmatan doktor pakar dan penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran • Perjanjian sewa bangunan hospital belum ditandatangani dan penyediaan kurang memuaskan • Pelaksanaan hala tuju strategik hospital belum mencapai sasaran kerana tidak koordinasikan antara UiTM dan Spinkat
	<p>Hala Tuju Strategik Pelaburan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelan hala tuju strategik disediakan dengan teratur

Jabatan Akaik Negara 6

PARLIMEN MALAYSIA



























GLOSARI

GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
BNS	Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.
CTC	Clinical Training Center
ECRL	Rail Hubungan Pantai Timur
HASA	Hospital Al-Sultan Abdullah
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KAN	Ketua Audit Negara
KE	Kementerian Ekonomi
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
LPU	Lembaga Pengarah UiTM
MOF	Kementerian Kewangan
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PM	Peraturan Mesyuarat
PPMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
PPUiTM	Pusat Pakar Perubatan UiTM
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
RM	Ringgit Malaysia
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UiTM Holdings	UiTM Holdings Sdn. Bhd.
UPSC	UiTM Private Specialist Centre
UPESB	UiTM Private Education Sdn. Bhd.
UPHSB	Private Healthcare Sdn. Bhd.
UTVSB	UiTM Technoventure Sdn. Bhd.



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

LAMPIRAN A

MESYUARAT PRA PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS
BIL. 9 TAHUN 2023
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>06.12.2023/ Rabu/ 10.00 pagi</p>	<p>PRA PROSIDING BIL. 9 TAHUN 2023: "Universiti Teknologi MARA (UiTM) - UiTM Holdings Sdn. Bhd." <i>(LKAN 2022 - Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan)</i></p>	<p>JABATAN AUDIT NEGARA: Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara</p>

LAMPIRAN A

**MESYUARAT PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
06.12.2023 Rabu 11.00 pagi	PROSIDING BIL. 9(A) TAHUN 2023: "Universiti Teknologi MARA (UiTM) - UiTM Holdings Sdn. Bhd." <i>(LKAN 2022 - Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan)</i>	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI: YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM): YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Cancellor Universiti Teknologi MARA UiTM HOLDINGS SDN. BHD.: YBrs. Encik Farisan bin Mokhtar, Ketua Pegawai Esekutif Kumpulan



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 6 Disember 2023

Bil. 9 / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Pra-Prosiding:
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- UiTM Holdings Sdn. Bhd.
(LKAN 2022 - Pengurusan Syarikat Kerajaan
Persekutuan)**

Jabatan Audit Negara
YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi,
Ketua Audit Negara

**PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 6 DISEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Peguam Negara

Rahayu binti Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]

Kementerian Kewangan Malaysia

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Yap Kok Wooi [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Puan Hasda binti Alimin [Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Cik Farhana binti Mohd Tahir [Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan)]

PKPj Zulhairi bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan)]

Kementerian Ekonomi

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (BPOPA)]

SAKSI

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]

Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar [Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikati (Sektor Audit Syarikat Kerajaan))]

Puan Nadhirah binti Haji Abdul Wahab [Pengarah (Bahagian Audit Syarikat I)]

YBrs. Dr. Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]

YBrs. Dr. Yati bin Md. Lasa [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Syarikat I)]

Encik Hamzah bin Azham [Peguam Persekutuan (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang)]

Puan Suraya binti Adnan [Ketua Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Syarikat I)]

Puan Wan Nurfaridah binti Wan Adnan [Penolong Pengarah (Bahagian Audit Syarikat I)]

Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [Penolong Pengarah (Bahagian Audit Syarikat I)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

RABU, 06 DISEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Selamat pagi. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen - Puan Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15, ahli-ahli *ex officio*, Jabatan Peguam Negara, JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kepada semua yang hadir pada Mesyuarat pada pagi ini. Hari ini PAC Parlimen akan memulakan prosiding bagi isu UiTM Holdings Sdn. Bhd. yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tahun 2022. Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan adalah satu-satunya tajuk daripada Laporan Ketua Audit Negara – Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan yang Jawatankuasa ini persetujuan untuk dijadikan sebagai prosiding.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebagaimana amalan PAC sebelum ini, semua tajuk yang diambil daripada Laporan Ketua Audit Negara akan dimulakan dengan Mesyuarat Pra-Prosiding bagi memberikan platform terbaik kepada Ketua Audit Negara untuk memberikan penjelasan secara terperinci kepada Jawatankuasa ini sebelum prosiding ini dimulakan. Justeru, yang hadir pada pagi ini ya, di hadapan kita pada pagi ini, sekali lagi Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara. Terima kasih Datuk, hadir. Yang Berusaha Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Audit Negara dan juga Yang Berusaha Puan Nadhirah binti Haji Abdul Wahab, Pengarah Jabatan Audit Negara. Terima kasih kepada semua yang hadir dan juga semua pegawai yang dapat bersama dalam Mesyuarat pada pagi ini.

Untuk Ahli Mesyuarat sekalian, saksi prosiding yang akan hadir pada jam 11.00 pagi sekejap lagi adalah Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian iaitu merupakan TKSU (Dasar) yang menjalankan tugas Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin

bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara. Ketiganya, Yang Berusaha Dr. Haezar bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Energy Sdn. Bhd. Dan yang keempat, Yang Berusaha Encik Farisan bin Mokhtar, Pemangku Ketua Pegawai Esekutif Kumpulan UiTM Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berhormat Ahli Mesyuarat sekalian, untuk pengetahuan semua, UiTM Holdings Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat milikan penuh Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Mandat penubuhannya adalah untuk mencipta kekayaan kepada UiTM selain mencipta peluang pelaburan. Jabatan Audit Negara menilai prestasi dan pengurusan aktiviti utama UiTM Holdings daripada segi pelaburan dalam syarikat subsidiari UiTM Holdings bagi tempoh 2019 sampailah ke Mac 2023.

Sejumlah 17 isu Audit dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara berhubung UiTM Holdings dan penemuan Jabatan Audit Negara secara keseluruhannya mendapati UiTM Holdings masih belum mencapai mandat dan juga objektif penubuhan sepenuhnya dalam melaksanakan peranan sebagai syarikat pegangan pelaburan dalam syarikat subsidiari yang memberikan pulangan kepada UiTM. Pada masa yang sama, satu perkara yang lebih mengejutkan, apa yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah pengurusan aktiviti pelaburan adalah tidak teratur bagi suntikan modal oleh UiTM kerana tiada kelulusan Menteri Kewangan diperoleh dan ini tidak menepati tadbir urus kerajaan yang baik. Dalam prosiding ini, saya berasa cukup yakin apabila Jawatankuasa ini juga akan turut mendapat pelbagai maklumat tambahan daripada Ahli PAC, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad yang juga merupakan mantan Menteri Pengajian Tinggi. Kita rasa inilah ya. *[Ketawa]* Jadi, kita ada *advantage* kat sini ya. Sudah pasti beliau mempunyai pelbagai input dan juga pengalaman untuk dikongsi bersama PAC dalam prosiding ini. Sebab itu hari ini dia pakai baju merah. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya, Ketua Audit Negara untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Yang Berbahagia Datuk. Terima kasih.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Berjumpa saya sekali lagi pada hari kedua, *back-to-back*. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Puan Naib Pengerusi Jawatankuasa PAC, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, wakil-wakil daripada agensi Pusat, Yang Berusaha Timbalan Ketua Audit Negara dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit Negara. Izinkan saya untuk menyampaikan taklimat ringkas berkenaan pengurusan syarikat UiTM Holdings Sdn. Bhd. seperti yang telah dibentangkan dalam Laporan Ketua

Audit Negara 2022 pada 22 November bulan lepas. Seterusnya, UiTM Holdings Sdn. Bhd. seperti Yang Berhormat telah sebut tadi adalah sebuah syarikat berhad menurut syer yang ditubuhkan pada 5 Jun 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125].

Ianya adalah syarikat milik penuh UiTM yang dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Setakat 31 Disember 2022, UiTM Holdings mempunyai modal berbayar sebanyak RM259.98 juta. UiTM Holdings mempunyai 14 syarikat subsidiari yang terdiri daripada lapan syarikat aktif dan enam yang dorman. Mandat UiTM Holdings adalah:

- (i) mencipta kekayaan untuk UiTM;
- (ii) mencipta peluang pelaburan; dan
- (iii) meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat.

Objektif penubuhan syarikat mengikut Perlembagaan Syarikat adalah sebagai syarikat pegangan dan membuat pelaburan atau memegang saham, *debenture* pinjaman bond dan sebagainya yang dikeluarkan atau dijamin oleh kerajaan atau pihak lain di dalam dan luar negara, penasihat dan perunding kepada kerajaan dan pihak lain di dalam dan luar negara dan menjalankan perniagaan am.

Model perniagaan UiTM Holdings adalah berteraskan keuntungan bagi tujuan memberi pulangan UiTM selaku pemegang saham utama yang memberikan suntikan modal dan pembiayaan pinjaman pendahuluan. Aktiviti utama UiTM Holdings adalah untuk menjalankan pelaburan seperti yang tertera dalam empat perniagaan iaitu tenaga, penjagaan kesihatan, teknologi dan kreatif yang dilaksanakan oleh lapan syarikat subsidiari yang aktif. Objektif pengauditan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara adalah pertama, untuk menilai pencapaian mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings melalui pengurusan aktiviti pelaburan dalam syarikat subsidiari dengan teratur, cekap dan berkesan. Kedua, untuk melihat amalan tadbir urus korporat yang baik dan ketiga, untuk melihat kedudukan kewangan syarikat sama ada kukuh atau tidak.

Pengauditan melibatkan tiga komponen utama iaitu pertama, pengurusan aktiviti, kedudukan kewangan dan tadbir urus korporat. Penilaian prestasi aktiviti melibatkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Kita juga melihat pengurusan aktiviti terhadap aktiviti utama UiTM Holdings dalam empat bidang teras yang telah disebut sebelum ini, termasuk pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi tempoh 2019 hingga Mac 2023. Kedudukan kewangan juga dinilai berdasarkan analisis terhadap Penyata Kewangan Beraudit UiTM Holdings dan Syarikat Subsidiari Tahun 2019 – 2022 dan bagi tadbir urus korporat pula, penilaian dibuat terhadap sembilan elemen seperti pengerusi, CEO, setiausaha syarikat, lembaga pengarah dan seterusnya.

Ringkasan penemuan Audit. Tiga perkara yang dinilai dalam pencapaian output iaitu petunjuk prestasi utama (KPI) prestasi pelaburan dan prestasi kewangan Kumpulan UiTM Holdings. KPI kumpulan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UiTM melibatkan empat bidang fokus utama iaitu kewangan, strategi dan kelestarian, pembangunan modal insan serta pematuhan. Secara keseluruhannya, pencapaian KPI adalah tidak memuaskan. Bagi tempoh 2019 – 2022, UiTM Holdings tidak mencapai kesemua empat bidang fokus yang disasarkan. UiTM Holdings hanya–KPI yang telah dicapai hanya antara 32 hingga 46 peratus bagi tempoh yang diaudit. Manakala daripada prestasi pelaburan dalam syarikat subsidiari, daripada RM124.24 juta nilai yang dilaburkan oleh UiTM dalam syarikat subsidiari, dilihat berlaku penjejasan nilai berjumlah RM64.63 juta iaitu merangkumi 52 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan. Prestasi kewangan subsidiari dalam bidang perniagaan iaitu bidang penjagaan kesihatan, teknologi dan kreatif juga dilihat kurang stabil dan mengalami kerugian sebelum cukai bagi tempoh yang telah diaudit.

Hanya satu sahaja bidang perniagaan yang dilihat sebagai stabil iaitu di dalam pelaburan dalam bidang tenaga. Selain itu, daripada pencapaian keberhasilan, pulangan dividen atas pelaburan juga tidak memuaskan kerana hanya empat syarikat subsidiari yang membayar balik dividen kepada UiTM Holdings berjumlah RM30.77 juta iaitu UiTM Document Services Sdn. Bhd., UiTM Private Education, UiTM Technology Centre dan UiTM Solar Power.

■1010

Prestasi kewangan Kumpulan UiTM Holdings juga dilihat kurang stabil di mana kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai daripada tahun 2019, 2021 dan 2022 dan kerugian terkumpul juga meningkat 20.4 peratus kepada RM111.28 juta pada 2022 berbanding tahun 2021.

Dari segi prestasi aktiviti pelaburan, dilihat pulangan dividen oleh UiTM Holdings kepada UiTM belum dapat dinilai kerana kedudukan kewangan UiTM Holdings sendiri juga dilihat kurang stabil. Kedudukan kewangan bagi tiga bidang perniagaan kurang stabil seperti yang saya sebutkan tadi kecuali bidang tenaga dan sejak penubuhannya, bagi syarikat subsidiari hanya RM6.16 juta dividen dibayar bagi tempoh 14 tahun ya, 2008 hingga 2022 berbanding suntikan modal oleh UiTM berjumlah RM259.98 juta setakat tahun 2022.

Namun kita lihat juga ada penjimatan kos tenaga elektrik UiTM di mana projek tenaga solar bumbung di enam kampus UiTM terlibat iaitu UiTM Dungun, Kuala Pilah, Segamat, Jengka, Permatang Pauh dan Bertam telah berjaya memberi penjimatan kos tenaga elektrik kepada UiTM berjumlah RM530,000. Ringkas...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Maaf ya. Berhenti sekejap. Hanya nak *clarify* sahaja. Yang RM530,000 penjimatan ini adalah jumlah untuk tahun yang diaudit ataupun untuk setahun?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *Wait*, kita *check* balik. [*Pembesar suara dimatikan*] Untuk tempoh yang diaudit YB. So, maksudnya daripada tahun 2019 hingga 2022. So, tak banyaklah tapi ya.

Pengurusan aktiviti pelaburan juga di mana kita lihat terhadap empat perkara iaitu suntikan modal oleh UiTM, aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan tenaga dan bidang perniagaan penjagaan kesihatan serta hala tuju strategik pelaburan. Daripada aspek suntikan modal oleh UiTM, tadi YB Pengerusi ada sebut adalah tidak teratur di mana sejumlah RM259.98 juta suntikan modal antara tahun 2009 hingga 2018 tidak mendapat kelulusan Menteri Kewangan di mana proses kelulusan penyaluran modal adalah tidak selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 atau Akta 173.

Selain itu perincian penggunaan suntikan modal juga berjumlah RM176.20 juta tidak dapat ditentukan kerana penyelenggaraan dokumen tidak teratur sebelum tahun 2022. Kita tidak dapat akses dokumen-dokumen tersebut sebab *team* yang di UiTM Holdings juga telah bertukar. Jadi, kita tidak tahu macam mana *they spend that amount of money during prior to 2022*.

Pelaburan dalam bidang perniagaan tenaga secara keseluruhannya juga walaupun ia adalah salah satunya sektor yang pelaburan yang membuahkan hasil, namun pelaburan dalam bidang tersebut juga didapati kurang cekap. Kelemahan yang dikenal pasti antaranya ialah pertukaran syarat nyata tanah daripada kategori institusi pengajian tinggi kepada kategori industri bagi projek UiTM Solar Park di Pahang didapati tidak cekap kerana masih belum diselesaikan dan dikenakan bayaran RM14.69 juta iaitu termasuk cukai tanah dan denda kepada pihak pejabat tanah.

Seterusnya, *even* dalam projek pelaburan tersebut, terdapat juga berlaku hakisan tanah di projek jana kuasa elektrik solar berskala besar iaitu di UiTM Solar Park, kita boleh lihat ya [*Merujuk kepada slaid*] dan UiTM Solar Park 2. Ada *hyperlink*?

Keadaan hakisan tanah seperti yang tertera dalam laporan dan juga di dalam skrin ini. Ini adalah tapak yang kita lihat di tapak *solar park* ini ialah Solar Park 1 dan yang seterusnya adalah di Solar Park 2. Jadi, tidak terjaga ataupun tidak diselenggara dengan baik.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kawasan yang sama ke Datuk?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ia kawasan berbeza YB. So, yang pertama tadi ialah *Solar Park 1*. Yang ini *Solar Park 1*. Kedua adalah *Solar Park 2*. Jadi, kabel tu yang macam *Solar Park 1* tu tadi kabel tu terdedah, so yeah. Walaupun— ini *Solar Park 2*. So, yang sebelah kiri tu adalah sebelum dan tapi selepas kita tegur, dia buat penambahbaikan. Dia buat baik pulih. So, dia dah letak balik tanah. Okay, next.

Projek jana— dan seterusnya, kita nampak juga pemasangan kabel projek pun walaupun telah diletak tapi ia tidak cekap. Kadang-kadang ada juga melibatkan masalah haiwan perosak, tikus gigit. So, ia tidak terjaga dengan baik dan berlaku juga kerosakan kabel di tapak UiTM Solar Park 1 kerana akibat pembinaan projek ECRL pada kawasan tersebut dan masih dalam tindakan pembaikan. Pembaikan tu sedang diselenggarakan bersama dengan pihak ECRL.

Projek jana kuasa elektrik solar bumbung yang dibangunkan oleh syarikat subsidiari UiTM Holdings iaitu Go Energy didapati 41 *per cent* aduan kecacatan pembinaan solar bumbung di tujuh cawangan kampus UiTM juga masih belum diselesaikan. So, walaupun pelaburan itu adalah berjaya tetapi ia tidak diselenggara dengan baik dan banyak isu-isu *maintenance* yang perlu diselesaikan.

Seterusnya, pemasangan peralatan solar bumbung juga tidak teratur. Jadi ada risiko keselamatan. Bila pegawai turun ke UiTM Kampus Kuala Pilah dan Kampus Jengka misalnya, didapati pemasangan *inverter* di kawasan tempat letak kenderaan juga tidak teratur kerana kabel itu terdedah ya. So, ini adalah perkara-perkara yang kita telah laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Daripada segi pelaburan dalam bidang perniagaan penjagaan kesihatan, UiTM Holdings telah membuat pelaburan dalam bidang perniagaan penjagaan kesihatan melalui— melibatkan perkhidmatan yang dikendalikan oleh pusat pakar perubatan dikenali sebagai UiTM Private Specialist Centre (UPSC) yang diuruskan oleh UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd, satu syarikat subsidiari UiTM Holdings.

Awal penubuhannya, objektif dia adalah sebagai inisiatif bersama antara UiTM Holdings dan Fakulti Perubatan UiTM untuk membuka *private wing* di Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) di Sungai Buloh.

Secara keseluruhannya, didapati pelaburan dalam bidang perniagaan ini adalah tidak cekap. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah penyediaan perkhidmatan doktor pakar dan penggunaan peralatan perubatan utama juga tidak mencapai sasaran. Tidak ada *coordination policy* dan pelaksanaan antara UiTM dan UiTM Holdings berhubung operasi UPSC.

Misalnya, komitmen UPSC dan juga PPUiTM juga tentang penempatan pensyarah dan doktor perubatan didapati tidak ada *coordination* dan antara Fakulti

Perubatan UiTM dan UPSC juga ya untuk meletakkan *specialists* di UPSC. So, masing-masing bergerak secara individu sekarang.

■1020

Jadi, objektif utama untuk penubuhan UPSC kita lihat tidak tercapai. Perjanjian sewa bangunan Hospital PPUiTM juga masih belum ditandatangani dan penyelenggaraan juga kurang memuaskan.

Seterusnya ialah daripada segi hala tuju strategik hospital iaitu *UiTM Private Healthcare: 10 Years Strategic Plan Blueprint 2018* juga belum mencapai sasaran kerana seperti yang saya sebut tadi tiada koordinasi antara UiTM pusat sendiri dan syarikat. Jadi, pelan hala tuju strategik pelaburan ini sepatutnya telah mendapat kelulusan daripada LPU namun ia masih belum dilaksanakan.

Daripada segi tadbir urus korporat pula, secara keseluruhannya tadbir urus korporat UiTM Holdings adalah kurang memuaskan. Kita lihat hanya dua daripada sembilan elemen tadbir urus yang sepatutnya telah diamalkan sepenuhnya iaitu CEO, kumpulan dan SOP. Bagi tujuh elemen yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah daripada segi tugas dan tanggungjawab pengerusi bagi lantikan tempoh 2019 hingga 2021 tidak dinyatakan dalam surat pelantikan serta terma dan rujukan lembaga pengarah.

Kedua, daripada segi elemen lembaga pengarah, bagi tempoh yang diaudit tiada wakil MOF dan KPT dilantik di dalam Lembaga Pengarah UiTM Holdings, walaupun ini telah ditetapkan di dalam garis panduan pelaburan untuk IPTA dan surat Jabatan Pengajian Tinggi. Elemen setiausaha syarikat juga kita lihat tidak memainkan peranan yang sewajarnya untuk menasihatkan lembaga pengarah berkaitan dengan tadbir urus syarikat sepanjang 2019 sehingga 2023. Pelan perniagaan, pencapaian KPI juga tidak dilaporkan, dibentangkan atau dipantau oleh lembaga pengarah.

Jawatankuasa Audit dan Risiko juga tidak teratur. Audit Dalam juga kita tidak nampak ada kebebasan antara NRC dengan Ketua Audit Dalam – *sorry*, Jawatankuasa Audit dan Risiko dengan Ketua Audit Dalam. Jawatankuasa NRC juga tidak bebas daripada segi keanggotaannya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Datuk Pengerusi, terima kasih. Datuk Wan Suraya, saya hendak tanya tentang setiausaha syarikat COSEC kerana apabila saya baca laporan penuh juga mendapati ada syorkan satu-satu khasnya untuk COSEC. Jadi, apa masalah dengan pelantikan setiausaha syarikat ini?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]: Ada beberapa faktor yang kita lihat. Kita tidak dapat menentukan pelantikan serta *terms of appointment* sebab ada beberapa – ada banyak juga – beberapa orang setiausaha

syarikat bagi tempoh tersebut, tiga *I think* bagi tempoh yang ditetapkan dan tiada rekod yang dikemukakan. Kita juga tidak nampak pengesahan setuju terima oleh UiTM Holdings terhadap terma dan syarat pelantikan setiausaha syarikat bagi tempoh – bagi 2019 ada tiga orang setiausaha syarikat, bagi 2021 hingga 2023 kita tidak nampak *terms* dalam *letter of appointment* tersebut.

Bayaran perkhidmatan juga kita dapati tidak teratur sebab jumlahnya agak besar, RM452,819 untuk tempoh 2021 hingga Disember 2022. Kita kira agak tidak teratur. Kita juga nampak sebagai setiausaha syarikat, dia tidak melaksanakanlah peranannya untuk menasihati lembaga pengarah tentang *terms of reference of* pelantikan ahli-ahli lembaga pengarah dalam tempoh tersebut.

Seterusnya, sepatutnya setiausaha syarikat itu juga menjalani program pembangunan profesional tetapi pada tahun 2022 dia tidak menjalani program tersebut. So, bagi tempoh yang diaudit kita nampak agak tidak teraturlah daripada tata kelola untuk setiausaha syarikat, satu jawatan yang pentinglah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Boleh saya tanya sekarang? Datuk Pengerusi, saya hendak tanya tentang slaid yang berkenaan dengan suntikan modal itu yang mana dikatakan tidak mendapat kelulusan oleh Menteri Kewangan dan ini tidak selaras dengan Akta 173. Ada ditemui tidak seksyen yang mana dalam Akta 173 itu yang dikatakan tidak selaras itu?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]: Terima kasih Yang Berhormat. Subseksyen 4A(1)(f) Akta 173 memperuntukkan bahawa UiTM boleh memperoleh dan memegang saham bagi tujuan pelaporan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]: So, boleh tetapi perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan, yang itu tidak dapatlah. Itu di bawah Akta 173 dan yang subseksyen 4A(1)(g) juga menetapkan bahawa perolehan saham adalah termasuk dalam bentuk pembelian, pindahan, penukaran saham dan sebagainya. So, ia tidak menepati subseksyen 4A(1)(f).

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi memang Menteri Kewangan pada ketika itu memang tidak ada maklumat ataupun tidak dimaklumkan langsung atau memang universiti ambil langkah ini tanpa...

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]: Apa yang kita dapat – sebab perkara ini juga ia telah dirujuk kepada MOF bahawa perkara ini tidak mendapat kelulusan Menteri Kewangan. Maksudnya dia tidak rujuk baliklah kepada MOF. Kalau kita lihat juga ia bercanggah dengan Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004) di mana perkara 3.2.4 (B)(c)(v) UiTM hendaklah merujuk

semula kepada MOF melalui KPT sekiranya bercadang untuk mengurangkan atau menambah pegangan saham terhadap syarikat milik penuhnya selepas kelulusan.

So, maksudnya melalui akta pun dia tidak memenuhi syarat dan melalui Garis Panduan Pelaburan IPTA pun ia tidak memenuhi syarat kerana telah diperuntukkan, dia kena merujuk semula kepada MOF melalui Menteri KPT.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Saya hendak tanya yang tadi di Slaid 5, *the previous slide, it says that* ada empat syarikat yang membayar dividen. Apa empat syarikat tersebut ya? Sebab ia ada lapan aktif dan enam *dormant* kan? So, *the four* syarikat *that paying subsidiary is which four?*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]: Syarikat yang bayar dividen?

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Ya.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Ketua Audit Negara]: Ia adalah UiTM Document Services Sdn. Bhd. kini telah ditukar nama kepada Section One Sdn. Bhd. ada dalam laporan Yang Berhormat dalam muka surat 259, kedua ialah UiTM Private Education Sdn. Bhd., ketiga ialah UiTM Technology Center Sdn. Bhd. dan yang keempat UiTM Solar Power Sdn. Bhd. So, yang membayar balik dividen itu ada dalam perenggan 5.1.2.3.b. So, ada dalam laporan Yang Berhormat.

Saya *just* hendak kalau diizinkan Yang Berhormat Pengerusi hendak menjawab balik soalan tadi, mungkin apa yang telah berlaku ialah tentang garis panduan dan akta ini kerana menurut UiTM pada ketika itu, ia dapati ia tidak rujuk balik kepada MOF kerana menurut UiTM tiada keperluan bagi mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan bagi suntikan modal kerana dibiayai daripada sumber dalaman selaras dengan ketetapan dalam surat MOF kepada KPT bertarikh 18 Januari 2008.

Namun, maklum balas yang diterima daripada MOF pada 14 September 2023 mengesahkan bahawa kelulusan Menteri Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu untuk memastikan terdapat *check and balance* terhadap setiap tindakan yang dilaksanakan oleh UiTM. Jadi, menurut UiTM ini adalah sumber dalaman tetapi *actually* ia seperti yang telah ditegaskan oleh MOF, ia masih perlu mendapatkan dan ini ada dalam laporan seperti dalam muka surat 269.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Maaf Datuk, hendak balik kepada isu COSEC itu. Jadi, untuk pembayaran RM452,819 untuk servis bermula tahun – bulan Mac 2021 hingga Disember 2022, 22 bulan ini, sama ada COSEC itu orang yang sama atau ada pertukaran?

■1030

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Saya semak, YB. Orang yang sama, YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, *averagely the persons' monthly pay is how much?* CoSec.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Campur 30 bulan, so lebih kurang dua tahun. *[Disampuk]* Ya. Kalau kita *average it out, about RM21,562 per month. So, during that period of 30 months between Februari 2021 hingga— No. Between Mac 2021 hingga Disember 2022. Appointment* dia adalah *between* Februari hingga Ogos. Tapi *payment during that period* itu kita nampak ada agak— tidak teraturlah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Adakah pembayaran sama juga dibayar kepada CoSec sebelum itu iaitu amaun yang sama juga?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Kalau— sebab rekod sebelum tahun 2019, *it is not available. So,* itu yang kita cakap-walaupun pada ketika itu ada tiga setiausaha syarikat. Bila tahun yang kita— yang tempoh pengauditan yang kita ada ialah untuk tahun 2021 sehingga kinilah. So, banyak *documentation* yang *the team* tak dapat akses, *because* dah tak ada. Boleh saya teruskan, YB?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Datuk teruskan sampai selesailah, *then* baru kita tanya soalan ya.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih. Seterusnya, daripada segi status *AG Dashboard*, di mana kita lihat daripada 17 isu yang berbangkit, hanya satu sahaja yang telah selesai iaitu berkaitan dengan pengurusan aktiviti pelesenan hospital swasta. Mereka berjaya untuk mendapatkan lesen tersebut. Ini pun selepas teguran Audit. Yang 16 itu lagi masih lagi kita sedang pantau daripada segi pelaksanaannya. Kalau kita lihat daripada segi KPI; daripada segi pulangan dividen tahunan kepada UiTM; suntikan modal; tentang ratifikasi yang perlu diambil oleh UiTM Holdings; pertukaran syarat nyata tanah; isu-isu yang berkaitan dengan hakisan tanah di UiTM Solar Park I dan II; pemasangan kabel; apa tindakan yang penambahbaikan; jaminan perlindungan projek, ini yang berkaitan dengan ECRL; aduan kecacatan pembinaan projek; keselamatan peralatan projek solar bumbung yang masih sedang ditangani; keperluan doktor pakar, ini antara UPSC dan UiTM sendiri; penggunaan peralatan perubatan; sewaan dan penyenggaraan bangunan hospital; dan antara yang penting ialah pelaksanaan hala tuju UPSC yang perlu dibawa oleh pihak UiTM Holdings untuk mendapatkan

kelulusan daripada pihak LPU; hala tuju strategik pelaburan; dan tadbir urus korporat yang melibatkan ahli lembaga pengarah dan seterusnya.

Secara keseluruhannya, mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings untuk mencipta kekayaan kepada UiTM dan peluang pelaburan masih dilihat masih belum tercapai dalam melaksanakan sebagai syarikat pegangan pelaburan. Amalan tadbir urus korporat juga dilihat kurang memuaskan, manakala kedudukan kewangan kumpulan masih kurang stabil. Rumusan Audit berdasarkan penilaian dalam bidang prestasi dan pengurusan aktiviti pelaburan dan tadbir urus korporat ialah pertama, KPI tidak memuaskan kerana pencapaian masih rendah antara 32 hingga 46 peratus; ketiadaan pemantauan lembaga pengarah sendiri terhadap pencapaian KPI kumpulan; dan prestasi pelaburan dalam subsidiari juga tidak memuaskan kerana terdapat penjejasan nilai pelaburan sebanyak 52 peratus iaitu RM64.63 juta. Prestasi kewangan syarikat subsidiari juga dilihat kurang stabil kecuali bidang perniagaan tenaga dan pulangan dividen atas pelaburan juga tidak memuaskan kerana hanya empat syarikat subsidiari yang membayar dividen.

Kedudukan kewangan Kumpulan UiTM Holdings juga kurang stabil kerana kerugian sebelum cukai dan kerugian terkumpul meningkat daripada tahun 2021 sebanyak RM92.44 juta hingga 2022 iaitu sebanyak RM111.28 juta. Pencapaian keberhasilan juga daripada segi pulangan dividen kepada UiTM juga belum dapat dinilai kerana kedudukan kewangan UiTM Holdings yang kurang stabil. Penjimatan kos tenaga elektrik juga walaupun ada— berkesan sebanyak 10 peratus tapi kalau dilihat adalah agak rendah melalui projek tenaga solar bumbung.

Pengurusan aktiviti pelaburan, suntikan modal oleh UiTM tidak teratur seperti yang saya sebut tadi kerana tidak selaras dengan ketetapan akta, Akta 173 dan juga Garis Panduan Pelaburan IPTA. Penggunaan perbelanjaan suntikan modal juga tidak dapat ditentukan. Kita tak tahu apa yang telah dilaksanakan dengan suntikan modal tersebut kerana penyelenggaraan dokumen-dokumen yang sebelum tahun 2022 tidak- *not available*. Aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan tenaga juga kurang cekap seperti yang disebut tadi, pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri belum diselesaikan. Hakisan tanah, pemasangan kabel projek, aduan kecacatan pembinaan solar bumbung dan pemasangan peralatan solar bumbung juga tidak teratur.

Aktiviti pelaburan dalam bidang perniagaan penjagaan juga tidak cekap kerana penyediaan perkhidmatan doktor pakar dan penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran. Perjanjian sewa bangunan hospital juga belum ditandatangani dan penyenggaraan juga kurang memuaskan. Pelaksanaan hala tuju strategik hospital juga tiada koordinasi antara pihak UiTM dan syarikat. Yang

paling penting ialah pelan hala tuju strategik pelaburan yang disediakan masih belum diluluskan oleh pihak LPU. Terakhir ialah tadbir urus korporat kurang memuaskan kerana masih banyak lagi elemen yang tidak diamalkan sepenuhnya.

Daripada segi syor Jabatan Audit Negara, kita ada tujuh syor. Yang pertama ialah syor supaya Lembaga Pengarah UiTM Holdings hendaklah memantau pencapaian KPI Kumpulan UiTM Holdings sendiri. Kedua, kelulusan untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan sebelum sebarang suntikan modal kepada syarikat subsidiari UiTM selepas ini. Kerana tidak ada lagi kelulusan secara retrospektif yang diberikan oleh MOF. Ketiga, supaya UiTM dan UiTM Holdings hendaklah menyelesaikan dengan segera isu pertukaran syarat nyata tanah UiTM Solar Park daripada kategori institusi pengajian tinggi kepada industri dengan segera. Keempat ialah UiTM Holdings juga perlu menyelesaikan masalah-masalah operasi seperti yang hakisan tanah, pemasangan kabel dan aduan kecacatan pembinaan projek solar. Seterusnya, LPU dan pengurusan UiTM perlu menyelesaikan dengan segera masalah dan kelemahan dalam pengurusan operasi UPSC. LPU dan Lembaga Pengarah UiTM juga perlu memastikan hala tuju Kumpulan UiTM Holdings yang lebih jelas supaya dia dapat memastikan prestasi Kumpulan UiTM Holdings dapat dipertingkatkan, terutama daripada aspek kedudukan kewangan. Yang terakhir ialah Lembaga Pengarah UiTM Holdings juga perlu menambah baik amalan tadbir urus korporat. Itu saja YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, nak mulakan. Saya merujuk muka surat 301, LKAN (Laporan Ketua Audit Negara) ini dan syor Audit tadi yang nombor lima itu, menyelesaikan segera masalah dan kelemahan dalam pengurusan operasi. Saya nak tanya tentang sewaan dan penyenggaraan bangunan hospital, di mana lawatan Audit pada 4 Januari 2023, keadaan bilik dan ruangan di bahagian siling dan dinding hospital mempunyai tompokan kulat.

■ 1040

So, saya rasa hospital ini, *specialist centre, specialist medical centre*, kira swasta, bukan? Kita dengar dekat Parlimen ini kita bising fasal keadaan hospital dan klinik kerajaan. Jadi bagaimana UiTM Holdings nak buat *private healthcare* ini dengan keadaan sebegitu. Tempat ini sebenarnya digunakankah yang bertompok-tompok kulat ini, macam mana ini?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ini – memang ini yang kita *highlight* YB dalam...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *But it's in use.*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *It is in use. The building is used.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *This condition?*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Yes.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Masya-Allah.*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ya. Sebab itu kita tak dapat mengesahkan pihak yang bertanggungjawab bagi penyenggaraan kerana tidak ada klausa dalam perjanjian penyewaan itu. Saya sebut tadi perjanjian penyewaan masih lagi tidak dimuktamadkan dan ditandatangani. Jadi operasi – sudah beroperasi sudah, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Walhal kadar sewa saya lihat ini telah naik daripada 30 Jun 2020. Mulanya RM26,000 sebulan kepada RM57,828 sebulan, maknanya lebih dua kali ganda kan sewaan itu? Sewaan itu melibatkan penyenggaraan ataupun sewaan semata-mata.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Kita tak – sebab dalam perjanjian penyewaan yang masih belum ditandatangani, tidak ada klausa tentang penyenggaraan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, tak ada penyenggaraan senang kata?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: So, siapa pihak yang bertanggungjawab itu tidak dapat di-*identified*. So, *what we can say* ialah setakat bulan Mac tempoh pengauditan YB, perjanjian baru sewaan masih belum ditandatangani. So, ada perjanjian tapi *it is not been signed and* tidak ada klausa tentang penyenggaraan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, nak tanya fasal penyewaan juga merujuk pada Kapar punya persoalan. Yang kenaikan itu ada *official letter* ataupun bagaimana yang kenaikan itu berlaku, yang mereka tidak bersetuju dia punya pertambahan kadar kenaikan sewa daripada RM26,000 sampai RM57,828.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ia telah ditawarkan tapi *I think* pihak UiTM tidak bersetuju kerana mendadak dia punya kadar itu. Jadi perkara ini mungkin boleh dirujuk kepada pihak *auditee* apa tindakan seterusnya yang telah diambil selepas tempoh pengauditan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Datuk, Yang Berhormat Pengerusi. Saya cuma nak tanya sebab saya tengok modal awal dia RM10 juta. Inilah autonomi sangat bukan? Sebab itulah *minister* pun tak tahu. [*Ketawa*] Lepas itu bila dia buat projek UiTM Solar Park I di Gambang itu, dia punya amaun dia RM62.5 juta dan yang kedua RM53.1 juta. Mana dia *raised fund* itu eh? Daripada – sebab...

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: YB sebut tentang projek solar ya?

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Ha, solar.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Okey.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Muka surat 268...

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]: LKAN.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: LKAN. Sebab modal awal dia hanya RM10 juta saja tapi bila dia buat projek UiTM Solar Park I di Gambang ini amaun dia sahaja RM115 juta. Kalau – tidak akan dia guna duit dalaman banyak sangat? Ini sebelum *election* PRU13 bukan?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: YB kita lihat kepada jadual yang ada dalam itu, yang ini juga kita lihat sebab kalau tengokkan memang suntikan modalnya hanya *a quite limited* ya dan seterusnya kita dapati dia – tapi kita tidak dapat perakukan YB sebab kita tak audit syarikat subsidiari. Kita hanya tengok daripada UiTM Holdings. Jadi kita difahamkan dia ada buat terbitan saham untuk mendapatkan modal tambahan oleh subsidiari tersebut.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Macam mana terbitan saham? Oh, dahsyat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dahsyat.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Dahsyat.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ya, sukuk dan sebagainya. Tapi *details about that* kita tak boleh perakukan sebab kita not dalam lingkungan audit – pengauditan yang dijalankan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Kita boleh tanya juga dengan UiTM nanti bukan?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Silakan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, Datuk saya nak tanya tentang hubungan antara Fakulti Perubatan UiTM dan juga PPUiTM. PPUiTM *ini owner of the bangunan, for UiTM Specialist Centre?*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Yes.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia sewa daripada PPUiTM?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Yes.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi PPUiTM yang naikkan kadar sewa kepada *specialist centre?*

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ya, yes. Bila kita lihat ini *that is why* kita kata kita nampak ada *lack of coordination between PPUiTM, between UiTM sendiri dan juga UiTM Holdings*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Adakah PPUiTM itu subsidiari kepada UiTM Holdings atau dia – apa status PPUiTM?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: PPUiTM ialah di bawah – dia adalah Fakulti Perubatan UiTM *is under the main* UiTM.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, *under the main* – dia bukan subsidiari, dia adalah institusi kerajaan?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Yes.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia *teaching hospital*, bukan?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *Teaching hospital*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: So, sepatutnya ada penempatan daripada Fakulti Perubatan kepada UPSC. Akan tetapi *that is not happening because* Fakulti Perubatan PPUiTM pun kata *they have enough traffic of patients* dekat situ so dia tak boleh nak *post their specialists* kepada UPSC. So, itu pun tak berlaku juga. *Whereas the original objective is that you know*, tenaga pengajar boleh ditempatkan di UPSC dan sebagainya. *So, they are functioning separately now*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: So, tenaga pengajar saya nampak bawah jadual, tenaga pengajar memang ada pergi ke *specialist centre*.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ada tapi tak cukup.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ada, tapi *not*— tidak cukup. Dia pun tidak mencukupi YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi saya ini *back to basic because it is about* kesihatan. Saya rujuk LKAN *page* 300 dan juga yang 16 senarai dalam tindakan oleh Ketua Audit Negara khususnya nombor 13 yang dalam tindakan itu.

Bila saya baca ini seronoklah ya, roman keempat, perenggan pertama itu lagi.

“(iv) Berdasarkan kertas kerja penubuhan UPSC yang dibentangkan dalam mesyuarat FPU ke-146, sistem bantuan robotik dalam pembedahan merupakan yang pertama di Malaysia dan mempunyai kelebihan antaranya mempercepatkan kadar penyembuhan dan risiko pembedahan yang sangat minimum. Perkhidmatan ini melonjakkan reputasi UiTM dalam bidang

pembedahan di Malaysia seterusnya menjadi pusat latihan dan pilihan rawatan pesakit.”

Jadi Tuan Pengerusi, saya sebab Audit Negara akan pantau akan tindakan ini dan kalau boleh jugalah saya nak tekankan di sini, apa pun robotik kah, apa benda kah, yang *the latest know-how state of the art technology* kah, kalau *basic* is segala kulat kah apa ini *is not being taken care of*, yang segala *surgery* ini lagi tak boleh benda-benda pencemaran.

Kalau yang tempat yang dia punya apa ini yang gambar-gambar yang LKAN letak ini bukan, *is your consulting room or what* bukan? So, kalau ada dalam satu bilik dia akan merebak ke tempat lain termasuklah *operating theatre*.

So, saya rasa Audit Negara kena tekankan benda ini. *Basic first* sebelum *you go to what your technology* kah, *robotic* kah *whatever*. *This is basic*. *If you fail this, sorry*, cakap *specialist medical centre* kah apa benda kah *this is you*— tidak apa [Ketawa], tidak layak dipanggilkan itu. Lagi-lagi *teaching hospital* bukan?

■1050

Nak jadi ini pula, pusat latihan dan pilihan pula itu. Rawatan pesakit. So, *this is a no, no, no*. *Basic*. Terima kasih.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Itu bukan soalan YB. Itu...[Ketawa] Ya. So, tapi sebab itu kita *pick it up for the report* Yang Berhormat sebab kalau kita tengok peralatan yang diperolehi agak besarlah. Misalnya untuk *robotic surgery* berjumlah RM12.93 juta. Itu merupakan perolehan yang kita...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *And that is 2015*. Ini tahun berapa dah?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk, yang itu saya pun nak tanya tentang peralatan ini. Katanya penggunaan tidak mencapai sasaran. Adakah ini bermakna bahawa tak cukup pengunjung iaitu *the pieces* tak cukuplah untuk *specialist centre* ini?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *Specialist* yang nak mengelolakan peralatan itu pun tak cukup YB. So, *utilization is not fully* lah. So— *but maybe that one* YB boleh tanya kepada UiTM atau *UiTM Auditee*. Tapi kita nampak dia tak maksimum *utilization* lah *for that amount of money* yang untuk membeli peralatan tersebut pada masa tersebut.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Itu saya nak tahu sama ada mereka tak mahu guna ataupun memang tak ada permintaan untuk guna?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *I think* banyak *factor*. Antaranya ialah sebab kekurangan *specialist* yang hendak

mengendalikan peralatan tersebut. Sebab itu kita kata ada *disconnect* antara Fakulti Perubatan dan juga UPSC. So, *specialist* itu sepatutnya datang daripada fakulti tapi *there is not enough specialist* yang dihantar oleh pihak UiTM sendiri.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Satu lagi sambungan ya. Kalau kita ikut *page 299*, LKAN. Kos penyenggaraan untuk peralatan ini selepas tempoh jaminan mulai tahun 2019 hingga 2022, berjumlah RM2.33 juta. Kos penyenggaraan. So, *what is it now?* Hingga 2022, ini dah lebih 2022 dah. *Next*, berapa hari lagi 2024. Berapa agaknya kos itu? *Because* lagi lama lagi mahal, lagi susah kan?

Seorang Ahli: Lagi banyaklah.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: *I'm not doing any conjecture Yang Berhormat, but I think of course* kita— sebab kita *during* tempoh pengauditan, itulah kos yang tertera. Saya— mungkin lebih tetapi boleh diutarakan kepada *auditee* lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh simpan soalan itu kejap lagi. *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada apa-apa soalan kepada ini— ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Untuk *information* sahajalah. Yang kita *refer* pada bangunan hospital ini, *we are referring to* bangunan hospital mana satu? Dekat Sungai Buloh kah atau dekat Puncak Alam ataupun tempat-tempat lain?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Sungai Buloh, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sungai Buloh ya. Yang dekat Puncak Alam itu ada hospital lagi kah?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Itu Fakulti Perubatan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ya?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Itu Fakulti Perubatan. Itu *the main one, under* UiTM.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Sebabnya kita tengah rujuk ini dekat Sungai Buloh ya?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ini Sungai Buloh punya. Ini yang *private under* UiTM Holdings.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *The whole building* dekat Sungai Buloh itu yang *specialist center* ataupun sebahagian daripada itu adalah...

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Yang disewa kepada UPSC.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ya lah, yang disewa kepada UPSC itu ada sebahagian daripada bangunan di Sungai Buloh, ya?

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Alright.* Terima kasih.

Seorang Ahli: Sebahagian lagi PPUiTM.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]: YB boleh rujuk dalam muka surat 293. Di aras dua dan lima, YB.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ada apa-apa lagi soalan? Tak ada Yang Berhormat? Kalau tak ada, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Ketua Audit Negara, Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya, Tuan Haji Roslan, Timbalan Ketua Audit Negara dan juga Puan Nadhirah sebagai Pengarah Jabatan Audit Negara di atas taklimat untuk pra-prosiding pada pagi ini. Saya ucapkan juga terima kasih kepada semua pegawai yang terlibat dan kita tangguhkan untuk bagi laluan kepada prosiding selepas ini. Terima kasih banyak-banyak.

Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi [Jabatan Audit Negara]:Terima kasih YB. Terima kasih semua.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.55 pagi]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 6 Disember 2023

Bil. 9(a) / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- UiTM Holdings Sdn. Bhd.
(LKAN 2022 - Pengurusan Syarikat Kerajaan
Persekutuan)**

Kementerian Pengajian Tinggi

YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Universiti Teknologi Mara

YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc,
Naib Canselor

UiTM Holdings Sdn. Bhd.

YBrs. Encik Farisan bin Mokhtar,
Pemangku Ketua Pegawai Esekutif Kumpulan

**PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 6 DISEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Peguam Negara

Rahayu binti Ab Talib [Peguam Kanan Persekutuan]

Kementerian Kewangan Malaysia

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Yap Kok Wooi [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Puan Hasda binti Alimin [Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Cik Farhana binti Mohd Tahir [Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan)]

PKPj Zulhairi bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan)]

Kementerian Ekonomi

Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (BPOPA)]

Jabatan Audit Negara

Puan Nadhirah binti Haji Abdul Wahab [Pengarah (Bahagian Audit Syarikat 1)]

YBrs. Dr. Yati bin Md. Lasa [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Syarikat 1)]

Puan Suraya binti Adnan [Ketua Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Syarikat 1)]

Puan Wan Nurfaridah binti Wan Adnan [(Penolong Pengarah (Bahagian Audit Syarikat 1)]

Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [(Penolong Pengarah (Bahagian Audit Syarikat 1)]

SAKSI

Kementerian Pengajian Tinggi

YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)]

Puan Nor Azirah binti Abdul Ghani [Pegawai Unit Pelaburan Universiti Awam (Bahagian Pembangunan)]

Encik Nafizal Haris bin Ismail [Pegawai Bahagian Governan IPTA (Jabatan Pendidikan Tinggi)]

Puan Fatin bin Khazin [Penasihat Undang-undang]

Encik Abid bin Abdul Jalil [Ketua Audit Dalam]

Universiti Teknologi Mara

YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Naib Canselor]

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Bendahari UiTM (Pejabat Bendahari)]

Tuan Haji Muhamad Nizam bin Noordin [Pendaftar]

Prof. Dr. Haidar Dzhiyauddin [Penasihat Undang-undang]

Puan Junita binti Jamaludin [Ketua Timbalan Bendahari]

UiTM Holdings Sdn. Bhd.

YBrs. Encik Farisan bin Mokhtar [Pemangku Ketua Pegawai Esekutif Kumpulan]

YBrs. Dr. Haezar bin Ismail [Ketua Pegawai Eksekutif (UiTM Energy Sdn. Bhd.)]

Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah [Ketua Pegawai Eksekutif (UiTM Private Healthcare Sdn Bhd)]

Encik Shazrin Shah bin Mohd Norshah [Ketua Audit Dalam Kumpulan (Audit Dalam)]

Encik Muhammad Akmal bin Johari [Penolong Pengurus (Pengurusan Risiko)]

Encik Muhammad Safwan bin Salleh [Penolong Pengurus (Pembangunan Korporat, UiTM Private Healthcare)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

RABU, 06 DISEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.00 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat datang dan juga salam sejahtera saya ucapkan kepada Naib Pengerusi PAC Parlimen ke-15 — YB Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15, ahli-ahli *ex-officio* yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir ke dalam Mesyuarat prosiding pada hari ini. Pagi ini, PAC akan memulakan prosiding bagi isu UiTM Holdings Sdn. Bhd. yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2022, Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebentar tadi Datuk Ketua Audit Negara telah pun memberikan penjelasan berhubung dengan 17 isu Audit yang dibangkitkan berhubung dengan UiTM Holdings Sdn. Bhd. dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2022.

Justeru, hari ini yang hadir di hadapan PAC sebagai saksi dalam Mesyuarat prosiding pada hari ini, yang pertamanya Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) yang menjalankan fungsi Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi. Keduanya, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara. Ketiganya, Yang Berusaha Dr. Haezar bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Energy & Facilities Sdn. Bhd. Yang mana satu? *Ah*, okey. Keempat, Yang Berusaha Encik Farisan bin Mokhtar, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UiTM Holdings Sdn. Bhd. Okey.

Terima kasih kepada semua saksi yang hadir pada Mesyuarat prosiding pada pagi ini. Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, untuk pengetahuan semua, UiTM Holdings Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat milikan penuh Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Mandat penubuhannya ialah untuk mencipta kekayaan kepada UiTM selain daripada mencipta peluang pelaburan. Jabatan Audit Negara menilai prestasi dan pengurusan aktiviti utama UiTM Holdings daripada segi pelaburan dalam syarikat subsidiari UiTM Holdings bagi tempoh 2019 sampailah Mac 2023. Untuk makluman, saksi daripada KPT dan juga UiTM turut bersama dalam sebagai Ahli PAC bagi Parlimen Ke-15 ini adalah mantan Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad. Ahli Parlimen Parit Sulong. Kenal kot? Ya, baju merah ini.

Jadi, sebagai mantan Menteri, saya pasti beliau arif mengenai selok-belok KPT dan universiti awam, termasuk UiTM serta syarikat subsidiarinya. Jadi, tanpa membuang masa, saya persilakan Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany dan Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini masuk *Hansard lah. First time.*

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Naib Presiden PAC; Yang Berusaha Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin, Setiausaha PAC; serta Ahli-ahli PAC yang turut hadir bagi Prosiding UiTM Holdings Sdn. Bhd. berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 – Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Terlebih dahulu, izinkan saya memperkenalkan diri saya. Saya rasa, Yang Berhormat telah pun perkenalkan diri saya. Saya, Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) yang menjalankan fungsi Ketua Setiausaha KPT mulai pada 16 Oktober 2023 dan saya juga ingin memperkenalkan di sebelah kanan saya, Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM, Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed, di sebelah kanan ya. *[Menunjukkan isyarat tangan]* Bendahari UiTM, Prof. Dr. Haidar Dzhiyauddin, Penasihat Undang-undang UiTM.

■1110

Juga pasukan daripada UiTM Holdings iaitu Dr. Haezar bin Ismail yang sebelah, Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Energy and Facilities Sdn. Bhd.; Encik Farisan Mokhtar, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Holdings; Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. dan Encik Shazrin Shah bin Mohd. Norshah, Ketua Audit Dalam Kumpulan UiTM Holdings.

Juga daripada pihak KPT, saya perkenalkan Puan Nor Azirah binti Abdul Ghani dari Unit Pelaburan dan; Pentadbiran dan Bayaran, Bahagian Pembangunan KPT, Encik Nafizal Haris bin Ismail dari Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi.

Sedikit maklumat di sini untuk panduan Yang Berhormat semua, objektif utama penubuhan syarikat oleh universiti awam adalah untuk menjana pendapatan kepada pihak universiti bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan iaitu selaras dengan kuasa tambahan yang diperuntukkan dalam Akta Universiti Teknologi MARA 1976 ataupun Akta 173 Perenggan 4A(1)(f)(g) iaitu UiTM boleh menubuhkan syarikat dan membuat tambahan modal pelaburan kepada anak syarikat dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Walau bagaimanapun, seperti Ahli Mesyuarat sedia maklum, perkara ini tidak berlaku dalam kes UiTM. Kementerian Pendidikan Tinggi selaku kementerian pengawal bagi UiTM sememangnya memandang serius isu ini. Walau bagaimanapun, pihak...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Dato', kenapa ia saja tidak berlaku? *You admit* yang tidak mendapat kebenaran daripada MOF. *Why* kenapa benda itu terjadi?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Ini dari segi masalah *interpretation*, Yang Berhormat Datuk Seri. *Interpretation* surat daripada pihak Kementerian Kewangan kepada pihak UiTM.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang bertarikh 2008 tu ke?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Ya, saya. Jadi, itu yang menyebabkan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh kami dapatkan salinan?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Boleh, boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Berikan kepada sekretariat nanti. *Later on*-lah. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Jadi, atas sebab itulah tetapi perkara ini cuba kita dia *rectify* perkara ini tapi disebabkan pada waktu itu, garis panduan yang kita adapun diadakan dalam tahun 2004 di KPT. Kita telah *review* balik garis panduan pelaburan di anak syarikat ya, di *holdings* dan anak syarikat hanya akan kita edarkan tahun hadapan iaitu selepas 20 tahun. Jadi, kita tidak duduk diam, Yang Berhormat Datuk Seri. Kita

memang daripada *guidance* Datuk Seri jugalah dulu kita telah buat perubahan.
[Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Sebab unit pelaburan, yang unit pelaburan ditubuhkan tahun 2021.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lain macam itu.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Sebab saya dapat maklumat MPT ada mesyuarat dan dah diluluskan garis panduan mengenai pelaburan dan pembiayaan oleh *holdings*, 21 November baru-baru ini. Yang itu bila kita nak buat edaran?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Tahun hadapan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Tahun hadapan. Kenapa dia *delay* pula tahun hadapan?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Ada sikit—sebab perbincangan MPT tu ada penambahbaikan yang perlu kita buatlah. Ha, okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya minta untuk semua Ahli PAC *jot down* apa perkara-perkara yang berbangkit yang ingin ditanya sebab saya tengok ada 21 muka surat dan dia agak padat juga.

Jadi, saya bagi laluan pada Dato' untuk teruskan pembentangan dan juga taklimat dan kalau ada perkara-perkara berbangkit, *you just jot down*. Jadi, nanti kita tanya *after* selesai pembentangan dan taklimat. Setuju ya? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Cuma Yang Berhormat Pengerusi, saya nak minta supaya KPT menyerahkan dokumen berkaitan dengan garis panduan mengenai pelaburan itu kepada sekretariat PAC juga.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Boleh. Boleh saya sambung Yang Berhormat?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Silakan.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Boleh ya? Okey. Jadi kita memandang seriuslah di pihak KPT. Walau bagaimanapun, pihak kementerian berpandangan bahawa UiTM Holdings merupakan syarikat milikan penuh UiTM perlu beroperasi sebagai entiti berasingan

supaya UiTM sebagai sebuah universiti tidak dibebankan dalam apa jua bentuk tanggungan jika syarikat mengalami kerugian ataupun kegagalan.

Pada dasarnya, kawalan dan pemantauan pihak kementerian melalui KPT dalam aktiviti syarikat adalah terletak pada wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings yang berperanan untuk menyelia dan memantau kemajuan aktiviti syarikat.

Untuk sesi seterusnya, saya menjemput Yang Berusaha Dr. Haezar bagi membentangkan sesi pembentangan selanjutnya. Dipersilakan.

Dr. Haezar bin Ismail [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa PAC. Izinkan saya untuk membentangkan pembentangan bagi UiTM Holdings berkaitan dengan Mesyuarat Prosiding PAC kita pada hari ini. *Next slide, please.*

Jadi berkaitan dengan senarai penemuan audit, menurut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2022, UiTM Holdings terdapat 17 penemuan audit yang telah dilaporkan dan satu penemuan audit telah selesai dan masih berbaki 16 dalam tindakan. Untuk pembentangan ini, kita telah melaksanakan sistem kluster yang kita klusterkan penemuan-penemuan tersebut mengikut kluster-kluster berikut:

- (i) penilaian prestasi;
- (ii) suntikan modal oleh UiTM;
- (iii) aktiviti pelaburan dalam perniagaan tenaga;
- (iv) aktiviti pelaburan dalam bidang penjagaan kesihatan, dan
- (v) hala tuju strategi.

Jadi, saya teruskan dengan kluster pertama.

Kluster pertama adalah berkaitan dengan penilaian prestasi yang mana ringkasan maklumat penemuan adalah perkara seperti berikut 5.1.1 dan 5.2.1 yang mana ialah berkaitan dengan pencapaian output iaitu KPI, pencapaian KPI yang dilaporkan tidak memuaskan dan juga pencapaian KPI Kumpulan UiTM tidak dilaporkan, dibentang dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.

Perkara 5.2.1 adalah pencapaian keberhasilan pulangan dividen tahunan kepada UiTM yang mana UiTM Holdings telah mencatatkan keuntungan lepas cukai dan baki tunai mencukupi. Namun, tiada dividen dibayar kepada UiTM.

Maklum balas dari pihak kita adalah berkaitan dengan Perkara 5.1.1 bermula 2021, pengurusan UiTM Holdings telah membentangkan pencapaian KPI kewangan kepada setiap suku tahunan kepada Lembaga Pengarah UiTM untuk pemantauan.

Pengurusan UiTM Holdings juga akan terus memantau pencapaian syarikat subsidiari melalui Laporan Kemajuan Bulanan yang dibentangkan kepada

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan juga Laporan Suku Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kepada Ahli Lembaga Pengarah UHSB yang mana Lampiran A berkaitan dengan *extract* laporan-laporan tersebut dikepilkan. KPI *scorecard* juga disediakan bagi menilai pencapaian syarikat bagi tahun 2023 yang akan dibentangkan oleh lembaga pengarah pada suku pertama tahun 2024.

Berkaitan dengan Perkara 5.2.1 berkaitan dengan pencapaian keberhasilan, keputusan pembayaran dividen adalah tertakluk kepada kelulusan lembaga pengarah syarikat berdasarkan keadaan semasa dan kewangan serta kestabilan syarikat berdasarkan kedudukan kewangan pada 2010, 2011 dan 2016.

Lembaga pengarah UHSB telah membuat keputusan bahawa dividen belum boleh dapat dibayar. Untuk makluman Jawatankuasa PAC juga, pelan hala tuju strategik Kumpulan UiTM Holdings yang telah pun didraf telah menyasarkan pulangan dividen kepada UiTM berjumlah RM6.78 juta setiap tahun bermula pada tahun 2026 tertakluk kepada tarikh kelulusan pelan strategik tersebut oleh Lembaga Pengarah UiTM Holdings dan juga Lembaga Pengarah Universiti.

Saya teruskan kepada kluster dua, maklumat penemuan— kluster dua ialah berkaitan dengan suntikan modal oleh UiTM. Ringkasan maklumat penemuan ialah 5.3.1 pengurusan aktiviti pelaburan suntikan modal oleh UiTM iaitu suntikan modal sebanyak RM259.98 juta tidak dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan. Perincian penggunaan perbelanjaan bagi suntikan modal tidak dapat dikemukakan untuk semakan audit memandangkan penyelenggaraan dokumen yang tidak teratur bagi tahun-tahun sebelum 2022.

Maklum balas dari pihak UiTM dan UiTM Holdings adalah penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dalam surat rujukan seperti berikut bertarikh 18 Januari 2008 iaitu Lampiran B yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan surat pemakluman kelulusan penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd dari Jabatan Pendidikan Tinggi kepada Naib Canselor UiTM pada surat rujukan seperti berikut di dalam Lampiran C.

■1120

Penubuhan-penubuhan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Kementerian Pengajian Tinggi bertanggungjawab menyelia aktiviti dan kemajuan UiTM Holdings melalui wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings;
- (ii) UiTM Holdings beroperasi sebagai entiti berasingan supaya UiTM sebagai sebuah universiti tidak dibebankan dengan sebarang tanggungan dalam apa jua bentuk jika sekiranya UiTM Holdings menemui kegagalan;

- (iii) UiTM dan UiTM Holdings haruslah mematuhi Garis Panduan Penubuhan Syarikat IPTA serta garis panduan *Malaysia Code of Corporate Governance*;
- (iv) modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan;
- (v) kakitangan UiTM Holdings dibiayai oleh syarikat tersebut dan terasing daripada kakitangan UiTM; dan
- (vi) peraturan penglibatan kakitangan UiTM dalam melaksanakan tugas UiTM Holdings hendaklah diadakan bagi memastikan penglibatan mereka tidak mengganggu tugas asal di UiTM.

UiTM berpandangan tidak ada keperluan untuk mendapatkan kelulusan MOF bagi suntikan modal kerana dibiayai dari sumber dalaman selaras dengan ketetapan surat MOF kepada KPT bertarikh 18 Januari 2008 iaitu surat Lampiran B dan lampiran dikepilkan untuk makluman PAC.

Kluster 2, sambungan. Berdasarkan surat tersebut, MOF telah meluluskan penubuhan UiTM Holdings dan tertakluk kepada syarat antaranya modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan. Oleh itu, UiTM mengambil pendekatan tidak merujuk kepada MOF bagi suntikan modal seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaburan untuk IPTA (April 2004).

Kenyataan di atas adalah selaras dengan pandangan Penasihat Undang-undang UiTM dalam surat rujukan Lampiran D yang bertajuk *Pandangan Perundangan Mengenai Pemberian Suntikan Modal/RCPS-i Kepada Anak Syarikat*. Isi kandungan surat adalah seperti berikut. Pejabat Penasihat Undang-undang telah dipanjangkan berkenaan pertanyaan tentang isu suntikan modal secara *Islamic Redeemable Preference Shares* (RCPS-i) kepada anak syarikat UiTM serta keperluan untuk kelulusan Kementerian Kewangan.

Setelah diteliti pejabat ini berpandangan seperti berikut. Eksesais korporat RCPS-i difahamkan adalah melibatkan pengubahan dari pinjaman yang diberikan oleh UiTM kepada UiTM Holdings kepada saham di dalam UHSB seperti yang disebut kepada RCPS-i tersebut. Keseluruhan eksesais korporat RCPS-i tersebut hanya menggunakan dana dan perbelanjaan dari sumber dalaman UiTM sahaja.

Kelulusan Kementerian Kewangan berkaitan UHSB pada asalnya adalah seperti pada surat MOF yang bertarikh 18 Januari 2008 iaitu Lampiran B yang mana ketika ini kelulusan diberikan untuk penubuhan UHSB ini, pihak MOF telah *inter alia* menetapkan supaya modal pembiayaan dan pembiayaan aktiviti UHSB tidak dibiayai dari sumber kerajaan. Selaras dengan kelulusan oleh MOF tersebut, segala aktiviti

dan eksekusi korporat bagi UHSB adalah tidak terhalang untuk diadakan selagi mana sumber Kerajaan tidak digunakan.

Oleh yang demikian, pejabat ini yakni Pejabat Penasihat Undang-undang UiTM berpandangan bahawa tidak ada keperluan untuk kelulusan MOF yang berasingan terhadap langkah eksekusi korporat RCPS-i ini selagi mana ia menggunakan sumber dalaman UiTM dan ini juga adalah selaras dengan maksud dan semangat skop kelulusan MOF seperti yang ternyata dalam lampiran tersebut. Hanya sekiranya ada dana dan perbelanjaan UHSB ini menggunakan sumber dana dari kerajaan, barulah ada keperluan untuk mendapatkan kelulusan MOF yang berasingan, Lampiran D seperti mana tertera di dalam pembentangan.

Jadi, saya teruskan kepada Kluster 3. Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga. Ringkasan maklumat penemuan adalah seperti berikut. Perkara 5.3.2.1.a. – Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Tenaga - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar: Pertukaran Syarat Nyata Tanah yang mana isunya ialah pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri masih belum diperolehi serta denda dan cukai tanah dikenakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan berjumlah RM14.69 juta untuk UiTM Solar Park 1.

Maklum balas adalah seperti berikut. Permohonan awal dalam proses penukaran status tanah daripada institusi kepada industri telah dibuat oleh pihak UiTM. Setelah melalui beberapa proses rundingan, solusi terbaik ialah untuk mengekalkan tanah ini sebagai status institusi untuk kebaikan UiTM dan mengekalkan status UiTM Solar Park 1 sebagai pemacu penyelidikan dan pembangunan tenaga boleh diperbaharui. Dengan melaksanakan perkara ini, pihak UiTM Holdings akan dikecualikan daripada pembayaran penalti penukaran status tanah tersebut.

Perkara 5.3.2.1.B – Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar – Hakisan Tanah di dalam Kawasan Projek UiTM Solar Park I, Gambang, Pahang. Isunya ialah hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik berskala besar. Jadi, maklum balas adalah seperti berikut. Perkara 1, pemulihan tanah kecil dan pembaikan longkang. Kontraktor telah dilantik bagi melaksanakan sebahagian kerja-kerja membaiki pulih hakisan ini sebelum penamatan kontrak pada Oktober 2023.

Perkara 2, tindakan seterusnya, pihak UEFSB akan melantik kontraktor baru yang dijangkakan pada awal tahun hadapan memandangkan musim tengkujuh telah pun bermula pada November 2023 mengakibatkan kerja-kerja baik pulih tidak dapat dilaksanakan pada hujung tahun ini.

Perkara 3, cadangan pemulihan hakisan di tebing sungai dan perlindungan tebing sungai daripada kemerosotan di Blok 5 USP1. Kerja-kerja pemulihan hakisan

tanah di tebing sungai blok 5 ditangguhkan atas kekangan bajet tahunan. Kerja-kerja pemulihan ini dijangkakan akan bermula pada awal tahun hadapan, 2024 setelah selesai musim tengkujuh berlalu melalui Bajet 2024.

Perkara 5.3.2.1.C – Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar. Hakisan Tanah di Kawasan Projek UiTM Solar Park II, Pasir Gudang, Johor. Hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik berskala besar. Maklum balas ialah pihak kontraktor telah melaksanakan 95 peratus kerja-kerja pemulihan dan penambahbaikan terhadap hakisan tanah di UiTM Solar Park II dan dijangka selesai bulan Julai 2023.

Solusi jangka masa pendek adalah untuk menyediakan *earth drainage* telah pun dijalankan. Solusi jangka masa panjang iaitu *permanent drainage system* memerlukan suntikan modal kewangan yang tinggi dan tidak dapat dijalankan pada masa ini. Di bawah ditunjukkan gambar—gambaran berkaitan dengan projek-projek yang telah diselesaikan berkaitan dengan hakisan di UiTM Solar Park II, Pasir Gudang.

Seterusnya, Kluster 3. Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga. Perkara 5.3.2.1.D – Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar – Pemasangan Kabel. Perkara yang ditemui ialah pemasangan konduit kabel yang tidak sesuai di UiTM Solar Park II. Kedua, kerosakan kabel akibat tikus perosak (UiTM Solar Park II).

Maklum balas terkini dan tindakan adalah pertama, kerja-kerja berkenaan pembasmian haiwan perosak akan bermula pada minggu kedua pada 20 November 2023 memandangkan kerja-kerja ini telah pun ditugaskan dan telah dibantu oleh *Team Operations and Maintenance*. Perkara kedua, UiTM Holdings dalam proses pembelian kabel *anti-rodent*. Kabel ini akan ditukar secara berkala mengikut jumlah kerosakan kabel.

Perkara ketiga, antara skop kerja *Team TNT* adalah pencucian panel dan juga penaburan racun tikus bagi membasmi kehadiran haiwan perosak. Kerja-kerja ini adalah dalam penjadualan bagi setahun seperti yang tertera di dalam kontrak mereka. Kita – memandangkan ada *action plan* bagi perkara ini, maka pihak UHSB memohon agar isu dan syor audit ini ditutup dan ditukarkan ke status selesai.

Perkara 5.3.2.1.E – Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar. Kerosakan kabel *overcurrent trigger at ring* 1A pada 8 Ogos 2022 mengakibatkan kabel dalam kawasan pembinaan Projek ECRL di UiTM Solar Park I. Kerja-kerja pembaikan, *rectification* kabel di bawah tanah telah dijalankan dan disiapkan sepenuhnya pada 12 Oktober yang lalu. Laporan Pengujian *Test Report* dan *Photo Report* telah dikeluarkan pada 19 Oktober 2023. Perkara ini juga telah dibentangkan

dalam mesyuarat pengurusan UHSB pada 16 Oktober yang lalu. Memandangkan perkara ini pun telah selesai, pihak UHSB memohon agar isu dan syor audit ini ditutup dan ditukar status kepada selesai. Seterusnya ada gambarlah untuk menunjukkan penyelesaian bagi isu-isu tersebut.

Kluster 3 – Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Tenaga. Perkara 5.3.2.2.A. – Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Bumbung – Aduan Kecacatan Pembinaan Projek. Ringkasan maklumat penemuan adalah berkaitan dengan 41 peratus aduan kecacatan pembinaan solar berbumbung masih belum diselesaikan.

Maklum balas terkini adalah Kelulusan pembayaran tertunggak antara UiTM Energy dan Facilities Sdn. Bhd. dan EPCC, kontraktor iaitu Atlantic Blue Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah UiTM Energy & Facilities Sdn. Bhd. Kerja-kerja ratifikasi akan dilakukan. Kecacatan pembinaan solar masih berbaki 21 peratus iaitu 21 aduan kecacatan daripada jumlah keseluruhan aduan kecacatan pembinaan solar bumbung dalam proses ratifikasi. Surat tawaran kepada kontraktor bagi pemasangan FCLR yang merupakan salah satu perkara kecacatan telah dikeluarkan pada 29 Ogos 2023 dan kerja bermula dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2024.

■1130

Perkara 5.3.2.2.b – Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Bumbung - Perlindungan dan Keselamatan Peralatan Projek Solar Bumbung. Perkara yang ditemui ialah sebahagian ruangan tempat kereta bagi Zon 1 di UiTM Kuala Pilah telah mengalami kerosakan akibat dilanggar oleh lori yang menurunkan muatan. Perkara dua ialah pemasangan *inverter* di kawasan ruang tempat letak kenderaan tidak teratur kerana kabel yang bersambung kepada *inverter* terdedah tanpa sebarang perlindungan. Perkara tiga, *protection relay* tidak dikalibrasi dan telah tamat tempoh pada bulan November tahun 2022.

Maklum balas terkini adalah kerja pembaikan bumbung yang rosak di UiTM Kampus Kuala Pilah telah selesai dijalankan pada 2 Oktober 2023 dan menunggu bayaran daripada pihak insurans untuk kerja pembaikan tersebut. Perkara kedua, mengikut standard industri ketika ini, rujukan daripada MPiA dan juga rujukan ECIC, tidak ada sebarang keperluan untuk pemasangan alat pelindung *inverter* dan juga kamera litar tertutup untuk sistem solar berbumbung yang terdedah kepada akses awam. Perkara tiga, *protection relay* seperti mana yang tidak dikalibrasi telah diselesaikan dikalibrasi untuk tujuh kampus.

Perkara empat, aktiviti pelaburan dalam bidang penjagaan kesihatan. Maklumat penemuan adalah seperti berikut, 5.3.3.3.b – Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Keperluan Doktor Pakar. Perkhidmatan

doktor pakar tidak mencapai sasaran. Maklum balas terkini adalah kebergantungan UiTM Private Healthcare Sdn Bhd (UPHSB) terhadap penyediaan perkhidmatan doktor pakar dari Fakulti Perubatan UiTM adalah amat tinggi. Namun, kekangan yang dihadapi oleh pihak UPHSB berikutan jumlah masa perkhidmatan yang dibenarkan bagi setiap anggota Fakulti Perubatan adalah terbatas, di mana ia adalah tertakluk kepada polisi fakulti tersebut.

Setelah diteliti oleh ketiga-tiga pihak iaitu UiTM, fakulti dan juga UiTM Private Healthcare Sdn Bhd, semua pihak telah bersetuju perkara ini perlu diperhalusi dengan memperkemas koordinasi di antara ketiga-tiga pihak. Sehubungan dengan itu, UiTM menekankan keperluan UiTM Holdings untuk melantik Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital UiTM dalam komposisi Lembaga Pengarah UPHSB bagi meningkatkan komunikasi dengan UiTM untuk dijadikan platform yang lebih utuh bagi koordinasi yang berkesan. UiTM Holdings juga dalam proses melaksanakan pelantikan barisan Lembaga Pengarah UPHSB yang baharu, di mana terdapat penambahan jawatan Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital UiTM di dalam komposisi Lembaga Pengarah UPHSB.

Perkara 5.3.3.3.c – Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan. Penggunaan alat perubatan utama yang tidak mencapai sasaran. Tiga alat perubatan yang telah disenaraikan iaitu *ophthalmology equipment for cataract surgery*, *2D mammography system* dan juga *robotic surgery*. Maklum balas adalah seperti berikut. Perkara pertama, penggunaan peralatan perubatan tidak mencapai sasaran berikutan pegawai pakar bertanggungjawab terhadap peralatan tersebut telah meletakkan jawatan pada tahun 2020. Pegawai gantian hanya dapat dilantik pada Oktober 2023. Dijangkakan kadar penggunaan peralatan tersebut akan meningkat dan seterusnya mencapai sasaran ditetapkan setelah pegawai-pegawai yang sepatutnya dilantik. Perkara tiga, bagi mengelakkan situasi yang sama berulang, pihak UPHSB telah menetapkan syarat kontrak perkhidmatan, di mana doktor pakar yang memohon untuk pembelian sebarang peralatan yang spesifik perlu berkhidmat hingga selesai tempoh sasaran pulangan pelaburan bagi peralatan perubatan tersebut.

Kluster 4, perkara 5.3.3.3.d – Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan – Sewaan dan Bangunan Hospital. Perkara yang ditemui adalah sewaan dan penyelenggaraan bangunan hospital tidak cekap. Maklum balas terkini ialah seperti berikut. Berkaitan dengan perjanjian sewaan baru di bangunan PPUiTM, proses rundingan masih dijalankan memandangkan pihak UPHSB telah sedang memohon pengurangan kadar sewaan yang telah dicadangkan oleh pihak UiTM. UPHSB masih menunggu perjanjian baharu yang untuk dimuktamadkan

dengan pihak UiTM. Isu masalah siling dan dinding yang berkulat, kerja-kerja pembaikan termasuk penukaran penapis HEPA dan pembersihan pada *ducting* dan AHU akan dilaksanakan oleh bakal kontraktor yang dilantik oleh UiTM Sungai Buloh. Dijangka pihak kontraktor yang bakal dilantik akan memulakan kerja tapak pada bulan Disember 2023. Kerja-kerja pembaikan ini dijangka akan mengambil masa empat bulan dari tarikh mula kemasukan kontraktor di tapak.

Perkara 5.3.3.3.e – Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perjagaan Kesihatan – Pelaksanaan Hala Tuju UPSC. Pelan hala tuju *UiTM Private Specialist Centre* masih belum mencapai sasaran. Maklum balas adalah seperti berikut. Pengembangan syarikat untuk operasi seterusnya menjana pendapatan yang disasarkan perlu seiring dengan pelan asal yang diluluskan oleh LPU UiTM pada tahun 2018. Penangguhan permulaan pelaksanaan *UiTM Private Healthcare 10 years Strategic Plan Blueprint 2018* yang sepatutnya dilaksanakan pada 2019 adalah disebabkan oleh kelewatan di dalam pembinaan bangunan Hospital Al-Sultan Abdullah, Puncak Alam. Pada 2020 dan 2021, kerja-kerja akhir pembinaan Hospital Al-Sultan Abdullah masih tertangguh disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pada 2022, pihak UPHSB melalui UHSB telah membentangkan semula pelan pembangunannya melalui *Way Forward Plan 2022* dengan mengambil kira perubahan dalam *schedule of accommodation*, kos pelaksanaan dan lain-lain aspek komersial.

Kluster 5 adalah hala tuju strategik pelaburan. Ringkasan maklumat penemuan adalah seperti berikut. Perkara 5.3.4 – Hala Tuju Strategik Pelaburan. Penyediaan pelan hala tuju adalah teratur. Namun, masih dalam proses kelulusan lembaga pengarah universiti. Maklum balas adalah seperti berikut. Pelan hala tuju UiTM Holdings akan dibawa ke mesyuarat LPU yang akan datang untuk perbincangan dan kelulusan. Merujuk kepada keputusan LPU supaya UiTM Holdings menutup empat syarikat subsidiarinya, pengurusan akan bekerjasama dengan perundingan cukai berkenaan penjimatan cukai melalui strategi menggunakan kerugian untuk mendapatkan faedah cukai kepada Kumpulan UiTM Holdings tanpa kos. Seterusnya, perkara ini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah UiTM Holdings. Kemudian, Majlis Eksekutif Universiti dan LPU untuk kelulusan yang mana penutupan syarikat-syarikat dormant adalah seperti berikut:

- (i) AKARI Software Asia Pacific Sdn Bhd;
- (ii) UiTM Hospitality Management Services Sdn Bhd;
- (iii) Advertising Lab Sdn Bhd; dan
- (iv) Section One Sdn Bhd.

Proses penutupan tersebut dijangka dimuktamadkan pada suku kedua tahun 2024.

Kluster 5 – Hala Tuju Strategik Pelaburan. Perkara 5.4 – Tadbir Urus Korporat. Tujuh daripada sembilan elemen tidak diamalkan sepenuhnya iaitu pelantikan pengerusi, lembaga pengarah, setiausaha syarikat, penunjuk prestasi utama, Jawatankuasa Audit dan Risiko, Audit Dalam dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan. Untuk maklumat terkini, penambahbaikan terma dan rujukan. Untuk makluman Jabatan Audit Negara dan juga PAC, pihak Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah mula bersidang dalam Mesyuarat Khas Lembaga UiTM Holdings pada 19 Julai 2023 dan telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan dan Pencalonan dan Jawatankuasa Pelaburan berkuat kuasa serta-merta.

Dengan kewujudan Jawatankuasa Audit di atas, pembentangan draf Piagam Lembaga Pengarah akan dapat dibincangkan segera dalam tempoh terdekat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM Holdings yang akan datang. Untuk makluman juga, jawatankuasa-jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat seperti di bawah. Mesyuarat Ke-52 Jawatankuasa Audit dan Risiko perkara 1/2023 pada 9 September 2023, Mesyuarat ke-19 Jawatankuasa Pelaburan perkara 1/2023 pada 12 September 2023, Mesyuarat ke-28 Jawatankuasa Penamaan dan Pencalonan perkara 1/2023 pada 23 Ogos tahun 2023.

Juga, berkaitan dengan pelantikan setiausaha syarikat, untuk makluman Jabatan Audit Negara dan juga Ahli Mesyuarat, pihak Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah mula bersidang dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah UiTM Holdings pada 19 Julai 2023. Antara agenda khas yang dibentangkan dan diluluskan adalah pelantikan setiausaha syarikat bersama baru di bawah UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya. Pelantikan penolong pengurus sekretariat di bawah UiTM Holdings merangkap setiausaha syarikat bersama adalah sebagai suatu langkah pengurangan kos jangka masa panjang yang dijalankan oleh UiTM Holdings, di samping memastikan segala urusan dokumentasi dan sekretariat adalah lebih pantas dan selamat. Pelantikan setiausaha bersama syarikat di dalam UiTM Holdings Sdn Bhd dan anak-anak syarikatnya berkuat kuasa pada 19 Julai 2023 telah disempurnakan dan telah didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih di atas pembentangan tadi. Okey, ada apa-apa lagi pembentangan yang nak disampaikan, Yang Berbahagia Dato'?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Pembentangan habis. Itu saja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kalau macam itu, saya ucapkan terima kasih. Jadi, saya bukakan kepada Ahli-ahli PAC yang saya tengok masing-masing telah pun mengambil perhatian dan juga mengambil maklum tentang pembentangan yang dibuat. Saya bukakan untuk soalan. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Mungkin saya bermula dengan satu soalan yang *simple* saja berkenaan peralatan di *specialist centre* kerana nampaknya alasan berkenaan penggunaan yang kurang di hospital tersebut, peralatan yang diperolehi itu kerana doktor pakar itu letak jawatan.

■1140

Jadi tiada orang yang boleh *operate* semua peralatan tersebut. Jadi boleh saya tahu, kenapa selama hampir tiga tahun selepas doktor itu letak jawatan, kekosongan itu tidak diisi? Adakah itu sebab memang tidak ramai calon dalam pasaran domestik untuk mengisi kekosongan itu ataupun tidak mengiklankan kekosongan tersebut?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Saya minta Datuk VC untuk jawab itu.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih Dato' TKSU. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Wong.

Ringkasnya amalan yang kita buat di hospital universiti sememangnya kita mencari *talent* yang terbaik. Untuk makluman juga untuk bidang-bidang pengkhususan, *specialist area it is very-very competitive. So, dan of course*, bila kita mendapat pakar tertentu mereka memerlukan peralatan khusus seperti mana yang dalam penemuan ini dan berbetulan pada waktu itu beliau mendapat tawaran lain dan meninggalkan perkhidmatan.

This is actually an ongoing process YB, memang masih berlaku dan *we are trying to do this as best as we can*. Apa yang berlaku tempoh hari itu juga kalau di perhati tempohnya adalah dalam keadaan berlakunya juga COVID-19. Saya tidak menggunakan itu sebagai alasan tetapi apa yang kami buat di peringkat pengurusan universiti adalah untuk bergerak ke hadapan, *to move forward*.

Itu antara syornya sekiranya mana-mana pakar memohon peralatan yang sangat khusus dengan kepakaran dia maka kita memohon paling tidak tempoh kontrak yang dia dilantik itu kita akan mendapat pulangan balik dari segi pelaburan yang kita lakukan bagi tujuan perkhidmatan tersebut.

Itu tindakan yang kita lakukan sekarang bagi memastikan kita boleh juga menarik pakar untuk berkhidmat dengan universiti kerana juga menyediakan perkhidmatan peralatan yang mereka perlukan sebab kita memastikan *the next step* itu adalah untuk memastikan pulangan dapat dikembalikan. Itu jawapan kami daripada universiti, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Wangsa Maju, selepas itu Kapar. Saya nampak Kapar nak bertanya juga. Okey, Wangsa Maju.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ini soalan yang pertama. Rujuk kepada slaid nombor tiga. Apabila pencapaian KPI kewangan dibentangkan oleh UiTM Holdings, adakah pembentangan itu termasuk pencapaian kewangan bagi setiap subsidiari dalam UiTM Holdings itu sendiri? Dalam pembentangan KPI itu.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Minta CEO, pemangku CEO untuk jawab.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Benar, pembentangan kedudukan kewangan syarikat dan anak syarikat dibentangkan kepada lembaga pengarah setiap kali mesyuarat lembaga pengarah dijalankan. Sekurang-kurangnya sekali dalam setiap suku tahun.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Termasuk semua subsidiari?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Termasuk semua subsidiari.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Maksudnya UiTM pun tahu perkembangan setiap subsidiari dalam UiTM Holdings?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, soalan berikutnya rujuk kepada slaid nombor empat.

Kalau kita lihat dari segi *graph representation* itu maksudnya dalam bajet pun bagi keempat-empat sektor ini, dalam bajet pun keuntungan sama ada sedikit sangat. Dalam bajet pun ya. Dalam bajet pun sama ada keuntungan sedikit sangat ataupun memang dalam bajet itu *profit before tax* itu pun memang dah rugi *from the very beginning*? Dari segi dalam bajet pun.

Boleh beri penjelasan sikit tak. Maksudnya kalau misalnya dalam bajet pun menunjukkan kita pasti akan rugi, jadi apakah tindakan-tindakan ataupun *reaction* ataupun tindak balas yang telah diterima selepas pembentangan ini. Terima kasih.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Okey. Untuk pembentangan yang dibentangkan oleh Ketua Pengarah Eksekutif kepada lembaga pengarah

memang disebutkan *year-to-date revenue and it does to PBT*. Di sini lebih kepada *year-to-date*. Kedudukan *year-to-date*, YB bukan bajet.

So, memang kedudukan daripada segi kewangan memang ada mencatatkan kerugian di setiap anak syarikat dan juga secara kumpulan. Itu memang betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Daripada *table* ini, *bar chart* ini maknanya bila kata yang warna *grey* itu sebagai contoh, *year-to-date 2022*, B. Itu bajet bukan?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya itu bajet maknanya itu adalah satu jangkaan?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ya, maknanya dalam jangkaan itu...

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: ...Memang menunjukkan jangkaan memang kita akan rugi.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ya.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Tepat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Soalan yang ketiga slaid nombor lapan ataupun tujuh, lapan itu. Daripada pandangan UiTM apabila UiTM memutuskan untuk *inject* kepada UiTM Holdings dalam dana dalaman, sumber RM259.98 juta itu UiTM ambil daripada dana mana dalam UiTM yang disalurkan kepada UiTM Holdings?

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Okey YB saya mohon Bendahari untuk membantu jawapan ini. *Injection* ini berlaku dalam berperingkat tetapi pendetilannya memang sumber dalaman dan perinciannya saya mohon bantuan daripada Bendahari UiTM untuk...

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: *Assalamualaikum*. Saya Wan Hasmadi, Bendahari UiTM. Okey, untuk sumber dalaman yang kita keluarkan bagi tujuan modal ataupun suntikan modal kepada pihak anak syarikat, ia adalah daripada sumber simpanan ataupun hasil daripada yang lama-lama, daripada seminar ataupun daripada duit hibah yang diperoleh daripada yang di kumpul sebelum ini.

Itulah duit yang kita dah terkumpul daripada hasil-hasil yang dijana oleh pihak UiTM melalui seminar ataupun program-program kita buat dan duit itu apabila dalam satu tempoh yang lama itu, itulah yang kita bagikan sebagai salah satu suntikan modal kepada anak syarikat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi dalam sistem perakaunan UiTM, sumber itu diklasifikasikan dalam sektor apa?

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: Kita letakkan di bawah Tabung Amanah kami.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya suntikan itu daripada Tabung Amanah UiTM?

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Tabung Amanah itu diperoleh daripada aktiviti-aktiviti UiTM yang dapat menjana pendapatan untuk UiTM.

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi Mara]: Yes, yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Saya boleh tambah sikit jawapan itu. Mengikut Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara, memang setiap universiti telah diminta untuk membuat penjana bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan secara langsung.

So, KPI tersebut memang jelas telah digariskan dan aktiviti-aktiviti penjana pelbagai bentuk memang telah berlaku dalam UiTM jadi di situ pengumpulan itu berlaku dalam bentuk-bentuk Tabung Amanah dalaman. Itu mungkin penjelasan lanjut, daripada pelbagai aktiviti YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau saya boleh tanya. Kita tahu bahawa UiTM Holdings Sdn Bhd ini bertujuan untuk menjana pendapatan untuk UiTM untuk *financial independent* tetapi pelaburan selepas ini telah menyebabkan sebenarnya kerugian pula ya. Jadi saya nak tanya tiga pihak. KPT, UiTM dan UiTM Holdings. Adakah ketiga-tiga pihak ini masing-masing berpuas hati dengan pelaburan ini? Okey, ini soalan pertama.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Saya minta Datuk VC untuk jawab dulu.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya pun nak minta pandangan daripada KPT.

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: KPT dulu, boleh YB. Sememangnya kita sebelum daripada 2022 kita tidak ada wakil kita di dalam *Board Holdings UiTM*. Hanya selepas tahun 2022 sahaja baru kita ada wakil di dalam *Board Holdings UiTM*.

Jadi sememangnya tindakan pembetulan telah dibuat sebelum itu sebab berdasarkan daripada *interpretation* yang saya dah sebut tadi itu yang kita nampak ada berlaku ketidakselarasan dari segi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Kita telah merujuk juga kepada pihak Kementerian Kewangan dalam hal ini dengan surat yang kita telah utuskan kepada mereka bertarikh 20 April 2022.

Jadi di situ pihak Kementerian Kewangan telah memaklumkan kepada kami tentang ketidakselarasan dari segi bentuk arahan yang telah diambil oleh pihak UiTM. Tindakan pembetulan di pihak kementerian telah dibuat dengan kita mewujudkan seperti Jawatankuasa Pelaburan dan Pinjaman Peringkat KPT yang ditubuhkan pada 1 Oktober 2022.

■1150

Di situ, segala bentuk permohonan daripada pihak universiti, *holdings* masing-masing perlu mendapatkan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan seterusnya dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan. Jadi itu tindakan yang telah kita ambil yang mana memang— untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat tadi, memang kita tidak puas hati. *That's why* kita buat *this kind of intervention*. Untuk yang selanjutnya, Datuk VC.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih Dato' TKSU. YB, di pihak universiti sememangnya kita tidak berpuas hati kerana memang tujuan penubuhan *holdings* seperti mana yang disebut oleh Yang Berbahagia Dato' Megat tadi adalah bagi tujuan penjanaan pendapatan, membantu mengurangkan kebergantungan pihak universiti pada pihak kerajaan.

Pengurusan semasa, kita bergerak maju, *step forward*. Beberapa elemen urus tadbir terbaik (*good governance*) telah dan sedang kita lakukan di kedua-dua peringkat, di peringkat *holdings* dan di peringkat universiti sendiri. Contohnya yang juga telah dilaporkan di peringkat *holdings* tadi, Jawatankuasa Tetap Pelaburan juga akan dikuatkuasakan di peringkat universiti sendiri. Bermakna, sebarang bentuk pelaburan mesti melalui jawatankuasa tersebut untuk melalui analisa risikonya dan juga modal perniagaan yang meyakinkan. Barulah maknanya pihak universiti akan membuat keputusan *in favor or* apa sahaja projek baharu yang dibangunkan.

Saya ambil contoh antara tindakan yang sedang kami ambil. Sebelum ini anak-anak syarikat ataupun *spin-off company* yang dibina ataupun yang dikeluarkan daripada usaha-usaha penyelidikan, amalan sebelum ini tidak melalui proses saringan tersebut. Hanya berlaku di peringkat Senat tetapi keputusan Senat kita yang terbaharu bahawa kita memastikan walaupun dari segi *viability academic* dan juga produknya sangat bagus. Kita masih lakukan dalam proses pelaburan yang mana

ada pakarnya di dalamnya bagi tujuan kelulusan di peringkat lembaga sebelum kita *proceed* untuk kaedah itu. Kita juga membuat keputusan bagi meminimumkan risiko kepada universiti itu sendiri sebarang bentuk *engagement* kepada pihak luar akan dibuat melalui UiTM Holdings kerana ada juga usaha-usaha yang dilakukan tidak melalui UiTM Holdings.

Jadi, apa yang ingin saya tegaskan di sini, kita juga mengenal pasti beberapa elemen utama bagi tujuan semak dan imbang juga telah kita lakukan di peringkat pengurusan universiti. Sebagai contohnya, Jawatankuasa Risiko di peringkat pentadbiran akan melapor terus kepada Jawatankuasa Risiko di peringkat lembaga. Unit Integriti di peringkat pengurusan juga akan bertanggungjawab langsung kepada pihak lembaga bagi tujuan semak dan imbang.

Untuk makluman YB Datuk Wira, UiTM kita memang unik, dari segi aktanya berbeza sedikit dengan universiti awam yang lain. Maka, pihak pengurusan yang baharu akan menggunakan kaedah peruntukan sedia ada dalam akta kami. Contohnya di bawah akta kami, kita hanya boleh mengadakan kaedah tidak statut seperti mana yang ada di universiti-universiti lain. Pihak pengurusan telah membuat komitmen untuk menyediakan kaedah-kaedah kawal untuk *limits of authority*, penurunan kuasa, *responsibility and accountability* untuk pegawai-pegawai tertentu supaya proses semak dan imbang itu berlaku di setiap peringkat pengurusan.

Bagi memastikan apa sahaja tindakan yang kita buat, universiti adalah *cost conscious* dan prioriti kita adalah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada *stakeholder* kami iaitu pelajar dan juga komuniti yang berada di sekitar UiTM. Jadi itu mungkin jawapan sedikit daripada saya YB. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sekejap, saya nak— susulan daripada...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pihak UiTM Holdings, lagi?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Yang Berhormat, untuk pihak UiTM Holdings, kami *stand-guided* dengan UiTM dan juga KPT. Memang keadaan kedudukan kewangan dan pulangan kepada UiTM belum mencapai mandat penubuhannya lagi. Pihak pengurusan UiTM Holdings telah menyediakan *strategic roadmap* yang juga telah dikongsi dengan Jabatan Audit Negara. Kami agak optimistik dalam perancangan dan pelaksanaan *strategic roadmap* berikut. Kalau Yang Berhormat boleh semak di slaid akhir, kalau saya boleh rujuk ke slaid 20, memang kami akan bentangkan *strategic roadmap* ini ke Mesyuarat LPU dan *insya-Allah* akan dilaksanakan secepat yang mungkin.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya. Soalan sama juga untuk *point* yang telah dibangkit oleh Bayan Baru. Untuk

kes yang seumpama ini, saya nak kepada tanya Dato' TKSU lah, pernah kah berhadapan dengan mana-mana universiti yang lain, maksudnya yang berhadapan dengan isu sebegini. Maksudnya membuat pelaburan tanpa mendapat *consent*, kebenaran daripada pihak MOF? Satu.

Yang keduanya, tadi ada dinyatakan bahawa PUU UiTM ada membuat—menyatakan respons terhadap perkara yang dibangkitkan itu sebenarnya adalah sebagaimana *circular* yang bertarikh pada tahun 2008. Ia maksudnya pada hemat PUU UiTM itu adalah tidak menyalahilah. Maksudnya, *according to*—sebab itu di landasan yang betul. Ada tak merujuk kepada pihak PUU KPT berkenaan dengan perkara ini? Ada tak dirujuk kepada PUU KPT berkenaan perkara ini?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pendidikan Tinggi]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, untuk menjawab soalan pertama tadi itu, kita telah—selepas daripada insiden ini, kita telah memintalah untuk dapatkan kepastian daripada *holdings* yang lain. Tapi setakat ini kita belum lagi dapat apa-apa butiran. Mungkin nanti kita boleh laporkan balik semulalah. Yang untuk soalan dua...

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib [Universiti Teknologi Mara]: Yang Berhormat Datuk Wira, untuk di peringkat pengurusan universiti, sebagai sebuah badan berkanun, *we stand-guided by our experts*. Untuk makluman Datuk Wira juga, proses semakan itu berlaku berkali-kali. Sebenarnya dua daripada PUU kami yang dilantik memberi ulasan terhadap isu tersebut dan ulasan itu konsisten kerana surat 2008 itu agak jelas dari segi pentakrifannya. Maknanya, *no quiet room for interpretation. It is very clear*.

Cumanya, yang mungkin tidak berapa jelas adalah tadilah soalan yang ditanya YB tadi berkaitan dengan sumber dalaman itu mana puncanya. Okey. Maknanya, *to make it sure, it is not the government fund* dan pihak kami memang sangat meneliti perkara tersebut. Sebagai pihak pengurusan UiTM yang baharu, saya juga ingin kaedah *accounting* yang kami amalkan juga jelas memisahkan antara sumber itu dari segi penggunaannya. *So that we are clear when we are reporting back to the ministry and what we have to fully report back to our own board*, daripada segi tata cara kelola.

Walau bagaimanapun, saya jemput juga Prof. Haidar selaku PUU kerana beliau berada *on the ground* waktu itu, sama ada proses yang berlaku dalam pentakrifan itu dari segi **[Tidak jelas]**. Saya jemput Prof.

Prof. Dr. Haidar Dzhiyauddin [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih YB. Untuk perkara yang melibatkan ketidakpatuhan kerana tidak mendapat kebenaran daripada Menteri Kewangan melalui MOF, seperti yang telah sedia

maklum, kita berdasarkan kepada surat yang kita terima daripada MOF mengenai penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd. dan kita melihat frasa yang ada di dalam surat tersebut yang secara jelas menyatakan bahawa sekiranya tidak mendapat dana daripada ataupun penggunaannya itu bukan daripada dana sumber kerajaan.

Pada ketika itu, kita melihat akta-akta yang terpakai kepada UiTM yang berdasarkan kepada kuasa-kuasa untuk pinjam dan juga meminjam. Kita mendapati akta yang jelas terpakai kepada UiTM pada ketika itu iaitu Akta UiTM itu sendiri dan juga Akta Badan-badan Berkanun (Kuasa Meminjam). Jadi berdasarkan kepada kedua-dua peruntukan yang berkaitan dengan kuasa UiTM untuk meminjam, dalam kedua-dua akta ini memang ada menyebut tentang perlu kebenaran ataupun *approval* daripada Menteri Kewangan MOF. Tetapi memandangkan peruntukan yang ada di dalam akta itu bersifat *general provision*, jadi apabila kita mendapat surat yang telah pun dirujuk pada 2008 tersebut yang secara *detail*-nya dan jelas ayat yang digunakan itu.

Jadi, tafsiran kami pada ketika itu, oleh sebab ini adalah merupakan perkara detil, jadi kita berpandangan bahawa selagi UiTM tidak menggunakan dana *direct* daripada sumber kerajaan, bermakna UiTM boleh untuk membiayai apa-apa aktiviti yang melibatkan UiTM Holdings Sdn. Bhd. Jadi sebab itulah kita berpandangan PUU sebelum dan juga PUU terkini, berpandangan yang konsisten, sama, berdasarkan kepada peruntukan ayat yang ada di dalam surat yang kita terima 2008 tersebut berkaitan dengan penubuhan UiTM Holdings, kita berdasarkan kepada bukan sumber daripada kerajaan.

Jadi oleh sebab aktiviti-aktiviti UiTM Holdings yang melibatkan UiTM seperti yang telah pun dijelaskan oleh Tuan Bendahari tadi adalah dana dalaman, jadi kita berpandangan UiTM tidak terikat dengan perkara yang memerlukan kepada *prior approval* daripada Menteri Kewangan melalui MOF. Terima kasih.

■ 1200

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, boleh *tak* saya *nak* tanya pandangan AGC berkenaan dengan perkara ini, *even though* dah ada buat *intervention* dan sebagainya. Itu *tak* apalah. Situasi yang berlaku itu, saya *nak* dapatkan pandangan daripada AGC *about this*.

Rahayu binti Ab Talib [Jabatan Peguam Negara]: YB, berhubung dengan isu ini, saya rasa mungkin kita boleh— Sebab ianya melibatkan perkara MOF. Mungkin ada rujukan telah dibuat dengan PUU MOF berhubung dengan perkara ini. Saya *tak sure* sama ada pihak kementerian ataupun pihak UiTM sendiri ada— KPT sendiri pun ada merujuk kepada MOF untuk mendapatkan pandangan undang-undang. Mungkin kita boleh dapatkan penjelasan berkenaan dengan perkara ini, YB.

Tapi secara amnya, peruntukan akta memang telah jelaslah menunjukkan bahawa apa sebarang kewangan tersebut perlu mendapatkan kebenaran daripada MOF.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya minta daripada AGC untuk dapatkan pandangan daripada PUU MOF *lah about this*. Boleh *tak* nanti?

Rahayu binti Ab Talib [Jabatan Peguam Negara]: AGC akan semak, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, ada MOF, wakil MOF?

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: *I'm sorry*. Boleh saya mencelah sikit. Saya wakil daripada MOF.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh dapatkan nama?

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: *Oh, sorry. I lupa perkenalkan diri. Nama saya Yap. Yap Kok Wooi daripada Kementerian Kewangan. Merujuk kepada perkara tadi yang disebutkan sama ada Kementerian Kewangan merujuk kepada Bahagian Undang-Undang Kementerian Kewangan. Jawapan adalah ya. Kami telah merujuk kepada Bahagian Undang-Undang di Kementerian Kewangan.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, boleh bagi- boleh kongsikan apa jawapan dia *tak*?

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: Izinkan saya baca ya. Okey, kejap, kejap. Okey, Bahagian Undang-Undang Kementerian Kewangan berpandangan bahawa surat- Kejap. Okey, dekat sini. *[Merujuk kepada sebuah komputer riba]* Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa pandangan yang dikemukakan oleh Penasihat Undang-Undang UiTM adalah tidak selaras dengan hasrat penggubalan seksyen 4A sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat dan huraian kepada Rang Undang-Undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1996. Ini adalah kerana kedua-dua dokumen tersebut tidak menyatakan bahawa kelulusan Menteri Kewangan bagi maksud perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173 hanya di perlu diperoleh jika berlaku peralihan keluar dana kepada mana-mana syarikat atau badan luar dan jika pelaburan yang dibuat berisiko tinggi. Okey, *next one*. Seksyen 4A juga tidak memperuntukkan sebarang pengecualian daripada memperoleh kelulusan Menteri Kewangan bagi apa-apa kuasa tambahan yang dilaksanakan oleh universiti.

Oleh itu, Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa walaupun pelaburan yang dibuat tidak menyebabkan peraliran keluar dana kepada mana-mana syarikat atau badan luar dan tidak berisiko tinggi, pelaburan sedemikian tidak

dikecualikan daripada kelulusan Menteri Kewangan menurut perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173. *The next one*, Bahagian Undang-Undang selanjutnya berpandangan bahawa Surat Kementerian Kewangan bertarikh 18 Januari 2008, ketika penubuhan UiTM Holdings Sdn. Bhd. diluluskan oleh Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa kelulusan permohonan UiTM untuk menubuhkan UiTM Holdings Sdn. Bhd. di bawah perenggan 4A dalam kandungan 1B, Akta 173 hendaklah tertakluk kepada syarat.

Antaranya, modal pusingan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings Sdn. Bhd. tidak dibiayai daripada sumber kerajaan tidak boleh dianggap sebagai mengecualikan keperluan untuk mendapatkan kelulusan yang berasingan daripada Kementerian Kewangan terhadap langkah pengambilalihan 100 peratus saham kedua-dua anak syarikat UPESB dan UTVSB kerana pengambilalihan tersebut hanya menggunakan dana dalaman UiTM. Ini adalah kerana surat tersebut adalah merupakan syarat kelulusan terhadap penubuhan UHSB menurut perenggan 4A dalam kandungan 1B sahaja. Okey, *next one*. Syarat kelulusan dalam surat tersebut dan tindakan UiTM mengambil alih syarikat UPESB dan UTVSB daripada UHSB melalui pemilikan saham yang menggunakan sumber dalaman UiTM serta membuat tambahan modal pelaburan adalah dua perkara yang berbeza. Pengambilalihan syarikat UPESB dan UTVSB daripada UiTM Holdings Sdn. Bhd. oleh UiTM hendaklah tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan selaras dengan kehendak undang-undang menurut perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173.

Jadi— Lagi satu. Bahagian Undang-Undang berpandangan bahawa bahasa yang digunakan dalam perenggan 4A, dalam kandungan 1F dan G tersebut adalah jelas dan tidak meragukan. Oleh itu, kedua-dua peruntukan tersebut perlu diberi kesan sewajarnya. Dalam Inggeris, *when the language used in the statute is clear, effect must be given to it* berdasarkan prinsip tafsiran undang-undang yang literal. Dalam hal ini, bahagian ini juga telah melihat prinsip tafsiran undang-undang yang literal yang telah diputuskan oleh— *A few cases here, it's from* Mahkamah Persekutuan dalam kes *Metramac Corporation Sdn. Bhd. versus Fawziah Holdings Sdn. Bhd.* Banyak isu kita simpan tapi panjang lebarlah dekat sini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh bagi kita salinan itu *tak*, tuan?

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: Boleh, boleh. Boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya? Bagi kita salinan surat yang inilah. So, maksudnya jelas menyatakan respons daripada MOF menyatakan bahawa ianya jelas menyatakan *it is contradict* dengan...

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: *[Tidak jelas]* Ya. **Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ...kenyataan oleh PUU UiTM.

Encik Yap Kok Wooi [Kementerian Kewangan Malaysia]: Mungkin saya boleh tambah ayat terakhir ini. Tindakan yang diambil oleh UiTM berdasarkan kelulusan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti, *which is* LPU sahaja tanpa mendapat kelulusan Menteri Kewangan adalah tidak teratur kerana ia bertentangan dengan kehendak perenggan 4A dalam kandungan 1F dan G, Akta 173. Kesimpulannya. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih YB Pengerusi. Saya melihat sebenarnya isu ini bukan isu yang kecil sebab kalaulah kata tindakan yang diambil itu tidak– Bukan sekadar tidak teratur ya tetapi *ultra vires* akta tersebut. Bila *ultra vires* itu, mungkin ada impak dia kepada keesahan tindakan yang diambil. Tapi saya pun *tak boleh nak fault* UiTM sebab ada dua pandangan undang-undang yang telah diberikan yang mengatakan bahawa ini tidak perlu kelulusan dan sebagainya.

Kita *dah* melihat sebenarnya ada– Seperti ada satu percanggahan tafsiran di antara pihak Penasihat Undang-Undang UiTM dan juga pihak PUU MOF. Jadi, *moving forward*, sekarang ini kita ada satu situasi yang mana ada dua percanggahan berkenaan dengan tafsiran ini. Adakah sekarang ini UiTM akur atau setuju dengan tafsiran undang-undang yang dibuat oleh PUU MOF ataupun masih mengambil pendirian bahawa tafsiran yang sebenar adalah tafsiran yang diberikan oleh Penasihat Undang-Undang UiTM yang saya percaya masih berpendirian bahawa tidak perlu mendapatkan kelulusan tersebut. Mungkin pihak Naib Canselor, Datuk Dr. Shahrin.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih YB. *I was a Vice-Chancellor for a different university which follow fully that requirement. So, issues on interpretation is a serious issue. Sebagai Vice Chancellor sebuah universiti, I stand guided by the professionals of the field. So, if the interpretation is as such, we stand guided pula by the higher authority. By virtue of this report has been reported to this forum, we know the way forward is actually to follow through dan kita memang nak move forward. So, that's why seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Dr. Haji Megat tadi, with the new guidelines, in fact at my level, saya sudah mengarahkan untuk Peraturan Pengendalian Anak-anak Syarikat Universiti berdasarkan yang 2004 itu pun dan yang terbaharu untuk dibina dalam UiTM untuk memastikan tatacara kelola anak syarikat dan di bawahnya mematuhi*

sepenuhnya. Juga, *going beyond that*, kita juga ada keperluan sebagai syarikat yang berdaftar. *Good corporate governance has to be put in place.*

Maksudnya, walaupun lantikan Lembaga adalah di peringkat yang lebih tinggi, kami berpandangan- memberi pandangan supaya *people of proper credentials*, yang berpengalaman dalam menjalankan syarikat seharusnya dilantik bagi membantu UiTM memastikan anak syarikatnya teratur dan juga boleh membantu pihak universiti dalam penjanaaan dana.

■1210

To cut short YB jawapan saya if that is the interpretation, that comes to us we are fully complying with whatever requirement is in moving forward, YB Datuk Wira.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya merujuk kepada slaid 19, Kluster 4 – Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Kesihatan khususnya 5.3.3.3.d. – Perjanjian sewaan baharu bangunan PPUiTM dan masalah siling dan dinding berkulat. Ini maklumat penemuan oleh Ketua Audit Negara, sewaan dan penyelenggaraan bangunan hospital tidak cekap.

Saya nak sebut tentang perkara fundamental iaitu pelaburan UiTM bidang kesihatan. Saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara 2022, muka surat 293, dia kata, *“Mesyuarat LPU ke-124 pada 13 Mac 2012 telah meluluskan penubuhan syarikat subsidiari iaitu UiTM Private Healthcare sebagai inisiatif bersama antara UiTM Holdings dan Fakulti Perubatan UiTM untuk membuka private wing di Pusat Perubatan UiTM Sungai Buloh”*.

Jadi, ini adalah bagus bertujuan – ada tiga benda di situ, saya nak rujuk kepada (ii), *“Pengiktirafan kepada Fakulti Perubatan UiTM serta keperluan untuk menarik pakar dari luar berkhidmat di fakulti dan mengekalkan doktor pakar sedia ada melalui amalan swasta”*.

Okey, soalan saya kepada pihak yang berwajib. Kenapa sampai – pertama tadi tentang sewaan baharu itu. Proses rundingan masih dijalankan memandangkan pihak UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd sedang memohon pengurangan kadar sewaan yang telah dicadangkan oleh pihak UiTM, masih menunggu perjanjian.

Soalan saya, siapa punya bangunan ini? Yang nak guna ini tadi adalah *your private sector* ini, UiTM Private Healthcare. So, yang nak disewa itu siapa empunya, tuan punya bangunan? Yang belum sampai sekarang, belum muktamad ini? Itu satu.

Yang kedua, masalah siling dan dinding berkulat. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan di sini sebagai – kalau ikut Ketua Audit Negara ini. Dia kata, *“The latest state of the art ada peralatan robotic surgery dan sebagainya”*.

Di mana yang dikatakan sini, page 300, “Semakan audit juga mendapati perolehan peralatan robotic surgery telah dilaksanakan dan dibentangkan untuk makluman Lembaga Pengarah pada Jun 2015”. Berdasarkan kertas kerja penubuhan UPAC”, – ini specialist centre, “Yang dibentangkan sistem bantuan robotik dalam pembedahan merupakan yang pertama di Malaysia dan mempunyai kelebihan antaranya mempercepatkan kadar penyembuhan dan risiko pembedahan yang sangat minimum”. Bagus, saya puji itu.

“Perkhidmatan ini melonjakkan reputasi UiTM dalam bidang pembedahan di Malaysia, seterusnya menjadi pusat latihan dan pilihan rawatan pesakit”. Bagus tapi masalahnya bila ada masalah siling dan dinding berkulat, kalau nak buat surgery, kalau apa bukan, dekat atas bukan dekat bawah itu. Bukan dekat dinding, atas. Kalau sekali kulat-kulat itu turun ke bawah, bayangkan *is just a normal consultation room* pun, kalau ada benda macam itu – dan saya tanya tadi Audit Negara, “Adakah ini masa you all pergi kah ataupun dia tengah running on operation, dalam operation?”.

Jadi, saya nak tanya pihak tuan-tuan semua, yang hebat-hebat ini, bukan? Kenapa benda ini berlaku? Kenapa tidak ada basic penyelenggaraan untuk – kulat ini bukan sehari dua. Sampai Ketua Audit Negara datang, bukan sehari dua, bukan? Tiba-tiba audit nak datang, dia pun ada. Saya rasa itu tidak apa.

So, sebagai UiTM nak naikkan reputasi tadi sebab saya baca dekat LKAN, Laporan Ketua Audit Negara sebagai *teaching hospital* dan yang nak buat *specialist centre* itu tadi ialah untuk *upgrade yourself*. So, kenapa benda ini berlaku? Bagaimana benda ini boleh berlaku? Perkara *basic* dan *fundamental* tidak dibuat dulu sebelum dia *open* untuk *any operation*. Terima kasih, Datuk Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Panjang lebar persoalannya sebab maklumlah doktor perubatan.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi MARA]: YB, *I take the same concern as a new Vice-Chancellor of the whole organisation. The first question I asked my Bendahari* ialah was, “How much is the total asset that we have?” So, *I was given the answer. My next line of question is that, “What is our maintenance budget?”, and the answer is not very appealing.*

So, maksud saya begini. Perjalanan universiti itu sememangnya kita harus mengurusnya dengan terbaik dan kelemahan itu saya akui dan dalam *in the mode of moving forward*, hatta *a few days ago* saya memang telah menyatakan perkara ini secara khusus kepada pihak kementerian di mana pihak universiti hanya mampu memperuntukkan hanya kurang daripada satu peratus dari nilai aset yang kita ada bagi tujuan penyenggaraan dan baik pulih.

Perkara ini *insya-Allah* kami sedang usahakan dari segi sumber yang sedia ada, memastikan peralatan bukan sahaja bangunan, peralatan seluruhnya dibiayai sebaiknya bagi tujuan penyenggaraan dan pemuliharaan supaya aset sepenuhnya boleh digunakan sebaik mungkin terutama di hospital yang mana YB nyatakan tadi, *we can afford very high-tech equipment*, bilik berkulat. Maknanya, memang *totally no*.

Jadi, *to move forward* yang saya ingin yakinkan kepada panel hari ini adalah pihak pengurusan universiti bersama dengan usaha yang juga kita telah lakukan dengan pihak UiTM Holdings, kerjasama yang kami akan jalin selepas ini seperti mana yang dicadang sebentar tadi. Keterlibatan pihak universiti sendiri dalam anak-anak syarikat bagi memastikan hubung baik di antara kedua-dua belah pihak dapat dilaksanakan dengan cara yang terbaik supaya maklumat yang terkait dengan pengurusan dan perjalanan dan perancangan yang jangka panjang di mana pelan strategik yang telah diketengahkan oleh pihak *Holdings* juga sebenarnya bergantung pada komitmen di pihak universiti.

Maka, sinergi dan hubung kait inilah yang hanya saya boleh nyatakan kepada panel hari ini bagi memastikan apa yang dijanjikan oleh *Holdings* bagi pulangan dividen yang mereka janjikan tersebut. Maksud saya kerjasama itu yang kami akan cuba pertingkatkan bagi memastikan kejadian yang telah ditemui oleh pihak Audit Negara ini tidak akan berulang. Saya berhenti di sini dulu YB Datuk Wira.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak pencerahan, *one per cent* maknanya *you can only afford one per cent*, UiTM?

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi MARA]: Mungkin Tuan Bendahari, mungkin bantu kita juga dari segi status bangunan dan seluruh yang dipersoalkan oleh YB tadi.

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi MARA]: Terima kasih Datuk. Untuk makluman, nilai aset UiTM lebih kurang dalam RM14 bilion. So, yang kita peruntukan untuk bajet penyelenggaraan tahunan lebih kurang dalam tak sampai RM150 juta setahun. Kalau kita lihat peralatan UiTM ini dengan umur dia itu, banyak peralatan-peralatan adalah peralatan-peralatan yang telah mencapai usia yang usang dan perlukan penggantian ataupun pembaikan yang komprehensif.

Jadi, kalau kita lihat balik untuk kes yang dinding berkulat dan juga *air con* apa semua itu, memang pihak UiTM akan memberikan *priority* untuk kita buat pembaikan dan kita menggunakan sumber dalaman kami untuk memastikan benda itu dibaiki.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Soalan saya tadi, UPHSB masih menunggu perjanjian baharu yang dimuktamadkan daripada pihak UiTM. Maknanya, UiTM yang akan buat keputusan ini, bukan? Supaya perjanjian ini boleh dijalankan. Soalannya, bila UiTM nak bagi jawapan ini, putuskan?

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi MARA]: Saya minta di pihak UPHSB sebenarnya, YB untuk membantu kami dalam proses rundingan ini.

Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Saya Wan Nazifah daripada UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. So, status terkini berkaitan dengan perjanjian sewaan bangunan di Sungai Buloh adalah lawatan pengukuran semula telah dijalankan dan makluman yang kita dapat yang terkini adalah di dalam masa – di dalam pertengahan, sebelum pertengahan Disember kita akan mendapat perjanjian sewaan baharu untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak lah, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya minta Ahli-ahli PAC yang nak tanya *on point* yang ini, ada yang ini? Sebelum saya nak bagi pada ruang pada YB Saratok.

■1220

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Pasal *healthcare* ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam dan juga...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Pasal *healthcare*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Berkenaan yang sewaan dan juga ini.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oh sewaan. Bukan *healthcare*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dengan *healthcare* lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Healthcare* ya. Pasal *healthcare* ini hendak tanya lah. *What is the business model when you talk about going to healthcare ini because numbers are not showing good.* Tetapi tempat lain *in the industry, healthcare* bawah hospital ini ROI-nya *among the best* lah. So, *where are we right now in terms of* dekat UiTM punya – *that means what is your business model? Where is your ROI?* Bila dan sebagainya lah. Boleh kongsi tidak? Terima kasih.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: Yang Berhormat, izinkan saya untuk beri pencerahan tentang perniagaan *healthcare*. Seperti mana yang dimaklumkan sebelum tadi, UiTM Private Healthcare ditubuhkan agak lama

sebelum ini. Ia bermula sebagai *private wing di public hospital*. Pada ketika itu, *public hospital* UiTM beroperasi daripada *CTC Building (Clinical Training Center)* di Sungai Buloh.

Tetapi pada hari ini, *public hospital* telah berpindah ke Puncak Alam, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA). *So, that's a new public hospital. So, that is where perjanjian sewa came into place. At the moment, UPHC is operating on 30 katil. Daripada segi economy of scale itu memang tidak mencukupi, tidak optimum. So, we cannot operate on 30 beds. So, that is where we were hendak sewa sebuah ruang yang baru untuk kami tambah katil untuk jadi lebih optimum daripada segi operasi. That is the business model at the moment* sekarang.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Pengerusi, tambahan untuk...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, *sorry*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Wangsa Maju.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya sekarang ini bangunan yang *used to be* Hospital Sungai Buloh itu, UiTM itu, *you are occupying level 2 and 5 only?*

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: Betul, betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *The other floors are empty* lah sekarang ini? Kosong lah ya?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: *Well, it's partially empty because some of the equipment from the private – from the public hospital is still there, it's in transition period.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Transition. Fully transfer* ke Puncak Alam bila yang *public?*

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Yang Berhormat, saya mohon Tuan Pendaftar untuk membantu dari segi memberi sedikit fakta pergerakan.

Tuan Haji Muhamad Nizam bin Noordin [Universiti Teknologi Mara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat. Berkenaan tentang kedudukan sebenar Hospital UiTM Sungai Buloh. Pada waktu tersebut, sebelum tahun 2021 ia adalah *fully utilized by the UiTM* dengan sekali *the private hospital* daripada *holdings* bersama-sama diguna pakai. Pada waktu kini, ia masih lagi diguna pakai dalam keadaan yang sama walaupun dikenali hospital di Puncak Alam itu HASA itu beroperasi. Sekarang masih lagi diguna pakai kedua-duanya sekali.

Untuk makluman, kita ada satu aktiviti yang masih lagi berjalan dan dalam masa yang sama berjalan juga untuk perkara-perkara yang lain iaitu kita ada bahagian unit jantung di situ yang ada bersama-sama di Hospital Sungai Buloh di peringkat UiTM dan juga UPSB. Itu sajalah sedikit maklumat yang saya boleh bekalkan. Tetapi untuk makluman, di peringkat UiTM, kedua-dua hospital ini masih lagi berfungsi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Shah Alam lepas itu untuk topik yang sama, kita bagi Sandakan. Shah Alam dulu, *then* baru Saratok.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Pertama sekali saya hendak ucap tahniah kepada VC UiTM yang baru dilantik sebulan yang lepas. *[Disampuk]* Ya, *almost, exactly*.

Bersambung tentang UPSC ini, maknanya berdasarkan kepada hospital di Puncak Alam yang telah pun mula beroperasi, adakah pihak UiTM melihat bahawa kedudukan UPSC di Sungai Buloh ini akan berpindah sepenuhnya kah ataupun akan diteruskan dan dikembangkan? Adakah ia keadaan yang *viable*? Dalam keadaan katil yang terlalu sedikit, *economy of scale* yang terlalu kecil, jadi *moving forward* bagaimana keadaan itu?

Keduanya berkenaan dengan *healthcare* ini juga, tadi Datuk VC ada sebut tentang doktor pakar. Jadi, kalau berdasarkan kepada apa yang disebut oleh Datuk VC, *one – single equipment, single expert which* pada saya agak berisiko tinggi sebab *anything can happen*. Ia bukan saja berdasarkan kepada kontrak, dia guna *equipment, acquire equipment* dan dia kena masa tertentu yang mencukupi untuk dia berkhidmat dengan *equipment* tersebut *because anything can happen*. Kontrak dengan *equipment, yes* tetapi kontrak daripada Allah SWT kita tidak tahu, umur ini setahun pakai sudah – jadi, apa langkah-langkah untuk memastikan bahawa *equipment* yang digunakan itu ataupun yang di-*procure* itu boleh digunakan sepenuhnya kalau *anything happen to* doktor pakar itu ya?

Ketiganya, saya sikit sambung tentang tabung amanah itu. Betul tabung amanah itu adalah sumber dalaman yang di-*generate* daripada mungkin seminar, kursus ataupun hibah dan sebagainya tetapi ia tidak boleh lari daripada sumber asal dana daripada kerajaan yang diberikan kepada UiTM dari segi *staffing* dan fasiliti dan sebagainya. Daripada situlah UiTM membina tabung amanah itu. Jadi, ia tidak boleh – maknanya dia kata *this is* UiTM yang – ia tidak boleh lari daripada asal sumbangan daripada kerajaan kepada tabung amanah itu.

Kemudian, saya hendak bertanya juga berkenaan dengan tabung amanah itu. Untuk setakat ini, berapakah jumlah tabungan yang telah pun ada dalam UiTM?

Daripada RM258 juta itu berapa *percent* yang diambil daripada tabung amanah itu untuk dikeluarkan dilaburkan dalam UH Holdings.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sambung sikit Shah Alam ya. Sebut sebab tabung amanah ini. Adakah situasi semasa operasi UiTM Holdings ini mengakibatkan membebankan UiTM itu sendiri? Terima kasih.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: Saya mohon izin Yang Berhormat untuk menjawab soalan. Pertama, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam atas ucapan tahniah. Pertamanya berkaitan dengan melihat semula pada keseluruhan struktur dan sumber yang mana UiTM Holdings bekerjasama dengan UiTM induk dalam menjalankan perniagaan, proses ini memang sedang kita lakukan sepenuhnya.

Saya cuma nyatakan bahawa penemuan ini adalah sebahagian, Audit Negara pun *sampling*. Tetapi kami sedang melihat keseluruhannya. Kita juga ada *education wing* yang mana juga penggunaan ruang untuk makluman Yang Berhormat masih lagi belum optimum. Disebabkan itulah tadi contoh isu tentang sewa dan sebagainya itu kita melihat keseluruhan. *It's not about only the hospital wing, we are also looking at the education wing and other services that is rendered by UiTM Holdings that require back negotiation and* pendekatan kami saya ringkaskan saja.

Pihak universiti dalam usaha mengurangkan atau menghilangkan sebarang liabiliti yang kami tanggung kepada anak syarikat seboleh-bolehnya *to put back focus* kepada tujuan utama penubuhan kami iaitulah fokus kepada pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. UiTM Holdings akan memfokuskan kembali kepada penjana, pendapatan yang seharusnya dipulangkan balik kepada *shareholder* utama iaitu pihak universiti. Itu yang saya boleh nyatakan.

Dengan maksud lain Yang Berhormat, ruang itu sebenarnya memang kami ada banyak opsyen. Antaranya juga adalah mengembangkan hospital tetapi ini melihat kepada banyak faktor yang minta maaf saya tidak boleh nyatakan apakah keputusannya. *In fact* kami akan *engage* dengan *Board of Governance* kami dalam tempoh yang terdekat untuk memastikan *come the new year, we have a clear charter how to move forward with regard to our business model, even the university itself how is going to be structured*.

We have 193,000 students close to 20,000 staffs. So, definitely a single person as a VC would not be able to do it as a one man show. Rakan pengurusan saya memang sedia maklum, *we are looking at the totally new governance model of the whole university that includes the anak syarikat itself. So that, under the new age*

of this disruptive technology Yang Berhormat Datuk Wira, ayat yang diguna oleh Schwab dalam buku dia adalah *the slow fish will be eaten by the fast fish, it's not the big fish eating the small fish. UiTM is a big fish. So, we need to be a very fast big fish. So, that is what we are now putting into our structure so that we can move fast and agile. So, we are looking for radical, practical but flexible structure and model.* Itu yang saya boleh janjikan kepada Yang Berhormat Shah Alam lah *what impacting Shah Alam for sure insya-Allah because we are looking at local community.* Ini bukan hendak cakap apa Yang Berhormat. *But the charter that we are now putting in* adalah *what despite the ranking that we have, okay. What advancement that we have done to the local community.* Ayat yang saya pakai juga datang dari seorang Yang Berhormat. Saya orang Melaka, Yang Berhormat Mas tahulah siapa orang itu. *[Ketawa]*

■1230

But to cut short dia kata, *the university is like* menara api ataupun *is like you know, a very high tower you know, emitting lights for the ships to look for the shore.* Okey. Kapal jauh, nampak terang. Tapi orang di kakinya— minta maaf YB Shah Alam, orang Shah Alam gelap. *So, we are moving towards that with our service model, to put forward the community first, making an impact for local community. We have 34 campuses throughout Malaysia. So, we want our presence to be felt, the community felt irregardless of what party are governing the states, we are about serving the community.* Itu yang *charter* yang kami sedang *chart out* sekarang.

Keduanya, berkaitan tentang pakar tadi. YB, *I can assure you. We have also gone to a private hospital. YB, I don't want to undermine, but* memang kadang-kadang pakarnya itulah seorang *in some discipline, sad to say. Okay. But, I am not using that as an excuse.* Pendekatan yang kami buat di pengurusan universiti sekarang adalah memastikan program *mentor mentee* daripada pakar kepada peringkat bawah *and* minta maaf juga saya gunakan ayat ini, dapatan kami juga memang sebelum ini agak silo. Jadi, pendekatan *moving forward* juga YB Datuk Wira, dalam pendidikan *we are talking about transversal expertise in one area, you can move into multiple disciplines.* Yang itu yang sedang kami galakkan dan untuk memastikan seorang pakar, seorang sifu, bawahnya ada *disciple* dia supaya kehilangan seorang tadi ada yang lain akan boleh menggantikan. Bukan seorang tetapi beberapa orang. *So, that is now been structured.*

Saya sudah *engaged* dengan Majlis Profesor Universiti. Dalam tempoh sebulan ini YB, sempat juga jumpa semua. Saya kata, *the role is actually to mentor and sad to say, amalannya* bila saya tanya, “Okey Prof, berapa ramai orang yang telah Prof mentor?”, dan jawapannya adalah “Datuk I am sorry, I failed on that part”.

So maknanya, budaya itulah yang *insya-Allah*, akan kami ketengahkan. *I am not saying that the prior management has not able to do it* tetapi *my respons* YB, adalah *the sheer scale of UiTM need a totally different model of governance and moving forward*.

Jadi, yang terakhir tadi berkenaan dengan tabung amanah, *where we stand*. Saya minta bantuan daripada bendahari. Daripada segi keadaan semasa kita, apakah sebenarnya kedudukan tabung amanah tadi.

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi MARA]:

Okey. Untuk makluman YB, semasa kita buat pelaburan, Tabung Amanah UiTM pada masa itu berjumlah RM1.2 bilion. So, kita gunakan dalam 21 peratus daripada jumlah itu untuk kita salurkan kepada pihak anak syarikatlah. Namun untuk makluman, daripada jumlah RM259 juta yang berada dengan UiTM Holdings itu, RM124 juta adalah merupakan *ordinary shares* dan 135 merupakan ICPSI yang boleh ditebus balik sekiranya syarikat nanti berkemampuan. Dalam masa yang sama juga, ICPSI itu akan membolehkan syarikat membayar dividen sebanyak lima peratus setahun bermula pada tahun 2026 seperti apa yang dinyatakan oleh pihak syarikatlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya bagi Saratok.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya berkenaan dengan tabung ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. *Sorry* ya, Saratok. Saya nak tanya UiTM, daripada laporan ada tiga tabung amanah. Tabung Amanah Khas, Akaun Amanah Am dan Kumpulan Wang Pendapatan. Bolehkah terangkan kepada PAC, apakah perbezaan antara tiga tabung ini? Fungsinya dan juga jumlah yang di dalam ketiga-tiga tabung amanah ini. Itu soalan nombor satu.

Kedua adalah kita tahu bahawa RM176.2 juta telah dilaburkan melalui tabung amanah ini ya. Kita tahu bahawa dia harus ada pulanganlah ya. Tapi nampaknya sekarang ada banyak masalah. Kita nampak bahawa sebenarnya dijanjikan— PAC, *sorry*. Laporan Audit pun kata sudah— *“UiTM Holdings telah mencatat keuntungan selepas cukai dan baki tunai mencukupi bagi tiga tahun, 2010, 2011 dan 2016. Namun, tiada dividen dibayar kepada UiTM”*. Saya minta komen, kenapa tiada dividen? Hanya satu tahun sahaja ada dividen iaitu pada tahun 2020. Patutnya tiga tahun boleh bayar tapi tak ada. Boleh kena ada jawapan tentang isu itu.

Kita tahu bahawa *actually for government, the business of government to get out of business*. Sekarang, universiti pun masuk dalam *business*. Itulah ada masalah. *Academicians is not trained to become a businessman*. Jadi, *we have all this problem. PAC has been having meetings going after one business after another*

business which is not run by businessman, run by bureaucrats, academicians or even politicians yang akhirnya dia menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan juga taxpayers money. Jadi, saya harap ada pengajaran daripada segi itu. Soalan terakhir saya adalah susulan daripada jawapan TKSU, bahawa wakil KPT tidak dilantik sehingga 2022. Mengapa ini berlaku? Kenapa ada resistance dalam UiTM atau UiTM Holdings bahawa wakil KPT yang sepatutnya ada, tidak dimasukkan dan juga wakil MOF juga? Mohon penjelasan. Tiga soalan. Terima kasih.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi MARA]: *YB, thank you very much. I share your concern. Yes, we academic are not businessman. I have produced quite a number of IPs which I decided not to own the IPs and give it to another businessman and the product is being used, alhamdulillah. Insya-Allah, mudah-mudahan saya dapatlah pahala yang lainlah dalam bentuk— YB Datuk Wira.*

Coming back to the model, it is not only UiTM, YB. To hold higher learning institution of Malaysia, we need a new business model if the government cannot continue to support us. We charter of giving free education and we want to charge the public. In fact, we have PTPTN. Okay, actually it is just putting a problem to one side, but it is creating graduates yang berhutang. So, we will need to revisit the whole YB and I leave it to Yang Berhormat semualah to— I am just addressing, we at the bottom, how we see the problem is. But at our level, I am just telling what we can do at our level. When we see how Turkiye has worked, dengan model wakaf dan foundation. How the big universities in America have worked. Even some of our sister university in Indonesia, they fully funded through yayasan. Closed system, but yet it works. Okay, but do they go into business in some instances? Yes juga, YB. Tetapi very low risk. Very-very low risk.

Okay, but coming back to UiTM, we are using all these avenues. We have our own wakaf, endowment dan kami insya-Allah, cuba menggerakkan. Mungkin the first alumni yang saya akan jumpa juga adalah YB Shah Alam. [Ketawa] Because we really need the support from all sides in terms of making this model work. Because it has been proven, YB Datuk Wira. It has been proven. In Turkiye, they spent— Al-Azhar, they spent across time. Political change happened. Even crisis happened, but university stays. The services is rendered. So, in moving forward, the country really need to look for a new funding model of higher- our institution.

But, coming back to how we move forward dalam pelan tindakan kami tadi, amalan yang saya sedang secara peribadi— maknanya, UiTM Holdings perlu menyediakan pelan strategik yang dibawa kepada lembaga pengurusan. Of course, it depends on our chairman of board. But, the university would have to decide

beforehand based on the new business model seperti yang dinyatakan tadi pelan strategiknya, berapakah dividen yang harus diberikan. Amalan saya sebelum ini, selaku *vice chancellor* juga, pihak universiti menetapkan terlebih dahulu berdasarkan unjuran perniagaan mereka. So maknanya, *it is a clear KPI based performance*. Inilah *alhamdulillah*, saya juga nyatakan YB Datuk Wira, *blessing in disguise* penemuan ini adalah *now we are even more closer in talking and discussing how to move forward*. Okay, *I am not saying that this has not happened before. It could have been better. That is all I can say*.

Kembali kepada pecahan tabung tadi, saya minta bantuan bendahari juga untuk memberi penjelasan, YB. Terima kasih.

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi MARA]: Terima kasih Datuk. Untuk makluman YB, kalau kita lihat Tabung Amanah Am, kita ada Tabung Amanah Khas, kita ada Tabung Amanah Pendapatan. Tabung Amanah Am, ini yang meliputi untuk keseluruhan 34 kampus. Maksudnya, setiap apa yang dihasilkan oleh pihak kampus secara aktiviti yang mereka hasilkan, akan dimasukkan dalam hasil daripada kampus berkenaan. Maksudnya, individu kampuslah. Satu lagi adalah Tabung Amanah Khas. Yang ini adalah Tabung Amanah Khas diwujudkan hanya di Shah Alam sahaja, termasuk juga Tabung Amanah Pendapatan. Tabung Amanah Khas ini maksudnya, kita ambil duit daripada tabung amanah kampus untuk kita letakkan di Shah Alam untuk ada kegunaan untuk kita sama ada kalau ada keperluan untuk kita buat pembangunan ataupun kita nak buat pembayaran apa-apa, kita boleh guna dekat sini. Jadi, satu tempat sahaja yang kita gunakan. Untuk Tabung Amanah Pendapatan pula merupakan hasil daripada hibah, sewaan dan juga pendapatan universitilah yang kita *park*-kan juga di Shah Alam, di kampus induk, bukan terletak di kampus-kampus lain.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi, *total* adalah RM1.2 bilion semua?

Encik Wan Hasmadi bin Wan Mohamed [Universiti Teknologi MARA]: Kalau ikut ya, *total* dalam untuk masa 2017 itu, RM1.2 bilion.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi MARA]: YB, *we are fast depleting our reserve*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kenapa?

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi MARA]: *Because of* tiap-tiap tahun, maknanya peruntukan— itu yang kata, *we really need a new business model, because* peruntukan daripada pihak kementerian— Minta maaf Datuk, *because I have to highlight this*. Memang trendnya memang menurun.

■1240

So, some of the UA hardly even have enough money for the penggajian. But for UiTM alhamdulillah kita cukup tetapi untuk perbelanjaan lain dia datang pada sumber dalaman. Itu yang saya sebut tadi daripada berbalik isu maintenance, berbalik kepada pengurusan itu memang sepenuhnya menggunakan sumber dalaman yang dijana sendiri oleh pihak universiti.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Soalan saya tentang wakil KPT tidak dimasukkan ke dalam *holdings*, kenapa?

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian [Kementerian Pengajian Tinggi]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi kenapa kita tidak ada di dalam *holdings* adalah sebab kita dah ada wakil di dalam LPU itu sendiri. Jadi kita tidak mahu pegawai kita dalam *business holdings* sebab itu memerlukan lagi tenaga, masa mereka untuk meluangkan di dalam *holdings* pula.

Jadi pada waktu itu sebab setiap *proposal* di peringkat *holdings* akan dibawa di peringkat LPU untuk kelulusan. Jadi wakil kita sudah memadai di situ. Akan tetapi memandangkan bila kita lihat ada masalah timbul makanya itu yang kita telah mengambil tindakan pantas untuk kita merubah kedudukan tersebut dengan menubuhkan Unit Pelaburan pada tahun 2021 di KPT yang mana pada tahun 2022 jawatankuasa yang saya sebut tadi, Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh TKSU Pengurusan Pembangunan telah bersetuju untuk kita melantik wakil KPT di dalam *holdings* pada tahun 2023.

So, just very recently. Jadi itu yang – sebab kita merasakan setiap *proposal* yang dibawa oleh *holdings* akan dibincangkan di peringkat LPU universiti sendiri. Jadi itu yang kita gunakan platform di situ. Akan tetapi memandangkan perkara ini telah menjadi agak serius jadi itu yang kita punya *intervention* kita itu melantik seorang wakil kita di situ. Akan tetapi untuk wakil MOF tidak ada di dalam *holdings*, dia hanya ada di dalam LPU sahaja. Itu jawapannya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Mengapa tiga tahun yang sepatutnya membayar dividen kepada UiTM tetapi tidak bayar?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Yang Berhormat, merujuk kepada soalan Yang Berhormat fasal dividen itu, ia berlaku pada tahun 2010, 2011 dan 2016. Pihak UiTM Holdings pada ketika ini pihak pengurusannya, *we join the board, we join the team* pada ketika 2021.

So, kami minta maaf pada 2010, 2011 dan 2016 kami tidak ada jawapan yang khusus kenapa dividen tidak dibayar. Akan tetapi kalau kita merujuk kepada resolusi

Lembaga Pengarah pada ketika itu *they concluded that is not time for dividend to be paid yet. Reasoning being it's a bit unknown to us at the current management today.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagi Saratok lepas itu Kluang lepas itu Kapar.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya ada soalan. Kita balik semula kepada *page* nombor 12 iaitu berkenaan dengan projek tenaga solar di Kuantan, Pahang itu. Berkenaan dengan surat penyata tanah yang dipohon oleh syarikat kepada pejabat daerah di Kuantan. Difahamkan situ jumlah denda dan cukai adalah RM14.69 juta. Jadi pihak UiTM saya nampak masih tak tahu lagi apakah hala tuju sama ada menukar kepada status industri ataupun mengekalkan sebagai tanah institusi pengajian tinggi.

Sebab kalau kita nampak cukai dan denda itu RM14.69 juta itu, itu jumlah yang banyak. Sekiranya projek tenaga solar ini kena bayar cukai tiap-tiap tahun saya rasa tidak ada untung lagi yang tinggal. Itu di Pahang. Macam mana keadaan di Johor pula? Adakah menghadapi cukai tanah yang tinggi? Sebab saya bimbang pulangan daripada *investment* tenaga solar ini akan dimakan oleh cukai tanah ini.

Saya tahu di Pahang mahal sebab tanah di jabatan kementerian saya dulu. Jadi apakah hala tuju sekarang sama ada tukar kepada status industri ataupun kekalkan sebagai tanah pusat pengajian tinggi. Apakah keuntungan, faedah, *benefit* kedua-dua *option* sini. Sekian, terima kasih.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih YB. Pendekatan yang dibuat oleh pengurusan sekarang di peringkat universiti mahupun di *holdings* adalah kita akan mengembalikan, memohon menukarkan status itu kepada status tapak institusi kerana pendekatan yang diambil sebelum ini sebenarnya adalah semua projek-projek berbalik tadi *concern* daripada YB berkenaan dengan *academic should not be doing business* tetapi kita perlu melatih anak-anak murid kami supaya mereka berada dalam keadaan sebenar.

So, all our investment including the hospital, hospital pun dari segi konsepnya adalah hospital teaching hospital. Maknanya students are there so semua projek yang kita akan laksanakan maknanya dua prongs.

Pertamanya adalah untuk penjanaan tetapi pada saya yang terlebih penting adalah dia adalah tapak latihan, *it is an open lab for our students, for our researcher to work on the real project.* Itu sepatutnya matlamat sebenar bukannya matlamat utamanya penjanaan pendapatan. Okey.

Bertitik daripada pendekatan itu yang kami telah berbincang di pihak universiti dan *holdings* maka kami akan melihat pada semua projek kerana saya melihat juga semakan terdahulu niatnya seolah-olah macam nak jual tanah. *That should not be the approach, okey? We are a university. Our first task is to teach and educate* membangunkan bakat. So, seharusnya apa juga *engagement* perniagaan adalah bagi tujuan lapangan melatih pelajar dan penyelidik kami sebagai *research lab* bagi tujuan penyelidikan yang kembali balik kepada dunia penyelidikan. Jadi itu jawapan ringkas saya sebenarnya YB. *It is going to back to tanah institusi.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Maknanya pihak jabatan tanah di Pejabat Daerah Kuantan mereka pun akan setuju untuk *private this land to the institusi*?

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Saya mungkin minta pihak *holdings*. Maklumat yang saya ada, *we have started the process and they are in lieu to that direction, insya-Allah.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya. *Because my concern is that this amount is quite big and...*

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: *Correct, correct.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: ...Dia *every year* memang kena bayar.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin, FASc [Universiti Teknologi Mara]: Ya, betul.

Dr. Haezar bin Ismail [UiTM Holdings]: YB kalau izinkan saya tambah sikit berkaitan dengan PTG Kuantan ini kita dah ada beberapa sesi perbincangan. Penyelesaiannya adalah untuk kita menarik balik permohonan status komersial yang mana pengubahan daripada status institusi kepada status komersial itu yang membawa kepada nilai penalti yang disebutkan itu. Jadi apabila kita tarik balik kita tidak *convert* maka tidak ada penalti itu dan kita terpaksa bayar cukai mengikut status institusi.

Argument kita adalah seperti mana yang Datuk VC maklumkan tadi ini adalah *working lab which coincidentally generates income to the university.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Kluang *then* Kapar.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya soalan berkenaan pelantikan setiausaha syarikat. Jadi saya ingin tahu bahawa sebelum pelantikan terkini ini, setiausaha syarikat dulu memang hanya

memegang jawatan setiausaha syarikat sahaja ataupun ada jawatan lain dalam UiTM Holdings?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: YB, untuk menjawab soalan YB sebelum lantikan setiausaha syarikat yang pada 19 Julai ini, setiausaha syarikat adalah firma luar yang dilantik dan berfungsi sebagai *corporate secretary*. Akan tetapi pada 2023 kami mengambil inisiatif untuk melantik setiausaha syarikat daripada kalangan pekerja kami. *So, we recruited a certified and qualified company secretary to be on board with us as employee and kita lantik dia sebagai at the moment sebagai joint company secretary.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi pada tahun 2019, ada pertukaran tiga kali. Jadi maksudnya tukar tiga syarikat?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Betul YB, betul.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi tidak ada rekod pembayaran yang dibuat ketika itu juga?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings]: Rekod pembayaran sebab *as a secretarial fee* ada YB.

■1250

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, tapi semua pelantikan itu dibuat oleh Lembaga Pengarah UiTM Holdings. Betul?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Betul YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi bagaimana dengan yang selepas itu, yang dilantik punya setiausaha syarikat? Kenapa pembayaran perkhidmatan mereka tinggi sangat? Adakah itu kerana mereka bukan sahaja untuk UiTM Holdings tetapi untuk memberikan perkhidmatan kepada semua anak syarikat?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Betul YB. Sebelum lantikan *our own employee*, syarikat yang dilantik adalah syarikat Prudence. Mereka menjadi *company secretary* untuk semua anak syarikat UiTM Holdings termasuk *dormant companies*. *So, bila kita lantik our own staff, we reduce the cost.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *How much you reduce?*

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: *A lot YB. On the monthly basis, the corporate companies secretaries charging us RM20,000 a month for I think about 14 companies altogether. With the employee, we pay her RM3,500 to RM4,000 a month, as an employee.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, terima kasih. Datuk Naib Canselor, saya merujuk kepada *your premise* di Sungai Buloh, Pusat Pakar Perubatan UiTM. Tadi dikatakan ia yang tinggal hanya untuk jantunglah ya. Saya rasa mungkin Dr.

Khalid punya legasi? Almarhum Dr. Khalid punya legasi. So, adakah itu melibatkan pembedahan selain daripada *investigation, angiogram* dan sebagainya? [Disampuk] Memang nak dicadangkan pindah ke Puncak Alam kah atau *going to be* di-sub kan kepada *your PSC*?

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: YB, jawapan ringkas saya tadi, *that is the thing that we are now looking at the best solution how to move forward with whatever investment we have made to that place* dan kapasiti yang ada pada *our private wing* yang melaksanakan tugas. Maknanya, *if it is viable for that centre to continue, yes, we will do that and* tentu kadar sewaan yang akan ditingkatkan dan *niche services* juga akan dikenal pasti sebab kita tak nak *overlap* dengan HASA di Shah Alam.

So, I can't answer you definitely now because we have not gone through the whole process of reevaluating and reassessing what is the most viable solution for us to move forward. Tapi untuk menjawab sedikit, kalau Pegawai Pendaftar ada maklumat lanjut ataupun— di peringkat saya itulah jawapan saya *because we have not settled in terms of defining the exact business.* Contohnya, kami ada *multiple wings on education, do we merge all of them? The use of online learning and facilities* yang kita ada di kampus utama, *how do we extend that to our holdings so that they can deliver their services better and help them actually to make the first million that they should have been making.* Itu memang dalam proses yang sedang kami lakukan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Wangsa Maju. Wangsa Maju, *then* inilah, Bayan Baru.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Okay, coming back to UiTM Holdings dengan subsidiaries ya. Just nak reaffirm the fact that* semua perniagaan yang diceburi di empat-empat sektor itu telah melalui— *business model* telah melalui proses yang diperlukan yakni pembentangan dalam jawatankuasa, pembentangan di dalam lembaga pengarah dan diluluskan dah pelaksanaan dia. *I just like to—* dia di minit dekat sini sama ada proses itu telah berlaku ataupun tidak? Itu soalan pertama. Ada soalan susulan.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Okey Yang Berhormat, *all the business model* hari ini, ketika ini, *energy, healthcare,* teknologi dan kreatif *have gone through the process of approval both at* Lembaga Pengarah UiTM dan juga UiTM Holdings Board. *That has gone through.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, soalan susulan— terima kasih. Soalan susulan, *specifically on the energy sector, that mean quite significant amount been invested* dalam *energy sector. But it does not show real revenue* yang kita

expect. So, where is the flaw dalam business model dalam energy sector ini? That means you are not making the numbers. Have you identified what are the reasons? Saya nampak kalau technical wise, we talked about cable kena makan tikus. That means the cable might not be armored, cable being supplied. Could that be a reason for the flaw in terms of the implementation of this project?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: *Okey. Yang Berhormat, our energy business, there's three businesses. The large scale solar in Gambang, large scale solar in Pasir Gudang and rooftop solar. The one in Gambang was under LSS Phase 1. It was the first batch of LSS in Malaysia. So, at that point of time the technology in dissent solar farm for this concern is very infant, in very infant stage. We got into that project, we won. Kita masuk tender dengan Securities Commission, we won it. We executed a Power Purchase Agreement with Tenaga and we financed most of the project with sukuk issuance from UiTM Holdings.*

Now fast forward to where we are today, obviously there's technology advancement in terms of solar panel technology. What we learnt from our experience so far in Gambang, we believe that the whole designing of the project could be better. That is what we see in Gambang.

And we also realize that when we have ladang solar di Pantai Timur, kita terdedah kepada musim monsoon yang November, Disember and part of Januari, the kadar pancaran sinar matahari itu amat kurang. It is musim hujan. So, we learn that kita punya income terjejas pada ketika monsoon season.

Again, seperti yang dibangkitkan dalam penemuan Audit, in terms of soil erosion. Those are pada kami masalah operasi yang kita kena handle, kena uruskan because you couldn't imagine 300 acres of land without a single tree in between. In the case of Gambang, kita ada sungai di tengah-tengah kawasan solar farm kita. So, soil erosion is expected to happen and kita ambil langkah-langkah operasi yang mencukupilah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Just a response to that lah. Maknanya itu yang saya duk fikir. When you do project in the East Coast. Northeast Monsoon has been there for ages, and you found that "Okay, North East Monsoon we got three months, lebih kurang with not sufficient sunlight". That kind of business model, I think something a flaw in terms of business model from my perspective lah. That means come out with proposal to do solar punya farm, East Coast. Now you found that okay, during the Northeast Monsoon three months not sufficient sunlight and because of that affect your revenue et cetera.*

So, daripada *what have been explained*, daripada *what is being tabled in this proceeding*, dia ada *some flaw pada pandangan saya in terms of the business that you are undertaking*. Just put a note on that lah. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum Bayan Baru, ada soalan susulan daripada Shah Alam. *Then* saya bagi kepada Bayan Baru.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Berkenaan dengan syarikat yang dorman, yang akan ditutup, empat syarikat yang disebutkan. Salah satunya ialah UiTM Hospitality Management Services. So, saya nak tahu *business* apa yang dijalankan? Adakah dia melibatkan hotel UiTM ataupun yang lain-lain? Kalau yang lain, apakah kedudukan hotel UiTM itu kerana ia pun adalah merupakan bidang hospitaliti juga. Kemudian ada satu lagi yang Intekma Resort. Adakah UiTM mempunyai apa-apa pegangan di Intekma Resort? Apa hala tuju kepada Intekma Resort?

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn Bhd]: Yang Berhormat, *specifically to* UiTM Hospitality Management Sdn Bhd, syarikat ini adalah syarikat yang *management company* untuk Intekma Resort suatu ketika dahulu. Memang betul UiTM Holdings yang menjalankan operasi pengurusan Intekma Resort pada ketika itu tapi bila bangunan Intekma Resort itu diserahkan kembali kepada UiTM sebagai pemilik, UiTM Hospitality Management menjadi syarikat dorman dan tidak ada lagi aktiviti di situ melainkan *operating expenses* yang kecil-kecil lah.

Oleh sebab itu, Lembaga Pengarah UiTM mengambil keputusan untuk menutup syarikat-syarikat ini. Di pihak UiTM Holdings, kami menjalankan satu *diligence* daripada segi *tax benefit* yang kita boleh pakai. Perkara itu telah dibentangkan di LPU dan kami akan— dibentangkan di *holdings board*. Kemudian kami akan *execute the necessary action* selepas itu. Untuk status Intekma Resort, saya rasa saya serahkan kepada Datuk VC.

■1300

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: Okey YB, saya punya jawapan tadilah, maknanya memang keseluruhan. Ini yang saya maksudkan tadi. *There are a lot actually on the plate that we are still looking at, where it should be going*. Tapi saya kena jawab juga untuk hotel kita itu adalah sebenarnya *that is our teaching hospital— teaching hotel, sorry*. [Ketawa] *Because*, itu model yang kami buat, maknanya keterlibatan kepada fakulti yang menguruskan pengajian perhotelan dan perkhidmatan. *That is their training ground lah*. So, *it's a different outfit from INTEKMA and so on*. Tapi *coming back to where the future is*, memang kami dalam proses melihat keseluruhannya. *I'm very sorry* YB

Datuk Wira, *I cannot give a definite answer today. Because, one thing is that, I'm only 33 days in the office. I'm not using that as an excuse. I try to pick up as much as I can, but looking at how things are on the ground, I'm very confident that there's ways to move forward to make everything actually viable.*

I do also agree with some of the opinion that some of the business model that was put before was not quite thoroughly thought– Itu yang kami concern lah. Now, proses yang akan berlaku adalah pertama di peringkat Holdings akan go through dan mereka bawa ke peringkat Lembaga Universiti juga. We'll go through another round of a rigorous assessment of the business model as we just proposed. So, that not to expose the Holdings and university to any liability yang tidak sepatutnya berlaku. Itu jawapan saya. Minta maaf YB, kalau tidak terperinci sangat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya ingin tanya UiTM sebab kita nampak daripada Laporan Audit, *page 304. [Merujuk kepada senaskhah dokumen]* Dia kata sebenarnya Holdings- Lembaga Pengarah UiTM Holdings memberi cadangan untuk tutup 10 syarikat subsidiarinya. Tetapi UiTM pula, LPU pula tidak meluluskan pelan hala tuju tersebut. Hanya membuat keputusan untuk tutup empat syarikat saja. *So, I want to know why?* Okey. Kenapa yang *tak* fungsi, sudah rugi, *nak* tutup? Tetapi LPU pula tidak tutup. Kedua, saya *nak* memberi sedikit komenlah. Kita memang harap ada hala tuju baharu, *you know, move forward. But, move forward to me in– It is problematic. Because, we are–* Okey, saya nampak bahawa *in the spirit of move forward*, kita tidak apa ini- *take action on the* apa yang telah berlaku, kesalahan yang telah berlaku. *It's unfair to blame the new VC ya and juga unfair to blame whoever* yang baru.

Tapi selalunya kalau syarikatlah, kita tahu kalau bahawa dari dunia syarikat, kalau syarikat tidak *perform or something, the CEO will be changed. Because that's– I mean, there is a responsibility.* Kebertanggungjawaban itu. *Someone has to be hold responsibility.* Okey, kita sini nampak bahawa banyak kerugian. *Someone has to be responsible.* Tetapi saya *tak* pastilah *who is responsible? Maybe the VC must look into. Because, it has to serve as a lesson.* Kalau tidak, *the new team comes in and then, they see that we can do the same.* Okey. *After that, we– Again, we move forward. [Ketawa]* *So, the government continues to move forward* tetapi tidak ada kebertanggungjawaban itu. Terima kasih.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: YB Datuk Wira, kalau izinkan saya respons. *Even our* Majlis Eksekutif *decision today on our discussion*, semua kes-kes yang telah ditemukan dengan semua tindakan pelaporan kes mahkamah akan diumumkan kepada dalam warga. *So, that people know what the management has been doing. How many cases have*

been referred to SPRM. How many cases yang kita dah rujuk kepada suruhanjaya. Because, that was not the amalan sebelum ini. So, moving forward, saya totally agree. Things has to change, but menjawab kepada siasatan, ya YB, pelbagai peringkat. In fact, sebenarnya Lembaga telah pun membuat keputusan supaya satu jawatankuasa khas dalaman akan ditubuhkan. The Board is yet to meet lah. Tapi dalam perbincangan kami, dalaman apa– Kumpulan perbincangan atas talian telah pun membuat keputusan bahawa satu jawatankuasa di peringkat Lembaga akan ditubuhkan.

*Who is the composition? I'm not in the position to inform, because it depends on the Chairman and the Board itself. I'm just there as a member. Maknanya, dari segi kecaknaan di peringkat pengurusan dan di peringkat Lembaga dalam memastikan perkara ini tidak berulang adalah satu komitmen yang jitu yang telah kami berikan untuk memastikan organisasi ini dapat bergerak ke hadapan dengan memastikan ia tidak membawa *baggage* yang terdahulu. Juga memastikan pelantikan adalah melantik orang yang kompeten dan amanah. Itu *charter* yang saya selalu nyatakan pada pihak pengurusan dan untuk itulah pelantikan di peringkat Holdings juga– Bukanlah saya *nak* kata *that's why* yang ada ini pun memangku lagi. [Ketawa] But maknanya, we want to be very sure that the person that is given the responsibility, can deliver to the organization. Itu saja yang saya boleh memberi keyakinan kepada PAC, YB.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: *Itu saya terpaksa minta bantuan. Do you have the info? I don't have with me now. Unless my committee also can–* Dicadangkan 10, kita tutup empat saja.

Encik Farisan bin Mokhtar [UiTM Holdings Sdn. Bhd.]: *We actually suggested most of the dormant company to be closed down sebab atas faktor expenses. Kami nak mengurangkan perbelanjaan untuk syarikat-syarikat dorman. Walaupun tak ada aktiviti tapi kami still kena incurred, macam saya bagi contoh tadi, yuran untuk company secretary, yuran untuk audit dan sebagainya. Sebab syarikat itu pun tidak mempunyai aktiviti. Itu cadangan asal yang dibentangkan. Tapi dalam syarikat- dalam syarikat-syarikat yang dicadangkan itu, ada terdapat syarikat-syarikat yang telah dilaporkan kepada SPRM dan dinasihatkan untuk biarkan syarikat itu as on as is basis. Sekiranya berlaku siasatan yang lebih lanjut daripada pihak berkuasa.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dah tidak mempunyai soalan lanjut untuk*

perkara-perkara yang berbangkit dalam ini. Jadi, saya selaku Pengerusi PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian selaku TKSU KPT yang menjalankan fungsi Ketua Setiausaha. Juga, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin yang baru sebulan dua, empat hari apa nama ini– yang bertukar ke– sebagai VC di Universiti Teknologi Mara. Tahniahlah di atas- ke tempat baru. Masuk-masuk ke tempat baru sahaja, kena menghadap PAC.

Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @Sahibuddin [Universiti Teknologi Mara]: Terima kasih YB. Kalau tersasul sebut UTM tadi, minta maaf.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Ya dan Yang Berusaha Encik Farisan bin Mokhtar - pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UiTM Holdings dan Dr. Haezar bin Ismail - Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Holdings. Jadi, terima kasih di atas komitmen yang diberikan serta jawapan-jawapan dan penerangan yang diberikan. Juga, penambahbaikan, pembetulan, apa juga yang telah dilakukan. Saya harap ada pemantauan ya. Pemantauan supaya apa juga teguran ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Ahli PAC dapat diberikan perhatian untuk UiTM terus memacu kejayaan cemerlang pada masa hadapan. *Insyah-Allah*. Jadi, saya ucapkan sekali lagi terima kasih. Kita tangguhkan prosiding kita pada jam 1.08 petang. Terima kasih semua.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.08 tengah hari]




DOKUMEN PEMBENTANGAN



**MESYUARAT PRA PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2022**

Tarikh : 6 Disember 2023 (Rabu) | Masa : 10.00-11.00 Pagi
Tempat : Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2
Blok Utama Bangunan Parlimen



MESYUARAT PRA PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022

UiTM HOLDINGS SDN. BHD.

(TELAH DIBENTANGKAN DI HADAPAN DEWAN RAKYAT PADA 22 NOVEMBER 2023)



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



LATAR BELAKANG



MANDAT

Mencipta **kekayaan** kepada UiTM; mencipta **peluang pelaburan**; & tingkat kedudukan strategik perniagaan

OBJEKTIF PENUBUHAN

Syarikat pegangan dan **membuat pelaburan** atau memegang saham, debentur, pinjaman, bon dan sebagainya

MODEL PERNIAGAAN


Berteraskan keuntungan bagi tujuan memberi **pulangan kepada UiTM**

AKTIVITI UTAMA

Pelaburan dalam syarikat subsidiari



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
(Kementerian Kawal Selia)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

RM259.98 juta
Suntikan Modal



14 Subsidiari
(8 aktif, 6 dorman)



Tenaga



Teknologi

4 bidang
perniagaan

Penjagaan
Kesehatan



Kreatif





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan untuk menilai pencapaian mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings melalui:

- Pengurusan aktiviti pelaburan dalam syarikat subsidiari dengan teratur, cekap dan berkesan.
- Amalan tadbir urus korporat yang baik.
- Kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.



SKOP PENGAUDITAN

Pengurusan Aktiviti

- Prestasi Aktiviti Pelaburan (Pencapaian Output & Keberhasilan)
- Pengurusan Aktiviti Pelaburan

Tahun 2019 – Mac 2023

Kedudukan Kewangan

- Analisis penyata kewangan beraudit

Tahun 2019 –2022

Tadbir Urus Korporat

- Pengerusi
- Ketua Pegawai Eksekutif
- Setiausaha Syarikat
- Lembaga Pengarah
- SOP
- Pelan Strategik
- Jawatankuasa Audit
- Audit Dalaman
- Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

Tahun 2019 – Mac 2023



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



RINGKASAN PENEMUAN AUDIT



PRESTASI AKTIVITI PELABURAN

Pencapaian Output



1 Petunjuk Prestasi Utama

- KPI Kumpulan tidak dicapai (32% hingga 46%) bagi tahun 2019 - 2022

2 Prestasi Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

- Penjejasan nilai pelaburan RM64.63 juta (52%)
- Prestasi kewangan syarikat subsidiari aktif kurang stabil kecuali bidang perniagaan Tenaga
- Pulangan dividen atas pelaburan tidak memuaskan kerana hanya 4 syarikat subsidiari membayar dividen

3 Prestasi Kewangan Kumpulan UiTM Holdings

- Kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai dan kerugian terkumpul yang meningkat dari tahun 2021 (RM92.44 juta) hingga 2022 (RM111.28 juta)

Pencapaian Keberhasilan



1 Pulangan Dividen Tahunan Kepada UiTM

- Keberkesanan suntikan modal signifikan oleh UiTM bagi tempoh tahun 2017 hingga 2022 belum dapat dinilai melalui pulangan dividen kerana kedudukan kewangan UiTM Holdings yang kurang stabil bagi tempoh tersebut

2 Penjimatan Kos Tenaga Elektrik UiTM

- Penjimatan kos tenaga elektrik kepada UiTM sebanyak 10% berjumlah RM0.53 juta melalui projek tenaga solar bumbung



RINGKASAN PENEMUAN AUDIT

PENGURUSAN AKTIVITI PELABURAN

2

Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga

- Pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri belum diselesaikan dan dikenakan cukai tanah dan denda RM14.69 juta (UiTM Solar Park I)
- Hakisan tanah di UiTM Solar Park I dan UiTM Solar Park II
- Pemasangan kabel projek UiTM Solar Park II tidak cekap menyebabkan masalah haiwan perosak
- Kerja pembaikan kerosakan kabel akibat projek ECRL masih dalam tindakan
- 41% aduan kecacatan pembinaan solar bumbung belum diselesaikan
- Pemasangan peralatan solar bumbung tidak teratur kerana risiko keselamatan

3

Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan

- Penyediaan perkhidmatan doktor pakar dan penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran
- Perjanjian sewa bangunan hospital belum ditandatangani dan penyenggaraan kurang memuaskan
- Pelaksanaan hala tuju strategik hospital belum mencapai sasaran kerana tiada koordinasi antara UiTM dan Syarikat

4

Hala Tuju Strategik Pelaburan

- Pelan hala tuju strategik disediakan dengan teratur

1

Suntikan Modal Oleh UiTM

- RM259.98 juta suntikan modal tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan yang tidak selaras dengan Akta 173



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



RINGKASAN PENEMUAN AUDIT



TADBIR URUS KORPORAT

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan 

Prosedur Operasi Standard 



Pengerusi



Lembaga Pengarah



Setiausaha Syarikat



Pelan Perniagaan dan KPI



Jawatankuasa Audit dan Risiko



Audit Dalam



Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



STATUS AG'S DASHBOARD



Dalam Tindakan

16



Selesai

1



1

Pengurusan Aktiviti – Pelesenan Hospital Swasta

1 Pencapaian Output - Petunjuk Prestasi Utama

2 Pencapaian Keberhasilan – Pulangan Dividen Tahunan kepada UiTM

3 Pengurusan Aktiviti – Suntikan Modal oleh UiTM

4 Pengurusan Aktiviti – Pertukaran Syarat Nyata Tanah

5 Pengurusan Aktiviti – Hakisan Tanah di UiTM Solar Park I

6 Pengurusan Aktiviti – Hakisan Tanah di UiTM Solar Park II

7 Pengurusan Aktiviti – Pemasangan Kabel

8 Pengurusan Aktiviti – Jaminan Perlindungan Projek

9 Pengurusan Aktiviti – Aduan Kecacatan Pembinaan Projek Solar Bumbung

10 Pengurusan Aktiviti – Keselamatan Peralatan Projek Solar Bumbung

11 Pengurusan Aktiviti – Keperluan Doktor Pakar

12 Pengurusan Aktiviti – Penggunaan Peralatan Perubatan Utama

13 Pengurusan Aktiviti – Sewaan & Penyenggaraan Bangunan Hospital

14 Pengurusan Aktiviti – Pelaksanaan Hala Tuju UPSC

15 Pengurusan Aktiviti – Hala Tuju Strategik Pelaburan

16 Tadbir Urus Korporat



RUMUSAN AUDIT

- Mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings **masih belum tercapai**
- Amalan tadbir urus korporat **kurang memuaskan**
- Kedudukan kewangan Kumpulan **kurang stabil**

1

PRESTASI AKTIVITI PELABURAN

Pencapaian Output

- ▶ Petunjuk Prestasi Utama **Tidak memuaskan**
- ▶ Prestasi pelaburan dalam syarikat subsidiari **Tidak memuaskan**
- ▶ Kedudukan kewangan Kumpulan UiTM Holdings **Kurang stabil**

Pencapaian Keberhasilan

- ▶ Pulangan dividen kepada UiTM **Belum dapat dinilai**
- ▶ Penjimatan kos tenaga elektrik UiTM **Berkesan**

2

PENGURUSAN AKTIVITI PELABURAN

- ▶ Suntikan modal oleh UiTM **Tidak Teratur**
- ▶ Aktiviti pelaburan dalam Bidang Perniagaan Tenaga **Kurang Cepak**
- ▶ Aktiviti pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan **Tidak Cepak**
- ▶ Hala tuju strategik pelaburan **Teratur**

3

TADBIR URUS KORPORAT

- ▶ 7 daripada 9 elemen tidak diamalkan sepenuhnya **Kurang memuaskan**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA



SYOR AUDIT



- 1 **Lembaga Pengarah UiTM Holdings** perlu memantau pencapaian KPI syarikat.
- 2 **Pengurusan UiTM** perlu memastikan sebarang suntikan modal kepada syarikat subsidiari UiTM perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan.
- 3 **Pengurusan UiTM dan UiTM Holdings** perlu menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah UiTM Solar Park I.
- 4 **Pengurusan UiTM Holdings** perlu menyelesaikan masalah hakisan tanah; pemasangan kabel dan aduan kecacatan pembinaan projek solar.
- 5 **LPU dan pengurusan UiTM** perlu menyelesaikan dengan segera masalah dan kelemahan dalam pengurusan operasi UPSC.
- 6 **LPU dan Lembaga Pengarah UiTM** perlu memastikan hala tuju Kumpulan UiTM Holdings yang jelas.
- 7 **Lembaga Pengarah UiTM Holdings** perlu menambah baik amalan tadbir urus korporat.



**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

UiTM HOLDINGS GROUP OF COMPANIES

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN –
UiTM HOLDINGS SDN. BHD.**



SENARAI PENEMUAN AUDIT

*Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 - UiTM Holdings Sdn. Bhd terdapat **17** penemuan audit yang dilaporkan. **1** penemuan audit telah **selesai** dan masih berbaki **16** yang masih **dalam tindakan***

Kluster	Tajuk Isu
Penilaian Prestasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian Output - Petunjuk Prestasi Utama • Pencapaian Keberhasilan - Pulangan Dividen Tahunan Kepada UiTM
Suntikan Modal Oleh UiTM	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Aktiviti Pelaburan - Suntikan Modal Oleh UiTM
Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Tenaga - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar : Pertukaran Syarat Nyata Tanah • Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Hakisan Tanah Di Kawasan Projek UiTM Solar Park I Di Gambang, Pahang • Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Hakisan Tanah Di Kawasan Projek UiTM Solar Park II Di Pasir Gudang, Johor • Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Pemasangan Kabel • Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Jaminan Perlindungan Projek • Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Bumbung - Aduan Kecacatan Pembinaan Projek • Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Bumbung - Perlindungan Dan Keselamatan Peralatan Projek Solar Bumbung
Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Penjagaan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Keperluan Doktor Pakar • Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Penggunaan Peralatan Perubatan Utama • Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Sewaan Dan Penyenggaraan Bangunan Hospital • Aktiviti Pelaburan Dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Pelaksanaan Hala Tuju UPSC • Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Pelesenan Hospital Swasta- SELESAI
Hala Tuju Strategik Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Hala Tuju Strategik Pelaburan • Tadbir Urus Korporat

KLUSTER 1 – PENILAIAN PRESTASI

Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.1.1. Pencapaian Output - Petunjuk Prestasi Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>KPI tidak memuaskan (2019-2022), 32% - 46%</i> • <i>Pencapaian KPI Kumpulan UiTM tidak dilapor, dibentang dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.</i> 	<p>Bermula 2021, Pengurusan UiTM Holdings telah membentangkan pencapaian KPI Kewangan (sebahagian daripada KPI yang telah ditetapkan) pada setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah UiTM Holdings untuk pemantauan.</p> <p>Pengurusan UiTM Holdings akan terus memantau pencapaian syarikat subsidiari melalui kemajuan laporan bulanan yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan Laporan Suku Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kepada Ahli Lembaga Pengarah UHSB . Lampiran A- Ekstrak Laporan Suku Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</p> <p><i>KPI Scorecard telah</i> disediakan bagi menilai pencapaian syarikat bagi tahun 2023 yang akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada suku pertama tahun 2024.</p>
<p>5.2.1.-Pencapaian Keberhasilan - Pulangan Dividen Tahunan kepada UiTM</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>UiTM Holdings telah mencatat keuntungan selepas cukai dan baki tunai mencukupi bagi tahun 2010, 2011 dan 2016, namun tiada dividen dibayar kepada UiTM.</i> 	<p>Keputusan pembayaran dividen adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat berdasarkan kepada keadaan semasa kewangan dan kestabilan syarikat.</p> <p>Berdasarkan kekedudukan kewangan pada tahun 2010, 2011 dan 2016, Lembaga Pengarah UHSB telah membuat keputusan bahawa dividen belum boleh dibayar.</p> <p>Pelan Hala Tuju Strategik Kumpulan UiTM Holdings telah menyasarkan pulangan dividen kepada UiTM berjumlah RM6.78 juta setiap tahun bermula tahun 2026 (tertakluk kepada tarikh kelulusan).</p>

UiTM HOLDINGS GROUP OF COMPANIES



GROUP CEO'S REPORT Q3 2022

Presentation to:
Board of Directors
 UiTM Holdings Sdn Bhd

By:
Muhammad Mubarak Ishak
 Group Chief Executive Officer
 UiTM Holdings Sdn Bhd


25th October 2022

© 2022 by UiTM Holdings Sdn Bhd Group of Companies. All rights reserved. Confidential.



ENERGY DIVISION

YTD-Sept 2022 Performance Update – Actual vs Budget




MAIN HIGHLIGHTS

- **USP I re-energisation at 100% capacity commenced on 10th August 2022** and the plant began exporting to the Tenaga Nasional Berhad (TNB) grid on 11th August 2022; **obtained revenue of RM6.71 mil** as of Sept.
- **USP-II performed slightly below budget** with YTD generation of **revenue RM10.94 mil vs RM11.59 mil.**
- **Rooftop solar generated marginally lower in revenue generation of RM2.57 mil against budget of RM2.68 mil.**
 - This performance was for 6 campuses excluding UiTM Alor Gajah.


ENERGY DIVISION

YTD-Sept 2022 Performance Update – Actual vs Budget



MAIN HIGHLIGHTS

- **USP I re-energisation at 100% capacity commenced on 10th August 2022** and the plant began exporting to the Tenaga Nasional Berhad (TNB) grid on 11th August 2022; **obtained revenue of RM6.71 mil** as of Sept.
- **USP-II performed slightly below budget** with YTD generation of **revenue RM10.94 mil vs RM11.59 mil.**
- **Rooftop solar generated marginally lower in revenue generation of RM2.57 mil against budget of RM2.68 mil.**
 - This performance was for 6 campuses excluding UiTM Alor Gajah.



KLUSTER 2 – SUNTIKAN MODAL OLEH UiTM

Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas (Julai 2023)
<p>5.3.1. PENGURUSAN AKTIVITI PELABURAN - Suntikan Modal oleh UiTM</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Suntikan modal sebanyak RM259.98 juta tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan.</i>• <i>Perincian penggunaan/perbelanjaan bagi suntikan modal tidak dapat dikemukakan untuk semakan audit memandangkan penyelenggaraan dokumen yang tidak teratur bagi tahun-tahun sebelum 2022.</i>	<p>Penubuhan UiTM Holdings Sdn Bhd telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dalam surat rujukan KK/BKI(S)10/72 Jld.3 (7) bertarikh 18 Januari 2008 (<i>Lampiran B</i>) yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan surat pemakluman Kelulusan Penubuhan UiTM Holdings Sdn Bhd dari Jabatan Pendidikan Tinggi kepada Naib Canselor UiTM dalam surat rujukan JPT.S(G)2000/021/05/03 Jld.2(3) bertarikh 28 Januari 2008 (<i>Lampiran C</i>).</p> <p>Penubuhan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertanggungjawab menyelia aktiviti dan kemajuan UiTM Holdings melalui wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings;UiTM Holdings beroperasi sebagai entiti berasingan supaya UiTM sebagai sebuah universiti tidak dibebankan dengan sebarang tanggungan dalam apa jua bentuk jika UiTM Holdings menemui kegagalan;UiTM dan UiTM Holdings haruslah mematuhi Garis Panduan Penubuhan Syarikat IPTA serta Garis Panduan <i>Malaysia Code on Corporate Governance</i>;Modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan;Kakitangan UiTM Holdings dibiayai oleh syarikat tersebut dan terasing dari kakitangan UiTM; danPeraturan penglibatan kakitangan UiTM dalam melaksanakan tugas UiTM Holdings hendaklah diadakan bagi memastikan penglibatan mereka tidak mengganggu tugas asal di UiTM. <p>UiTM berpandangan tiada keperluan bagi mendapatkan kelulusan MOF bagi suntikan modal kerana dibiayai daripada sumber dalaman selaras dengan ketetapan dalam surat MOF kepada KPT bertarikh 18 Januari 2008.</p>

Lampiran B - Surat kelulusan Penubuhan UiTM Holdings Sdn Bhd (dari MOF kepada KPT)

10/03 2008 16:04 FAX 603 88895520 PEJ TRP AWAM 002
TeL : 03-8882 3700
Telex : FEDTRY MA 32369
Cable : TREASURY K.L.
Fax : 03-8882 3869
Web : http://www.treasury.gov.my

(MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA)
BAHAGIAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN
TINGKAT 4, BLOK SELATAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PRESINT 2, PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

KK/BKI(S)10/72 Jld.3 (7)
18 Januari 2008

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Bin Said
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Tingkat 1-3, Blok ES, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr.,
Permohonan Universiti Teknologi MARA Untuk Menubuhkan UiTM Holdings Sdn Bhd

Dengan hormatnya saya dirah merujuk kepada surat Y. Bhg Dato' Prof. Dr. bil. JPT.S(G) 2000/021/05/03 Jld 2 (1) bertarikh 3 Oktober 2007 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan permohonan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menubuhkan UiTM Holdings Sdn Bhd selaras dengan Akta UiTM 1976 di bawah Seksyen 4A(1)(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertanggungjawab menyelia aktiviti dan kemajuan UiTM Holdings melalui wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings;**
- UiTM Holdings beroperasi sebagai entiti berasingan supaya UiTM sebagai sebuah universiti tidak dibebankan dengan sebarang tanggungan dalam apa jua bentuk jika UiTM Holdings menemuai kegagalan;**
- UiTM dan UiTM Holdings haruslah mematuhi Garis Panduan Penubuhan Syarikat IPTA serta Garis Panduan Malaysia Code on Corporate Governance;**
- Modal perniagaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai dari sumber Kerajaan;**

24 JAN 2008
TERIMA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA


10/03 2008 16:05 FAX 603 88895520 PEJ TRP AWAM 003
09:42 FAX 003

- Kakitangan UiTM Holdings dibiayai oleh syarikat tersebut dan terasing daripada kakitangan UiTM; dan**
- Peraturan penglibatan kakitangan UiTM dalam melaksanakan tugas UiTM Holdings hendaklah diadakan bagi memastikan penglibatan mereka tidak mengganggu tugas asal di UiTM.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(Dato' Noorizan Binti Sharif)
Bahagian Kawalan dan Pemantauan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan


s.k :

Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
Aras 6, Canseleri Tuariku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Float File

Lampiran C - Surat kelulusan Penubuhan UiTM Holdings Sdn Bhd (dari KPT kepada UiTM)

19-MAR-2008 15:48 FROM UiTM SHAH ALAM TO 955227818
55227010

 **JABATAN PENGAJIAN TINGGI**
DEPARTMENT OF HIGHER EDUCATION
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA
Tingkat/Level 1-3, Blok/Block E9, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Federal Government Administrative Centre
62505 PUTRAJAYA MALAYSIA

Tel/Fax : (603) 8863 5944
Faks/Fax : (603) 8889 4240 (L1)
(603) 8889 4258 (L2)
(603) 8889 4119 (L3)
Laman Web : <http://www.moh.gov.my>
Website

Ruj Kami : JPT.S(G)2000/021/05/03 Jld 2(3)
Tarikh : 18 Januari 2008

Y.Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim bin Abu Shah
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN


Y.Bhg. Dato' Seri,

KELULUSAN PENUBUHAN UiTM HOLDINGS SDN BHD

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 18 Januari 2008 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan permohonan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menubuhkan UiTM Holdings Sdn Bhd selaras dengan Akta UiTM 1976 di bawah seksyen 4A (1)(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertanggungjawab menyelia aktiviti dan kemajuan UiTM Holdings Sdn Bhd melalui wakil KPT dan Lembaga Pengarah UiTM Holdings;
- UiTM Holdings beroperasi sebagai entiti berasingan supaya UiTM sebagai universiti tidak dibebankan dengan sebarang tanggungan dalam apa jua bentuk jika UiTM Holdings menemui kegagalan;
- UiTM dan UiTM Holdings haruslah sentiasa mematuhi Garis Panduan Penubuhan Syarikat IPTA serta Garis Panduan Malaysia Code on Corporate Governance;
- Modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai dari sumber Kerajaan;



v) Kakitangan UiTM Holdings dibiayai oleh syarikat tersebut dan terasing daripada kakitangan UiTM; dan


vi) Peraturan penglibatan kakitangan UiTM dalam melaksanakan tugas UiTM Holdings hendaklah diadakan bagi memastikan penglibatan mereka tidak mengganggu tugas asal di UiTM.

3. Bersama ini disertakan sesalinan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk rujukan pihak Y.Bhg. Dato' Seri.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Ikhlas,



(DATO' PROF. DR. HASSAN BIN SAID)
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi



KLUSTER 2 – SUNTIKAN MODAL OLEH UiTM (samb...)


Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.3.1. PENGURUSAN AKTIVITI PELABURAN - Suntikan Modal oleh UiTM</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Suntikan modal sebanyak RM259.98 juta tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan.</i>• <i>Perincian penggunaan/perbelanjaan bagi suntikan modal tidak dapat dikemukakan untuk semakan audit memandangkan penyelenggaraan dokumen yang tidak teratur bagi tahun-tahun sebelum 2022.</i>	<p>Berdasarkan surat tersebut, MOF telah meluluskan penubuhan UiTM Holdings dan tertakluk kepada syarat antaranya modal permulaan dan pembiayaan aktiviti UiTM Holdings tidak dibiayai oleh sumber kerajaan.</p> <p>Oleh itu, UiTM mengambil pendekatan tidak merujuk semula kepada MOF bagi suntikan modal seperti ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaburan untuk IPTA April 2004.</p> <p>Kenyataan di atas adalah selaras dengan pandangan Penasihat Undang-Undang UiTM di dalam suratnya dengan rujukan 100-PUU (14/3/42) bertarikh 29 Jun 2020 bertajuk Pandangan Perundangan Mengenai Pemberian Suntikan Modal/RCPS-i Kepada Anak Syarikat. (Lampiran D)</p> <p>Isi kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:</p> <p>Pejabat Penasihat Undang-Undang telah dipanjangkan berkenaan pertanyaan tentang is suntikan modal secara <i>Islamic Redeemable Preference Shares</i> (RCPS-i) kepada anak syarikat UiTM, serta keperluan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Setelah diteliti, Pejabat ini berpandangan seperti berikut :-</p> <ol style="list-style-type: none">a. Eksekutif korporat RCPS-i ini difahamkan adalah melibatkan pengubahan dari pinjaman yang diberikan oleh UiTM kepada UiTM Holdings Sdn Bhd ("UHSB"), kepada saham di dalam UHSB yang disebutkan sebagai RCPS-i tersebut.b. Keseluruhan eksekutif korporat RSPS-i tersebut hanya menggunakan dana dan perbelanjaan dari sumber dalaman UiTM sahaja.c. Kelulusan Kementerian Kewangan ("MoF") berkaitan UHSB ini pada asalnya adalah seperti pada surat MoF yang bertarikh 18.1.2008, yang mana pada ketika kelulusan diberikan untuk penubuhan USB ini, pihak MoF telah inter alia menetapkan supaya :- <p style="text-align: center;">"Modal pembiayaan dan pembiayaan aktiviti UHSB tidak dibiayai dari sumber Kerajaan."</p>d. Selaras dengan kelulusan oleh MoF tersebut, segala aktiviti dan eksekutif korporat bagi UHSB ini adalah tidak terhalang untuk diadakan selagi mana sumber Kerajaan tidak digunakan.e. Oleh yang demikian, Pejabat ini berpandangan bahawa tiada keperluan untuk kelulusan MoF yang berasingan terhadap langkah eksekutif korporat RCPS-i ini, selagi mana hanya menggunakan sumber/dana dalaman UTM, dan ini juga adalah selaras dengan maksud dan semangat skop kelulusan MoF tersebut.f. Hanya sekiranya dana dan perbelanjaan UHSB ini menggunakan sumber dari Kerajaan sahajalah baru keperluan untuk kelulusan MoF yang berasingan adalah diperlukan

Lampiran D - Pandangan Perundangan Mengenai Pemberian Suntikan Modal/RCPS-i Kepada Anak Syarikat

www.uitm.edu.my

Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi
Penasihat Undang-Undang Universiti
Legal Advisor to the University
E-mail: shad247@uitm.edu.my
prof.shad.saleem.faruqi@gmail.com

Pejabat Penasihat Undang-Undang
Aras 6, Canselor Tunku Syed Saipuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : (+603) 5544 3366 / 2015
Faks : (+603) 5544 3480



Ruj. Kami : 100 - UiTM/CPU - 14/3 (4)
Tarikh : 12 Januari 2017
13 Rabi'ulawal 1438

Tuan Wan Hasmadi Wan Mohamed
Ketua Timbalan Bendahari
Bhg. Pengurusan Kewangan Korporat
Pejabat Bendahari
UiTM Shah Alam

Assalamu'alaikum wrt. wbt.

Tuan,

**PANDANGAN PERUNDANGAN BERKENAAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG KEPADA
UITM HOLDINGS SDN BHD**


Perbincangan dengan tuan pada 10.1.2017 tempoh hari berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pejabat ini telah dipanjangkan dengan pertanyaan tentang keteraturan langkah UiTM untuk memberikan pinjaman wang kepada UiTM Holdings Sdn Bhd. Atas pertanyaan tersebut, Pejabat ini berpandangan bahawa :-

- Tiada kekangan dari segi perundangan terhadap langkah pemberian pinjaman wang oleh UiTM kepada UiTM Holdings Sdn Bhd tersebut, kerana :-
 - Akta UiTM 1976 (Akta 173) tidak menggariskan bahawa pemberian pinjaman wang sebagai salah satu daripada perkara/tindakan yang memerlukan kelulusan Menteri Kewangan;
 - Akta Syarikat 1965 (Akta 125) tidak menggariskan sebarang larangan atau kekangan statutori bagi pinjaman wang dari pemegang saham kepada syarikat yang dimilikinya;
 - Pihak berkuasa, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan adalah dikecualikan dari pemakalan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) selaras dengan maksud s.2A(1)(a) nya.
- Namun, kelulusan bagi kebenaran pemberian pinjaman ini adalah disyorkan datang dari Lembaga Pengarah Universiti (LPU) sendiri, berikutan dari *nature* keputusan ini kelak yang akan membabitkan pengeluaran/pergerakan wang dari UiTM kepada pihak lain.
- Melainkan ada penurunan kuasa secara spesifik oleh LPU di bawah s.15 Akta 173, maka kelulusan pemberian pinjaman ini hendaklah dikeluarkan oleh pihak LPU sendiri.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,


SHAD SALEEM FARUQI
Penasihat Undang-Undang Universiti
.../n

JABATAN PENJAJAAN PPT
TELAH DIN
13 JAN 2017
PEJABAT PENL. & PPT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Terdahulu PPTU Prof. Madya Datuk Dr. Muzifah 03 5544 3340 | PPTU Undang-Undang (L&J) En. Shahrin Norzila 03 5544 3460 | PPTU Undang-Undang (L&J) Pn. Razanubari Asmaranah 03 5544 3223 | PPTU Pengajar Pn. Adlin Samadina 03 5544 3508 | Cik Nor Azila Maharam 03 5521 3620 | Pn. Nurfitriana Rahayu 03 5544 3482 | Setiausaha Pejabat Pn. Noor Aini Mazri 03 5544 3366 | PPTU (L&J) Pn. Napsiah Sahlan 03 5544 3483 | PPTU (Perundangan) Pn. Zaharah Zulkiflee 03 5544 3469 | Pn. Muzam Abu Mansor 03 5544 3549 | PPTU (L&J) En. Rahmah Ali | En. Mohd Afandi Mohammad Ridzai




Lampiran D - Pandangan Perundangan Mengenai Pemberian Suntikan Modal/RCPS-i Kepada Anak Syarikat

www.uitm.edu.my

Pejabat Penasihat Undang-Undang
Office of the Legal Advisor

Pejabat Penasihat Undang-Undang
Aras 6, Canseri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel : (+603) 5544 3366/3469
Faks : (+603) 5544 3480

 **UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Ruj. Kami : 100-Puu(14/3/42)
Tarikh : 29 Jun 2020
7 Zulkaedah 1441

Tuan Mohd Hezri Mohd Shafian
Penolong Bendahari Kanan
Jabatan Kewangan Korporat
Pejabat Bendahari
UiTM Shah Alam

Assalamu'alaikum wrt. wbt.

Tuan/Puan,

**PANDANGAN PERUNDANGAN MENGENAI PEMBERIAN SUNTIKAN MODAL/RCPS-I
KEPADA ANAK SYARIKAT.**

Emel tuan/puan bertarikh 24.6.2020 berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pejabat ini telah dipanjangkan berkenaan pertanyaan tentang isu suntikan modal secara Islamic Redeemable Preference Shares (RCPS-i) kepada anak syarikat UiTM, serta keperluan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Setelah diteliti, Pejabat ini berpandangan seperti berikut :-

(a) Eksekusi korporat RCPS-i ini difahamkan adalah melibatkan pengubahan dari pinjaman yang diberikan oleh UiTM kepada UiTM Holdings Sdn Bhd ("UHSB"), kepada saham di dalam UHSB yang disebutkan sebagai RCPS-i tersebut.

(b) Keseluruhan eksekusi korporat RCPS-i tersebut hanya menggunakan dana dan perbelanjaan dari sumber dalaman UiTM sahaja.

(c) Kelulusan Kementerian Kewangan ("MoF") berkaitan UHSB ini pada asalnya adalah seperti pada surat MoF yang bertarikh 18.1.2008, yang mana pada ketika kelulusan diberikan untuk penubuhan UHSB ini, pihak MoF telah *inter alia* menetapkan supaya :-

"Modal pembiayaan dan pembiayaan aktiviti UHSB tidak dibiayai dari sumber Kerajaan."

(d) Selaras dengan kelulusan oleh MoF tersebut, segala aktiviti dan eksekusi korporat bagi UHSB ini adalah tidak terhalang untuk diadakan selagi mana sumber Kerajaan tidak digunakan.

(e) Oleh yang demikian, Pejabat ini berpandangan bahawa tiada keperluan untuk kelulusan MoF yang berasingan terhadap langkah eksekusi korporat RCPS-i ini, selagi mana ianya menggunakan sumber/dana dalaman UiTM, dan ini juga adalah selaras dengan maksud dan semangat skop kelulusan MoF tersebut.


JABATAN KEWANGAN KORPORAT
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
29 JUN 2020

Ruj. Kami : 100 - Puu (14/3/42)
Tarikh : 29 Jun 2020
7 Zulkaedah 1441

(f) Hanya sekiranya dana dan perbelanjaan UHSB ini menggunakan sumber dari Kerajaan sahajalah baru keperluan untuk kelulusan MoF yang berasingan adalah diperlukan.

Sekian dimaklumkan untuk rujukan pihak tuan/puan selanjutnya, terima kasih.

Yang benar, ✓


PROF. MADYA DR. HAIDAR DZIYAUDDIN
Penasihat Undang-Undang Universiti
...../an



KLUSTER 3 – AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN TENAGA

Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.3.2.1.a.- Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Tenaga - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar : Pertukaran Syarat Nyata Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri masih belum diperoleh serta denda dam cukai tanah dikenakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan berjumlah RM14.69 juta (UiTM Solar Park 1)</i> 	<p>Permohonan awal dalam proses penukaran status tanah daripada insititusi kepada industri telah dibuat oleh pihak UiTM. Solusi yang terbaik ialah untuk mengekalkan status tanah ini sebagai status Institusi untuk kebaikan UiTM sebagai pemacu Penyelidikan dan Pembangunan Tenaga Boleh diperbaharui</p> <p>Dengan melaksanakan perkara ini pihak UiTM Holdings akan dikecualikan daripada pembayaran penalti penukaran status tanah tersebut.</p>
<p>5.3.2.1.b. - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Hakisan Tanah di Kawasan Projek UiTM Solar Park I di Gambang, Pahang</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik solar berskala besar.</i> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemulihan hakisan (<i>erosion</i>) kecil dan pembaikan longkang: - Kontraktor yang dilantik telah melaksanakan sebahagian kerja-kerja membaiki pulih hakisan ini sebelum penamatan kontrak pada Oktober 2023. 2. Tindakan seterusnya, pihak UEFSB akan melantik kontraktor baru yang dijangkakan pada awal tahun hadapan memandangkan musim tengkujuh telah pun bermula pada November 2023 mengakibatkan kerja-kerja baik pulih tidak dapat dijalankan pada hujung tahun ini. 3. Cadangan pemulihan hakisan tanah di tebing sungai dan perlindungan tebing sungai daripada kemerosotan di Blok 5 - Kerja-kerja pemulihan hakisan tanah di tebing Sungai Blok 5 ditangguhkan atas kekangan bajet tahunan. Kerja-kerja pemulihan ini dijangkakan akan bermula pada awal tahun hadapan setelah musim tengkujuh berlalu melalui bajet 2024.
<p>5.3.2.1.c. - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Hakisan Tanah di Kawasan Projek UiTM Solar Park II di Pasir Gudang, Johor</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik solar berskala besar.</i> 	<p>Pihak kontraktor telah melaksanakan 95% kerja-kerja pemulihan dan penambahbaikan terhadap hakisan tanah di UiTM Solar Park II dan selesai pada bulan Julai 2023.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Solusi jangka masa pendek – <i>earth drainage</i> telah dijalankan. • Solusi jangka masa panjang (<i>permanent drainage system</i>) - ini memerlukan modal kewangan yang tinggi. <p>Fail yang menunjukkan gambar-gambar terkini sebelum dan selepas bagi membuktikan kerja-kerja pembaikan telah dikongsi Bersama JAN dalam serahan (penyerahan pada 3 Julai 2023) yang lalu. (Lampiran E)</p>

Sebelum (19/12/2022)



Terkini (19/06/2023)



KLUSTER 3– AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN TENAGA

Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.3.2.1.d. - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Berskala Besar - Pemasangan Kabel</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemasangan conduit kabel yang tidak sesuai (UiTM Solar Park II). 2. Kerosakan kabel akibat tikus perosak. (UiTM Solar Park II). 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja berkenaan pembasmian haiwan perosak akan bermula pada minggu kedua pada 20 November 2023 memandangkan Team Technical & Non-Technical (TNT) mula tugas pada 15 November baru-baru ini. Kerja-kerja ini juga dibantu oleh Team Operations & Maintenance (O&M). 2. UiTM Holdings juga dalam proses pembelian kabel <i>anti-rodent</i>. Kabel ini akan ditukar secara berkala mengikut jumlah kerosakan kabel. 3. Antara skop kerja oleh Team TNT adalah pencucian panel dan juga penaburan racun tikus bagi membasmi kehadiran haiwan perosak. Kerja-kerja ini adalah dalam penjadualan bagi setahun seperti yang tertera di dalam kontrak mereka. <p>Sila Rujuk Lampiran F</p> <p><i>Memandangkan pelan Tindakan (Action Plan) telahpun selesai diambil, maka pihak UHSB memohon agar isu/syor audit ini ditutup dan ditukar ke status selesai.</i></p>
<p>5.3.2.1.e - PROJEK JANA KUASA ELEKTRIK SOLAR BERSKALA BESAR - Jaminan Perlindungan Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan Kabel <i>overcurrent trigger at a ring 1A</i> pada 8 Ogos 2022 melibatkan kabel di kawasan pembinaan Projek ECRL di UiTM Solar Park I 	<p>Kerja-kerja pembetulan (<i>rectification</i>) kabel bawah tanah telah dijalankan dan telah siap sepenuhnya pada 12 Oktober 2023 yang lalu. Laporan Pengujian (Test Report & Photo Report) telah dikeluarkan pada 19 Oktober 2023. Perkara ini juga telah dibentangkan di dalam mesyuarat pengurusan UHSB pada 16 Oktober 2023 yang lalu.</p> <p>Sila Rujuk Lampiran G</p> <p><i>Memandangkan pelan Tindakan (Action Plan) telahpun selesai diambil, maka pihak UHSB memohon agar isu/syor audit ini ditutup dan ditukar ke status selesai.</i></p>

Lampiran F - Pemasangan konduit kabel yang tidak sesuai & Kerosakan kabel (UiTM Solar Park II)

Sebelum (14/10/2023)



Terkini (14/10/2023)



Sebelum (10/10/2023)



Terkini (12/10/2023)



KLUSTER 3– AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN TENAGA

Ringkasan Maklumat Penemuan

Maklumbalas Terkini

5.3.2.2.a. - Projek Jana Kuasa Elektrik Solar Bumbung - Aduan Kecacatan Pembinaan Projek

- 41% aduan kecacatan pembinaan solar bumbung masih belum diselesaikan.

Kelulusan pembayaran tertunggak antara UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd Dan EPCC-Atlantic Blue telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd. Kerja- kerja retifikasi akan dilakukan. Kecacatan (*defect*) pembinaan solar masih berbaki **21%** (21 aduan kecacatan) daripada jumlah keseluruhan aduan kecacatan pembinaan solar bumbung dalam proses retifikasi.

Surat tawaran kepada kontraktor bagi pemasangan FCLR telah dikeluarkan pada 29 Ogos 2023 dan kerja telah bermula serta dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2024

5.3.2.2.b.- PROJEK JANA KUASA ELEKTRIK SOLAR BUMBUNG - Perlindungan dan Keselamatan Peralatan Projek Solar Bumbung

1. Sebahagian ruangan tempat letak kenderaan bagi Zon 1 telah mengalami kerosakan akibat dilanggar oleh lori yang menurunkan muatan.
2. Pemasangan inverter di kawasan ruang tempat letak kenderaan tidak teratur kerana kabel yang bersambung dengan inverter terdedah tanpa sebarang perlindungan.
3. Protection Relay tidak dikalibrasi dan telah tamat tempoh pada bulan November 2022.

1. Kerja pembaikan bagi bumbung yang rosak di UiTM Kampus Kuala Pilah telah selesai dijalankan pada 2 Oktober 2023 dan masih menunggu bayaran daripada pihak insurans untuk kerja pembaikan tersebut.
2. Mengikut standard industri ketika ini (rujukan MPiA) tidak ada sebarang keperluan untuk pemasangan alat pelindung inverter dan juga kamera litar tertutup untuk system solar berbumbung yang terdedah kepada akses awam.
3. Protection Relay telah selesai dikalibrasi untuk tujuh (7) kampus.



KLUSTER 4– AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PENJAGAAN KESIHATAN


Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.3.3.3.b.- Aktiviti Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan - Keperluan Doktor Pakar</p> <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan doktor pakar tidak mencapai sasaran 	<p>Kebergantungan UiTM Private Healthcare Sdn Bhd (UPHSB) terhadap penyediaan perkhidmatan doktor pakar dari Fakulti Perubatan UiTM adalah amat tinggi, namun kekangan yang dialami oleh pihak UPHSB berikutan jumlah masa perkhidmatan yang dibenarkan bagi setiap anggota Fakulti Perubatan adalah terbatas di mana ianya tetakluk kepada polisi fakulti tersebut.</p> <p>Setelah diteliti oleh ketiga-tiga pihak, semua pihak bersetuju perkara ini perlu diperhalusi dengan memperkemaskan koordinasi di antara ketiga-tiga pihak.</p> <p>Sehubungan dengan itu, UiTM menekankan keperluan UiTM Holdings untuk melantik Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital UiTM dalam komposisi Lembaga Pengarah UPHSB bagi meningkatkan komunikasi dengan UiTM untuk dijadikan platform yang lebih utuh bagi koordinasi yang berkesan.</p> <p>UiTM Holdings dalam proses melaksanakan perantikan barisan Lembaga Pengarah UPHSB yang baharu di mana terdapatnya penambahan jawatan Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital UiTM ke dalam komposisi Lembaga Pengarah UPHSB.</p>
<p>5.3.3.3.c.- AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN PENJAGAAN KESIHATAN - Penggunaan Peralatan Perubatan Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Ophthalmology Equipment for Cataract Surgery ➤ 2D Mammography System ➤ Robotic Surgery <ol style="list-style-type: none"> Penggunaan peralatan perubatan tidak mencapai sasaran berikutan pegawai pakar bertanggungjawab terhadap peralatan tersebut telah meletakkan jawatan pada 2020. Pegawai pakar gantian hanya dapat dilantik pada Oktober 2023. Dijangka kadar penggunaan peralatan tersebut akan meningkat dan seterusnya mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi mengelakkan situasi yang sama berulang, pihak UPHSB telah menetapkan syarat kontrak perkhidmatan di mana doktor pakar yang memohon untuk pembelian sebarang peralatan yang spesifik perlu berkhidmat sehingga selesai tempoh sasaran pulangan pelaburan bagi peralatan perubatan tersebut.

KLUSTER 4– AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PENJAGAAN KESIHATAN

Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.3.3.3.d.- AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN PENJAGAAN KESIHATAN - Sewaan dan Bangunan Hospital</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Sewaan dan penyelenggaraan bangunan hospital tidak cekap.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Perjanjian sewaan baharu bangunan PPUiTM <p>Proses rundingan masih dijalankan memandangkan pihak UiTM Private Healthcare Sdn Bhd (UPHSB) sedang memohon pengurangan kadar sewaan yang telah dicadangkan oleh pihak UiTM.</p> <p>UPHSB masih menunggu perjanjian baharu yang dimuktamadkan dari pihak UiTM.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Masalah siling dan dinding berkulat <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja pembaikan termasuk penukaran penapis HEPA dan pembersihan pada ‘ducting’ dan ‘AHU’ akan dilaksanakan oleh bakal Kontraktor yang akan dilantik oleh UiTM Sg. Buloh. Dijangkakan pihak kontraktor yang bakal dilantik akan memulakan kerja di tapak pada bulan Disember 2023. • Kerja-kerja pembaikan ini dijangka akan mengambil masa empat (4) bulan dari tarikh mula.
<p>5.3.3.3.e.- AKTIVITI PELABURAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN PENJAGAAN KESIHATAN - Pelaksanaan Hala Tuju UPSC</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pelan hala tuju UiTM Private Specialist Centre masih belum mencapai sasaran.</i> 	<p>Pengembangan syarikat untuk beroperasi seterusnya menjana pendapatan yang disasarkan perlu seiring dengan pelan asal yang telah diluluskan oleh LPU pada 2018.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penangguhan permulaan perlaksanaan UiTM Private Healthcare 10 years Strategic Plan Blueprint 2018 ,yang sepatutnya dilaksanakan pada 2019 adalah disebabkan oleh kelewatan dalam pembinaan bangunan hospital Al-Sultan Abdullah, Puncak Alam. 2. 2020-2021, kerja-kerja akhir pembinaan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) masih tertangguh disebabkan oleh Pandemik Covid-19. 3. Pada 2022, pihak UPHSB melalui UHSB telah membentangkan semula pelan pembangunannya melalui Way Forward Plan 2022 dengan mengambil kira perubahan dalam “<i>Schedule of Accommodation</i>”, kos pelaksanaan dan lain-lain aspek komersial.

KLUSTER 5– HALA TUJU STRATEGIK PELABURAN

Ringkasan Maklumat Penemuan	Maklumbalas Terkini
<p>5.3.4.- Hala Tuju Strategik Pelaburan</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Penyediaan pelan hala tuju adalah teratur namun masih dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah Universiti</i>	<p>Pelan Hala Tuju UiTM Holdings akan dibawa ke Mesyuarat LPU yang akan datang untuk perbincangan dan kelulusan</p> <p>Merujuk kepada keputusan LPU supaya UiTM Holdings menutup empat syarikat subsidiarinya, pengurusan akan bekerjasama dengan perunding cukai berkenaan penjimatan cukai melalui strategi menggunakan kerugian untuk mendapatkan faedah cukai kepada Kumpulan UiTM Holdings tanpa kos. Seterusnya, perkara ini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah UiTM Holdings, kemudian Majlis Eksekutif Universiti dan LPU untuk kelulusan.</p> <p>Penutupan anak-anak syarikat dorman seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. AKARI Software Asia Pacific Sdn Bhd2. UiTM Hospitality Management Services Sdn Bhd3. Advertising Lab Sdn Bhd4. Section One Sdn Bhd <p>Proses penutupan tersebut dijangka dimuktamadkan pada suku kedua tahun 2024.</p>



KLUSTER 5– HALA TUJU STRATEGIK PELABURAN

Ringkasan Maklumat Penemuan

5.4.- Tadbir Urus Korporat

7 daripada 9 elemen tidak diamalkan sepenuhnya

- *Pengerusi*
- *Lembaga Pengarah*
- *Setiausaha Syarikat*
- *Petunjuk Prestasi Utama*
- *Jawatankuasa Audit & Risiko*
- *Audit Dalam*
- *Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan*

Maklumbalas Terkini

Penambahbaikan Terma dan Rujukan

Untuk makluman JAN, pihak Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah mula bersidang di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah UiTM Holdings pada 19 Julai 2023 dan telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan dan Pencalonan, dan Jawatankuasa Pelaburan berkuatkuasa serta merta. Dengan kewujudan Jawatankuasa Audit di atas, pembentangan draf Piagam Lembaga Pengarah akan dapat dibincang segera dalam tempoh terdekat dan dibentang di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM Holdings akan datang.

Untuk makluman JAN, Jawatankuasa-Jawatankuasa telah pun bermesyuarat pada tarikh seperti di bawah:

Mesyuarat Ke-52 Jawatankuasa Audit dan Risiko (1/2023)	9 September 2023
Mesyuarat Ke-19 Jawatankuasa Perlaburan (1/2023)	12 September 2023
Mesyuarat Ke-28 Jawatankuasa Penamaan dan Pencalonan (1/2023)	23 Ogos 2023

Pelantikan Setiausaha Syarikat

Untuk makluman JAN, pihak Lembaga Pengarah UiTM Holdings telah mula bersidang di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah UiTM Holdings pada 19 Julai 2023 dan antara agenda khas yang dibentangkan dan diluluskan adalah pelantikan Setiausaha Syarikat Bersama baru di bawah UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya.

Perlantikan Penolong Pengurus Sekretarial di bawah UiTM Holdings merangkap Setiausaha Syarikat Bersama, adalah sebagai suatu langkah pengurangan kos jangka panjang yang dijalankan oleh UiTM Holdings di samping memastikan segala urusan dokumentasi sekretarial lebih pantas dan selamat

Perlantikan Setiausaha Syarikat Bersama di dalam UiTM Holdings Sdn Bhd dan anak-anak syarikatnya berkuatkuasa pada 19 Julai 2023 telah disempurnakan dan didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

TERIMA KASIH





JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my

www.parlimen.gov.my/pac